



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5849]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 5863]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1974:

Jawatankuasa—

Jadual—

Kepala B. 20, B. 21 [Ruangan 5864]

Kepala B. 22 [Ruangan 5873]

Kepala B. 23 hingga B. 27 [Ruangan 5911]

Kepala B. 28 [Ruangan 5932]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan, 1974:

Jawatankuasa—

Kepala P. 20, P. 21 [Ruangan 5864]

Kepala P. 22 [Ruangan 5873]

Kepala P. 23, P. 26, P. 65 [Ruangan 5911]

Kepala P. 28 [Ruangan 5932]

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 5863]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Isnin, 14hb Januari, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.K. (Tanah Merah).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.M. (Kapit).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungai Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

- „ Tuan HOR CHEOK FOON (Damansara).
„ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
„ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibu).
„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
„ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
„ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
„ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
„ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
„ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
„ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
„ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
„ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
„ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
„ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
„ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
„ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
„ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
„ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
„ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
„ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
„ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
„ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
„ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
„ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
„ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).

Yang Berhormat DR A. SOORIAN (Port Dickson).

- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasar Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasar Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

Yang Berhormat Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDULRAHMAN, P.P.T. (Rawang).

- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TAUN HAJI CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan Beaufort).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

YANG HADIR BERSAMA :

Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).

- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PERANCANG KELUARGA

1. Dr S. Seevaratnam (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan yang telah dicapai dalam kempen perancang keluarga bagi menghadkan pertumbuhan penduduk dalam negeri ini dan samada beliau sedar ahli-ahli sains ada memberi kenyataan 100 tahun lagi pertumbuhan penduduk mengikut kadar sekarang boleh menyebabkan semua kelaparan dan membawa kepada peperangan.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, Kempen Perancang Keluarga untuk mengurangkan pertumbuhan penduduk di negeri kita telah memberi kesan-kesan yang menggalakkan. Ini ternyata dengan bertambahnya bilangan pengguna-pengguna Perancang Keluarga serta berkurangnya kadar kelahiran bayi di beberapa tahun kebelakangan ini. Dalam tahun 1971-73 sahaja, Lembaga Perancang Keluarga Negara mempunyai 168,000 pengguna-pengguna baru dan ini merupakan 60% daripada matlamatnya. Kadar kelahiran bayi juga telah berkurangan daripada 37.3 bagi tiap-tiap 1,000 penduduk pada tahun 1966 kepada 32.6 pada tahun 1971.

Berhubung dengan teori ahli sains seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dalam soalnya itu, pada pendapat saya Ahli Yang Berhormat membuat rujukan kepada Teori Penduduk Malthus (Malthusian Theory on Population) yang menyatakan bahawa penambahan penduduk akan melebihi pengeluaran makanan dan ini akan menyebabkan penderitaan dan kelaparan penduduk serta peperangan. Saya sedar akan adanya teori ini yang telah dianjurkan oleh Malthus lebih dari satu abad yang lalu. Tetapi malangnya Malthus tidak mejangka bahawa kemajuan sains dan teknologi telah dapat menambahkan punca

pengeluaran yang boleh menampung penambahan penduduk. Saya merasa hairan mengapa Ahli Yang Berhormat tidak dapat menyedari hakikat ini yang dapat mengelakkan dari berlakunya keburukan-keburukan seperti yang diteorikan oleh Malthus itu.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pada 17hb Ogos, Menteri Kesihatan dalam akhbar "Malay Mail" berkata jikalau population growth di Malaysia seperti sekarang ada 3%, jikalau tambahan itu tidak dihadkan ekonomi Malaysia di masa akan datang akan menjadi lebih buruk. Dan dalam pandangan saya sampai sekarang kempen-kempen Family Planning nampaknya belum mencukupi dan oleh yang demikian itu bolehkah Kementerian menimbang mengemukakan satu undang-undang di Parlimen untuk menghadkan bilangan ahli di dalam keluarga untuk kebajikan anak-anak dan keluarga?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat kadar pertumbuhan penduduk di negara kita pada masa ini ialah 2.8%, bukannya 3.1% dan saya puas hati bahawa segala langkah-langkah yang dijalankan oleh Lembaga Perancang Keluarga pada masa ini mencukupi untuk mencapai matlamat-matlamat Perancang Keluarga.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ramai penduduk-penduduk di Malaysia ialah terdiri daripada pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi, bolehkah Kerajaan mengambil satu langkah iaitu di dalam sekolah-sekolah diberikan sex education supaya mereka boleh menghadkan keluarga mereka jikalau mereka berkahwin di masa akan datang?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain sama sekali.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam kempen perancang keluarga itu benarkah Kementerian ini tidak menggalakkan orang-orang yang baharu berkahwin menerima rancangan ini?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Ini adalah pendapat daripada pakar-pakar Perancang Keluarga bahawa orang yang

baharu berkahwin seelok-eloknya tidak melakukan perancang keluarga, kerana mungkin ini akan membawa kepada tersekat kelahiran anak bagi orang yang baharu berkahwin itu.

DASAR EKONOMI BARU— BASMI KEMISKINAN

2. Tuan Haji Ahmad Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Tujuan Kerajaan menyeru supaya Pegawai-pegawai Kerajaan berhubung rapat, bekerjasama dan mendapatkan sokongan daripada tokoh-tokoh politik; dan
- (b) Adakah tokoh-tokoh politik yang dimaksudkan hanya terdiri daripada parti Kerajaan atau secara umum.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita sedang melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua dan Dasar Ekonomi Baru untuk menghapuskan kemiskinan dan keadaan tidak seimbang dalam masyarakat dan meluaskan peluang-peluang untuk memberi kehidupan yang lebih sempurna kepada semua rakyat negara ini. Usaha-usaha melaksanakan rancangan-rancangan dan dasar-dasar yang besar ini memerlukan kerjasama dan sokongan daripada semua golongan masyarakat kita samada ahli politik, kakitangan Kerajaan, anggota Pasukan Keselamatan, pihak swasta, kaum tani, buruh, nelayan, pelajar, belia dan lain-lain.

Dengan demikian, pegawai-pegawai Kerajaan semasa menjalankan tugas pelaksanaan projek-projek pembangunan haruslah mendapatkan kerjasama dan sokongan daripada semua pihak yang berkenaan terutamanya tokoh-tokoh politik baik dari parti Kerajaan maupun parti-parti yang lain yang mempunyai hubungan rapat dan pengaruh di kalangan rakyat. Dengan cara ini mudah-mudahan pelaksanaan projek-projek pembangunan dapat dijayakan dengan lebih sempurna.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana kita sedia maklum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita merangkap tokoh politik yang ulung dalam negeri ini, demikian juga Datuk Abdullah bin Ayub

seorang tokoh pegawai Kerajaan, dengan engganannya Datuk Abdullah menerima jawatan Naib Canselor Universiti Kebangsaan baharu-baharu ini, adakah ini disifatkan mereka ini enggan bekerjasama dengan sebuah parti politik?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Saya ingat pertanyaan ini sudah jadi songsang, Tuan Yang di-Pertua, kerana sebenarnya soal yang ditimbulkan ialah pegawai-pegawai Kerajaan perlu meminta kerjasama ahli-ahli politik. Soal Datuk Abdullah Ayub adalah soal yang "complex" sedikit, dan perkara ini ada hubungan dengan banyak perkara. Saya rasa adalah hak beliau sendiri untuk menerima atau menolak sesuatu tawaran jawatan yang mengakibatkan bermacam perkara.

BADAN PENCEGAH RASUAH— SUSUNAN SEMULA

3. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyusun semula Badan Pencegah Rasuah supaya ia menjadi sebuah badan yang benar-benar bebas menjalankan tugas yang telah diamanahkan oleh negara untuk membersihkan amalan-amalan yang tidak baik yang boleh meruntuhkan kesetabilan negara.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, langkah menyusun Semula Badan Pencegah Rasuah ini telahpun dibuat dengan adanya Akta Biro Siasatan Negara, 1973 yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada mesyuaratnya yang lepas. Semenjak itu Badan Pencegah Rasuah telah dibubarkan dan digantikan dengan satu badan yang bebas. Badan ini diberi nama Biro Siasatan Negara.

Satu perkhidmatan baru dalam Perkhidmatan Awam Malaysia yang bernama Perkhidmatan Biro Siasatan Negara telah diwujudkan mulai 1hb Julai, 1973. Pegawai-pegawai Polis dan Kastam yang dahulu berkhidmat dalam Badan Pencegah Rasuah dengan cara pinjaman telah diberi pilihan untuk menerima tawaran pertukaran tetap dalam Perkhidmatan Biro Siasatan Negara atau hendak kekal dalam perkhidmatan asal mereka.

Dengan ujudnya perkhidmatan baru ini di mana pegawai-pegawainya adalah diberi kuasa bertindak di bawah Akta Biro Siasatan Negara, 1973 itu, saya percaya tugas Biro Siasatan Negara ini untuk membersihkan amalan-amalan rasuah serta lain-lain amalan yang berkaitan, akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

LAPURAN SURUHANJAYA GAJI HARUN

4. **Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Lapuran Suruhanjaya Gaji Harun lewat diumumkan dan samada Jabatan beliau sedar akan perasaan kegelisahan yang ada di kalangan pekerja-pekerja badan-badan berkanun dan pihak-pihak berkuasa awam.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, jawapan telahpun diberi semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab soalan yang sama daripada Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat pada 3hb Disember, 1973.

PENGIMPOT YANG MEMBUAT UNTUNG

5. **Tuan Yeoh Teck Chye** minta Menteri Kewangan memberikan butir-butir:

- (a) pengimpot-pengimpot yang telah membuat untung 100% atau lebih; dan
- (b) barang-barang yang mereka jual.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, satu soalan yang serupa telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka dalam sidang Parlimen ini pada 27-11-73 yang lalu dan saya tidak ada hendak menambah lagi kepada jawapan-jawapan yang telah saya berikan kepada soalan itu serta soalan-soalan tambahan yang telah dikemukakan.

GURU-GURU WANITA YANG BERKAHWIN

6. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa Kerajaan tidak membenarkan guru-guru wanita berkahwin selama tempoh tiga

tahun selepas mereka keluar dari maktab-maktab. Bagaimana pula kedudukan guru-guru lelaki. Adakah syarat itu akan dipinda pada masa hadapan.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Kerajaan tidak membenarkan guru-guru wanita berkahwin dalam masa 3 tahun selepas mereka keluar dari maktab-maktab perguruan.

HOSPITAL DAERAH SARATOK

7. **Tuan Edmund Langgu anak Saga** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Hospital Daerah Saratok akan dibina dan disiapkan dan berapakah jumlah anggaran harga Hospital ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya adalah sama seperti jawapan yang telah saya berikan di Dewan ini kepada soalan Ahli Yang Berhormat pada 20hb Julai, 1973.

JALAN DEBAK/PUSA

8. **Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah** bertanya kepada Menteri Kerja Raya dan Tenaga bila pembinaan jalan yang menyambungkan Debak dengan Pusa akan dimulakan kerana projek ini telah diluluskan dan mengapa berlaku kelambatan.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan terhadap Jalan Debak/Pusa telahpun siap dan kerja-kerja pembinaannya telahpun dimulakan. Jalan yang panjangnya 14 batu ini telah dirancang dan pembinaannya telahpun dimulakan tanpa sebarang kelewatannya. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerja-kerja survey terhadap jalan ini terpaksa dijalankan terlebih dahulu untuk menjamin supaya pembinaannya dapat dilancarkan dengan sempurna dan ini tidak dapat dijalankan dalam masa yang begitu singkat.

PERSATUAN PENGHUNI-PENGHUNI KUCHING

9. **Tuan Edwin anak Tangkun** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan apakah tindakan yang sedang

diambil mengenai memorandam Persatuan Penghuni-penghuni Kuching yang telah diserahkan pada 6hb September kepada Menteri Kerajaan Tempatan bagi Negeri Sarawak mengenai masalah Akta Kawalan Sewa (Pindaan), 1973.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu adalah terletak di bawah jagaan Kerajaan Negeri Sarawak, jadi saya telah merujuk perkara ini kepada Kerajaan Negeri tersebut untuk memberikan jawapan bertulis secara langsung kepada Ahli Yang Berhormat mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil ke atas memorandam itu.

IKATAN RELAWAN RAKYAT

10. Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) tujuan dan dasar Kerajaan menubuhkan Yunit Relawan di Malaysia;
- (b) samada yunit-yunit itu diadakan di semua negeri di Malaysia atau hanya di negeri-negeri yang bersempadan dengan Thailand sahaja; dan
- (c) bilangan yunit-yunit yang ditubuhkan dan apakah peranan yunit-yunit tersebut.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tujuan menubuhkan Ikatan Relawan Rakyat ialah untuk membantu Pasukan Keselamatan dalam menjaga keselamatan kampung khususnya dan negara amnya daripada ancaman pengganas-pengganas kominis, anasir-anasir sabersif dan jenayah. Di samping membantu Pasukan Keselamatan menjaga keselamatan negara adalah menjadi dasar Kerajaan menggalakkan ahli-ahli Ikatan Relawan itu:
 - (i) mengambil bahagian dalam usaha-usaha perpaduan dan kemasyarakatan rakyat;
 - (ii) mengekalkan nilai-nilai persamaan dan ketaatsetiaan di kalangan semua kaum; dan

- (iii) memupuk semangat bekerja keras dan tekun untuk negara melalui berbagai-bagai perkhidmatan dan membantu melaksanakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

(b) Yunit-yunit Relawan ditubuhkan di semua negeri di Malaysia.

(c) Jumlah yunit yang ditubuhkan sekarang ialah 2,952 yunit. Peranannya sudahpun saya nyatakan dalam jawapan (a) tadi.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat tahu berhubung dengan penubuhan Pasukan Relawan rakyat yang telah diadakan adalah baik, tetapi adakah bagi pihak Kementerian ini bercadang hendak menubuhkan bersama Pasukan Relawati?

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, memang ada rancangan Kerajaan hendak membentuk Pasukan Relawati di samping Yunit Relawan ini. Akan tetapi, buat sementara waktu ini Kerajaan sedang menimbangkan di atas kejayaan yang telah dijalankan di Negeri Perak dan Negeri Trengganu dan jika rancangan ini berjalan baik, maka Relawati ini akan dibentuk pada tiap-tiap negeri pada masa akan datang.

Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana tugas Relawan ini nampaknya besar dan banyak, maka adakah cadangan pihak Kerajaan mengadakan kursus yang tertentu untuk mereka?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Sebenarnya kursus ini telahpun berjalan dan sekarang ini sudahpun berjalan untuk ketua-ketua yunit yang akan dibentuk pada tiap-tiap negeri. Pada waktu ini kursus ini diadakan hanya buat sementara waktu di Morib, Selangor kerana tempat dan kemudahan-kemudahannya ada dan kemudian daripada ini kita akan bercadang hendak membentuk atau mengadakan kursus ini pada tiap-tiap negeri.

Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan lagi. Sekiranya berlaku satu kemalangan dalam masa pertempuran misalnya,

adakah pihak Kerajaan akan memberi saguhati sebagaimana yang diberikan kepada pasukan keselamatan dan sebagainya.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita akan beri sama.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya iaitu tidak jauh daripada Kuala Lumpur, lebih kurang 45 batu iaitu di Raub, yang mana dua hari yang lepas satu kejadian telah berlaku yang tak kita sangka-sangka, iaitu pengganas kominis telah membunuh askar-askar keselamatan. Boleh atau tidak Relawan ini bertempur bersama-sama dengan askar memburu pengganas-pengganas kominis ini?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, pada asalnya Relawan ini dibentuk ialah untuk mengawal keselamatan dan keamanan kampung dan tidak ada cadangan untuk Relawan ini pergi bertempur bersama-sama dengan pasukan keselamatan kita jauh ke dalam hutan. Akan tetapi, jika keadaan memerlukan kemungkinan Relawan ini akan diserapkan juga kepada pasukan keselamatan di tempat atau di kampung yang berhampiran sedang difikirkan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah termasuk peranan yang ditugaskan kepada Relawan ini iaitu memberi khabar berhubung dengan kecurian di kampung dan juga penanaman ganja yang sedang hebat di dalam negara kita ini?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, konsep Relawan ini pada bentuk baru sekarang memang tidak sahaja menjaga keselamatan kampung, tetapi juga untuk membantu pasukan keselamatan dalam usaha-usaha jenayah, kecurian termasuklah penanaman ganja yang didapati di Pontian baru-baru ini adalah hasil daripada pengetahuan dan juga berita-berita yang disampaikan oleh Relawan ini kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu syarat-syarat untuk penubuhan Relawan di tiap-tiap daerah

ataupun tiap-tiap kampung dan juga syarat-syarat orang yang hendak memasuki pasukan yang tersebut.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada syarat yang tertentu untuk menjadi ahli Relawan asal sahaja mereka itu tidak terlalu tua dan lebih umurnya 21 tahun. Tetapi kalau sudah terlalu tua dan uzur maka itu tidaklah dibenarkan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah pasukan ini akan digalakkan dalam tugas-tugas menyiasat guna memberitahu keadaan-keadaan di sekitar tanahair ini tentang gerakan-gerakan Kominis yang mengancam keselamatan negara?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

KERETAPI BAWAH TANAH

11. Tuan Lim Pee Hung bertanya kepada Menteri Perhubungan samada beliau akan menimbangankan pembinaan keretapi bawah tanah dan perkhidmatan mono-rail di Kota-kota besar khasnya dalam Bandaraya Kuala Lumpur supaya mengurangkan kesesakan lalulintas dan menolong orang-orang yang berulang alik.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, Kementerian saya belum lagi mempunyai rancangan untuk membina keretapi bawah tanah ataupun perkhidmatan mono-rail. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dikaji sekiranya didapati sesuai, dan berfaedah. Kementerian saya telah menjemput Jurutera Perunding bagi mengkaji cara-cara mengatasi kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur dan Kerajaan sedang menunggu laporan dan juga cadangan-cadangannya.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu kepada kita bila laporan ini boleh dibentangkan di Dewan Rakyat?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, kita belum menerima

kajian pegawai-pegawai itu. Sungguhpun sudah siap tetapi kita belum semak lagi benda itu. Jadi belum diterima oleh Kerajaan sepenuhnya.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan. Saya tahu di dalam Klang Valley Report pakar-pakar telah mencadangkan satu sistem mono-rail atau public transportation service menggunakan keretapi ialah satu sistem yang tidak boleh mendatangkan keuntungan wang. Oleh itu, Kementerian tidak ada hasrat untuk membina satu mono-rail atau satu rail service di Kuala Lumpur. Soalan saya sekarang ialah adakah Kerajaan berhasrat untuk membina mono-rail atau better transportation service untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sudah jawab tadi, kita masih menunggu recommendations dan kita belum study apa bendanya. Tidak fahamkah lagi jawapan saya itu.

Tuan Goh Hock Guan: Oleh sebab hal ini ada sedikit teknikal, bolehkah saya bertanya dalam bahasa Inggeris?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh!

Tuan Goh Hock Guan: Terima kasih.

GURU-GURU BESAR SEKOLAH MENENGAH/RENDAH

12. Tuan Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa kebanyakan guru-besar-gurubesar di sekolah-sekolah menengah lebih-lebih lagi mereka yang di sekolah-sekolah rendah pada masa ini tidak mengajar di kelas sama sekali oleh kerana mereka terlalu sibuk dengan hal-hal yang berhubung dengan pentadbiran pejabat, dan jika ada, nyatakan samada ini adalah oleh sebab arahan tertentu daripada Kementerian ini.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, tidak sedar. Guru-guru Besar di Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah adalah dikehendaki mengajar sekurang-kurangnya 9 waktu seminggu.

DISPENSARI TAK BERGERAK DI SARAWAK

13. Penghulu Abit anak Angkin minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kerajaan akan mengadakan kakitangan yang berkelayakan dan kemudahan-kemudahan yang lebih baik kepada gudang ubat tempatan di Song oleh kerana kakitangan dan kemudahan-kemudahan yang ada sekarang didapati tidak mencukupi sehinggakan kes-kes kecil terpaksa dihantar ke hospital-hospital yang jauh seperti di Kapit atau Sibuan dan menyebabkan kesulitan kepada penduduk-penduduk di Daerah Song terutama sekali mereka di kawasan-kawasan luarbandar.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Dispensari-dispensari Tak Bergerak di Sarawak dibahagikan kepada 3 gred bergantung kepada beban-kerja yang ada. Dispensari Tak Bergerak Di Song adalah jenis Kelas 1 dengan purata pesakit luar tiap-tiap bulan seramai 3,102 orang dan mempunyai kakitangan-kakitangan yang mencukupi iaitu terdiri daripada seorang Pembantu Hospital Kanan yang dibantu oleh seorang Pembantu Hospital. Dispensari ini mempunyai 6 buah katil rehat di mana pesakit-pesakit diterima masuk dan dirawat. Semua dispensari-dispensari Tak Bergerak adalah lengkap dengan alat-alat dan kakitangan-kakitangan berdasarkan kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan. Penyakit-penyakit yang tidak begitu merbahaya dirawat di dispensari-dispensari Tak Bergerak ini, hanya penyakit-penyakit yang merbahaya sahaja dihantar ke hospital yang berdekatan.

Jika dibandingkan dengan lain-lain daerah, Daerah Song tidaklah merupakan sebuah daerah pendalaman yang hanya mengambil masa 1½ jam perjalanan ke Kapit dan 2-2½ jam ke Sibuan. Selain daripada satu perkhidmatan ekspres, kemudahan pengangkutan adalah lebih baik jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain. Adalah kurang jelas apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kapit sebagai "Kes-kes Kecil". Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu dapat memberi butir-butir yang lebih tepat, saya akan memberi penyiasatan yang lebih teliti lagi.

PADI PULUT DI SARAWAK— PENANAMAN

14. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan apakah pertolongan yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada petani-petani untuk menanam padi pulut di Sarawak memandang bahawa harga beras pulut sangat mahal sekarang ini.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sarawak telah mengadakan Sekim Bantuan kepada Penanam-penanam Padi di kawasan-kawasan paya yang sesuai bagi tanaman padi yang kekal yang ditentukan. Peserta-peserta di dalam Sekim Bantuan Penanam-penanam Padi boleh menerima bantuan dengan wang tunai dan benda yang berjumlah berharga sebanyak \$400 seekar dalam tempoh 6 tahun sebagai berikut:

Tahun pertama dan kedua

Bantuan bagi membersihkan hutan, membina batas dan taliair dan sebagai berjumlah \$250.

Tahun ketiga

Bantuan penuh baja dan racun serangga sebanyak \$60.

Tahun keempat

Bantuan baja dan racun serangga sebanyak 75%, sebanyak \$45.

Tahun kelima

Bantuan baja dan racun serangga sebanyak 50%, sebanyak \$30.

Tahun keenam

Bantuan baja dan racun serangga sebanyak 25%, sebanyak \$15.

Penanam-penanam padi yang tiada menyertai Rancangan Bantuan Penanam-penanam Padi boleh memperoleh bantuan racun serangga atas permintaan kepada Jabatan Pertanian Negeri untuk mengawal musuh tanaman padi. Padi yang ditanam di tanah sawah ini termasuk jugalah padi pulut. Maka dengan sebab itu bantuan bagi menanam padi pulut juga diberi.

Awang Bungsu bin Abdullah: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar pada bulan yang lepas sebelum Hari Raya Haji di Sarawak harga beras pulut dijual \$8 hingga \$8.50 segantang. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk Kementerian ini untuk mengatasi masalah kekurangan beras pulut di Sarawak.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Keadaan harga beras pulut yang lebih tinggi daripada beras biasa bukan sahaja berlaku di Sarawak, tetapi juga di Semenanjung Malaysia. Pengeluaran atau hasil daripada tanaman beras pulut pada masa sekarang ini adalah lebih rendah daripada hasil penanam padi biasa. Maka dengan sebab itu kebanyakan daripada petani-petani dan penanam-penanam padi tidak mahu menanam padi pulut kalau sekiranya harga beras pulut tidak tinggi.

Pada masa sekarang ini pihak Kementerian Pertanian di bawah kelolaan MARDI telahpun menjalankan siasatan untuk menanam padi pulut atau mengeluarkan benih padi pulut ataupun bibit padi pulut yang boleh ditanam dua kali setahun. Siasatan ini telahpun berhasil dan pada masa sekarang ini kita boleh menanam padi pulut dua musim setahun dan pada masa sekarang ini pihak Kementerian saya sedang menggalakkan petani-petani menanam padi pulut yang benihnya boleh ditanam dua musim dalam setahun.

HOSPITAL DAERAH SUNGEI SIPUT (UTARA)

15. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah sebuah hospital Daerah akan dibina di bandar Sungei Siput (Utara) di Perak untuk memenuhi keperluan-keperluan kesihatan penduduk-penduduk di sana yang kini terpaksa pergi sejauh 15 batu ke Kuala Kangsar atau sejauh lebih kurang 17 batu ke Ipoh untuk mendapat rawatan perubatan ataupun dimasuki ke dalam wad jika perlu.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya telah jawab pada bulan Januari tahun yang lalu, dan rasa saya tidak payah diulang sekali lagi.

**PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA
DI NEW ZEALAND**

16. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pelajaran menyatakan hasil penyiasatan yang telah dibuat oleh Kementerian terhadap pelajar-pelajar Malaysia di New Zealand yang dikatakan terlibat dengan gerakan komunis.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun memberikan jawapan kepada soalan yang sama pada 3hb Disember tahun yang lepas waktu menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Sarawak.

17. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Pelajaran menyatakan samada tindakan telah diambil oleh Kerajaan terhadap penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri seperti di New Zealand yang telah dipengaruhi oleh ajaran-ajaran komunis.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 17 serupa saja dengan soalan No. 16 tidak payah dijawab.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan (Pindaan); dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat ini.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
YANG DIBEKALKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT**

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN, 1974**

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1974

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (11hb Januari, 1974).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Perbahasan disambung semula.

3.05 ptg.

JADUAL

Kepala B. 20, B 21, P. 20 dan P. 21—

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran-teguran dan syor-syor waktu membincangkan belanjawan Kementerian saya. Saya tidak bercadang hendak mengulas semua teguran-teguran dan syor-syor yang dikemukakan itu kerana kebanyakan daripadanya telahpun disentuh sebelum daripada perbahasan mengenai belanjawan Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara telah menyentuh tentang sikap dan kegiatan-kegiatan mahasiswa-mahasiswa Universiti-universiti tempatan. Dalam perkara ini sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri waktu menjawab soalan mengenai mahasiswa-mahasiswa kita di New Zealand, adalah menjadi perkara biasa bagi mahasiswa-mahasiswa mempunyai pendapat-pendapat yang radikal dan dengan itu tidaklah harus dibimbangkan sangat. Adalah menjadi tugas Kerajaan untuk memberikan penerangan-penerangan tentang dasar-dasar dan matlamat Kerajaan dan juga kejayaan yang telah dicapai dan apabila penerangan-penerangan ini diberikan adalah dipercayai bahawa mahasiswa-mahasiswa kita akan dapat membuat keputusan yang betul dan adil.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka ingin mendapatkan jaminan bahawa sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina tidak akan ditukar menjadi sekolah-sekolah kebangsaan. Mengenai perkara ini saya tidak hendak menambah apa-apa lagi kepada apa yang saya telah jelaskan dalam perjumpaan saya dengan wakil-wakil Jemaah Pengelola Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Persatuan Guru-guru Sekolah Cina dan Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas, Tenaga Nuclear dan Alam Sekeliling pada 9hb Januari tahun ini iaitu sekolah-sekolah rendah Cina tidak akan ditukar coraknya pada tahun 1975.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka juga telah menyentuh masaalah-masaalah latihan guru bagi guru-guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Saya suka memaklumkan bahawa dalam kursus-kursus latihan guru, guru-guru sekolah rendah jenis kebangsaan Cina adalah diberi kursus intensive Bahasa Cina, mereka juga dikehendaki lulus dalam latihan mengajar dengan menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa penghantar. Langkah-langkah ini adalah menjamin bahawa guru-guru ini berkebolehan untuk mengajar dalam penghantar Bahasa Cina.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan perkara pengambilan siswazah lepasan Universiti Nanyang dan Taiwan serta Kolej Ngee Ann ke dalam Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Ingin saya menjelaskan bahawa dalam tahun akademik

1973/74, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya telah menolak seramai 417 orang siswazah Universiti-universiti tempatan yang kesemuanya adalah warganegara Malaysia. Di antara mereka yang tidak diberikan tempat ini, 188 daripadanya terdiri daripada siswazah-siswazah Sains dan Ilmu Hisab dan 229 siswazah sastera. Jika siswazah-siswazah dari universiti tempatan sendiri tidak mendapat tempat disebabkan kekurangan tempat maka adalah tidak menasabah bagi universiti itu mengambil siswazah-siswazah lepasan universiti-universiti yang kelulusannya tidak diiktiraf oleh Kerajaan. Perkara ini telah juga disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur dan Ahli Yang Berhormat dari Sitiawan dan Dato Kramat telah membangkitkan soal penempatan Guru-guru Besar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina yang tidak dirundingkan terlebih dahulu dengan Lembaga Pengurus Sekolah-sekolah berkenaan. Dalam hal ini, saya suka menegaskan bahawa bekas Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Datuk Hussein Onn, tidak pernah memberi sebarang jaminan bahawa Kementerian Pelajaran akan merundingkan terlebih dahulu dengan Lembaga Pengurus Sekolah-sekolah sebelum menempatkan Guru-guru Besar ke sekolah-sekolah itu. Apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn semasa mengemukakan Rang Undang-undang Pelajaran (Pindaan) pada 10hb Januari, 1972 dahulu, seperti yang termaktub di dalam Penyata Rasmi Dewan Rakyat Jld. 1 Bilangan 47, muka surat 5360 adalah seperti berikut:

"Lastly, Tuan Yang di-Pertua, a new Section 32A has been made to provide a machinery for appeal to the Minister in the event of a Headmaster being posted to a school who is not acceptable to that school."

Adalah jelas bahawa jika sekiranya timbul rasa tidak puas hati terhadap satu penempatan Guru Besar di mana-mana sekolah, maka Lembaga Pengurus Sekolah-sekolah Yang Berkenaan bolehlah membuat rayuan kepada Menteri Pelajaran. Seksyen 32A Akta Pelajaran tahun 1961 yang berkenaan berbunyi seperti berikut:

"The board or committee set up by the Minister under sub-section (4) of Section

26A in a fully assisted school or a fully assisted educational institution to which a head teacher has been posted may, within thirty days from the date of such posting, appeal to the Minister in writing against the posting.”

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Ahli Yang Berhormat from Bandar Melaka expressed concern about the future of the National-type Chinese Primary schools. In this connection, I do not wish to say any more than what I have explained to the United Chinese Schools Management Committee Association and the United Chinese School Teachers Association, in the presence of Yang Berhormat the Minister of Nuclear Energy and Environment and Special Functions on 9-1-1974, that is, the character of Chinese Primary Schools will not be changed in 1975.

With regard to the training of teachers to teach in the National-type Chinese Primary Schools, I wish to state that trainees undergoing teacher training courses are given an intensive course in Chinese language. They are also required to pass their practical teaching in the medium of Chinese. All this will ensure that those who pass the course have the ability to teach through the medium of Chinese in the Chinese Primary Schools.

The Honourable Members from Bandar Melaka and Seremban Timur appealed that the University of Malaya accept graduates from Nanyang, Taiwan and Ngee Ann into the Faculty of Education. In this connection, I wish to state that for the academic year 1973/1974, the faculty of Education, University of Malaya, due to lack of places, was forced to reject 417 candidates from our local universities who are our citizens. Out of this number, 188 were Science and Mathematics graduates and 229 Arts graduates. If the University cannot provide places for all the graduates of our local universities because of the shortage of places, it is certainly unreasonable for the University to admit graduates of other universities whose degrees are not recognised by the Government.

The Honourable Members from Seremban Timur, Sitiawan and Dato Kramat complained about the posting of Headmasters to National-type Chinese Primary Schools

without first consulting the Boards of Management of the schools concerned. In this connection, I wish to stress that the former Minister of Education, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, never gave the assurance that the Minister of Education would consult the school Board before posting Headmasters to any school. What was actually said by Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn when he introduced the Bill, Rang Undang-undang Pelajaran (Pindaan) on 10-1-1972, as recorded in the Hansard Jilid 1, Bil. 47, column 5360 is as follows:

“Lastly, Tuan Yang di-Pertua, a new Section 32 (A) has been made to provide a machinery for appeal to the Minister in the event of a Headmaster being posted to a school who is not acceptable to that school.”

It is clear, therefore, that if there is any Board which is not happy with the posting of a Headmaster to their school, they can lodge an appeal to the Minister of Education according to Section 32A of the Education Act of 1961 which reads as follows:

“The board or committee set up by the Minister under sub-section (4) of Section 26A in a fully assisted school or a fully assisted educational institution to which a head teacher has been posted may, within thirty days from the date of such posting, appeal to the Minister in writing against the posting.”

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang pertukaran guru-guru yang dijalankan oleh Pengarah-pengarah Pelajaran. Pertukaran guru-guru ini tidaklah dibuat dengan sewenang-wenang sahaja. Pada dasarnya, pertukaran guru-guru adalah dengan tujuan untuk memperseimbangkan mutu dan taraf pelajaran di sekolah-sekolah luarbandar dengan sekolah-sekolah di dalam bandar. Pertukaran yang mempunyai tujuan ini, tentulah akan melibatkan pertukaran guru-guru yang berpengalaman dan telah lama berkhidmat di dalam bandar ke sekolah-sekolah di luarbandar dan sebaliknya. Dengan hal yang demikian sudahlah memang dapat diduga bahawa ianya akan mendatangkan perasaan tidak puas hati kepada setengah-setengah guru yang ditukarkan. Walau bagaimanapun, saya berharap bahawa demi kepentingan untuk memperseimbangkan mutu dan taraf pelajaran di

antara sekolah-sekolah luarbandar dengan sekolah-sekolah di bandar ini, guru-guru ini akan bersedia menerima pertukaran-pertukaran tersebut. Dalam pada itu, jika sekiranya ada di antara guru-guru yang tidak puas hati dengan pertukarannya dan mempunyai alasan-alasan yang kuat mengapa mereka tidak harus ditukarkan, Kementerian saya sedia mempertimbangkan rayuan mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Batu telah menyentuh soal yuran peperiksaan. Soal yuran peperiksaan memang dikaji pada tiap-tiap tahun. Pada awal tahun 1973 ianya telah dikaji secara mendalam. Kementerian saya telah menentukan bahawa tiap-tiap £1 yang dikenakan oleh Cambridge, Kementerian Pelajaran akan memungut sebanyak \$7.20. Pada ketika itu pertukaran rasmi ialah sebanyak \$6.60 pada tiap-tiap £1 tetapi tambahan sebanyak 60 sen adalah diperlukan untuk pembayaran pengawasan peperiksaan, tuntutan perjalanan pengawas-pengawas, elau hidup penyelia-penyelia kawasan, perbelanjaan pos dan pentadbiran-pentadbiran yang lain. Perlu diingatkan bahawa semenjak awal tahun 1973 semasa pungutan yuran untuk peperiksaan tahun 1973 dilakukan, harga £ telah turun, dan pada tahun 1974, kedudukan ini akan dikaji kembali untuk menentukan bayaran peperiksaan berasaskan harga £ yang terdapat pada awal tahun 1974 ini.

Banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang masalah kekurangan buku teks yang dihadapi oleh murid-murid sekolah sekarang, dan segala teguran-teguran yang membina akan dipertimbangkan. Kementerian saya sedar bahawa kekurangan buku-buku teks ini akan melibatkan taraf pelajaran kanak-kanak kita di bangku sekolah. Sepertimana yang kita semua ketahui, kekurangan buku-buku teks ini adalah berpunca dari beberapa faktor yang di luar kawalan kita, seperti masalah kekurangan kertas sedunia sekarang, kenaikan harga bahan percetakan dan kelambatan perkhidmatan perkapalan yang berpunca dari krisis minyak sedunia.

Ahli Yang Berhormat dari Bacok telah menyentuh mengenai kadar Pemberian dan Pemberian Bantuan Pelajaran yang diberikan kepada sekolah-sekolah. Berhubung dengan perkara ini, suka saya memberitahu

Ahli Yang Berhormat, bahawa Kementerian Pelajaran telah mengambil tindakan untuk menambah kadar Pemberian dan Pemberian Bantuan Pelajaran bagi semua peringkat persekolahan. Kadar Bantuan baru ini telah dikuatkuasa mulai daripada 1-1-1974 dan meliputi semua sekolah rendah, sekolah menengah, Sekolah Menengah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Sains, Sekolah-sekolah Menengah Vokesyenal dan Teknik dan asrama Sekolah-sekolah Bantuan Penuh.

Kadar Pemberian Bantuan O.C.A.R. dan O.C.S.E. bagi sekolah-sekolah rendah telah dinaikkan seperti berikut:

(i) Bagi sekolah yang muridnya 100 orang atau kurang	Daripada \$4.00 kepada \$8.00 purata seorang murid setahun
(ii) Bagi sekolah yang muridnya 101-250 orang	Daripada \$4.00 kepada \$6.80 purata seorang murid setahun
(iii) Bagi sekolah yang muridnya 251-500 orang	Daripada \$4.00 kepada \$5.69 purata seorang murid setahun
(iv) Bagi sekolah rendah yang muridnya 501 orang dan lebih	Daripada \$3.50 kepada \$3.35 purata seorang murid setahun

Sekolah Menengah Bantuan Penuh

Bagi Sekolah Menengah biasa, Pemberian Bantuan O.C.A.R. dan O.C.S.E. yang dulunya diberi secara "flat rate" iaitu \$7.50 seorang murid setahun, telah dinaikkan kadar bayaran adalah menurut "sliding scale" seperti berikut:

(i) Bagi sekolah yang muridnya 100 orang atau kurang	Purata \$15.00 seorang murid setahun
(ii) Bagi sekolah yang muridnya 101-250 orang	Purata \$13.20 seorang murid setahun
(iii) Bagi sekolah yang muridnya 251-500 orang	Purata \$11.60 seorang murid setahun
(iv) Bagi sekolah ren-muridnya 501-750 orang	Purata \$10.40 seorang murid setahun
(v) Bagi sekolah yang muridnya 751 orang dan lebih	Purata \$8.70 seorang murid setahun

Sekolah-sekolah Menengah Vokesyenal dan Teknik

Bagi sekolah-sekolah Vokesyenal dan Teknik Bantuan OCAR dan OCSE telah dinaikkan daripada \$35 kepada \$40 seorang murid setahun.

Bantuan Perpustakaan

Disamping menaikkan kadar-kadar Pemberian Bantuan Pelajaran yang diberikan sekarang, Kementerian Pelajaran juga memberi Pemberian Bantuan batu iaitu Bantuan perpustakaan bagi semua sekolah. Tujuan memberi Bantuan Perpustakaan ialah untuk membolehkan sekolah-sekolah yang tidak mempunyai perpustakaan supaya mengujudkan satu perpustakaan supaya murid-murid dapat meluaskan pelajaran dan pengetahuan mereka. Bagi sekolah-sekolah yang sudah mempunyai perpustakaan supaya memperbesar dan memperbaiki perpustakaan yang ada. Perpustakaan merupakan urat-nadi sekolah. Oleh itu, Bantuan Perpustakaan diberikan kepada sekolah-sekolah. Pembinaan Bantuan Perpustakaan adalah diberi berdasarkan "sliding scale". Bagi sekolah-sekolah rendah kadarnya ialah purata \$1.60 seorang murid setahun dan sekolah-sekolah menengah, \$2.00 seorang murid setahun.

Bantuan Matapelajaran Sains dan Ilmu Hisab

Pada masa sekarang, Kementerian Pelajaran memberi Bantuan Matapelajaran Sains hanya bagi sekolah-sekolah menengah. Mulai dari 1-1-74 Kementerian Pelajaran juga memberi Bantuan Matapelajaran Sains dan Ilmu Hisab kepada sekolah-sekolah rendah menimbangkan bahawa di sekolah rendah, pelajaran Sains dan Ilmu Hisab moden diwujudkan dan memerlukan alat-alat yang banyak untuk penyampaian mata-pelajaran-matapelajaran itu dengan lebih berkesan.

Kadar Bantuan Matapelajaran Sains dan Ilmu Hisab ini ialah \$1.80 purata seorang murid setahun, bagi sekolah rendah.

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan di dalam kedudukan pelajaran sains dan ilmu hisab di sekolah-sekolah rendah. Baharu-baharu ini di dalam peperiksaan S.R.P. yang mana banyak anak-anak gagal di dalam ilmu hisab kerana ilmu hisab adalah satu mata pelajaran yang wajib, maka anak-anak ini keseluruhannya gagal dalam peperiksaan. Anak-anak yang seumpama ini banyak mendapat kepujian di dalam mata-pelajaran yang lain yang mana bagi pendapat saya anak-anak ini akan terkandas

dan peluang hidup mereka di masa yang akan datang akan tercicir kerana gagal di dalam peperiksaan S.R.P. Dapatkah Menteri yang berkenaan menimbangkan semula dengan secara teliti supaya jangan anak-anak ini jadi kurban atas dasar pelajaran kita yang dijilankan pada hari ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Pengerusi, soalan itu saya akan ambil ingatan. Bagi sekolah-sekolah menengah termasuk Sekolah Menengah Berasrama Penuh dan Sekolah Menengah Sains. Kadar Pemberian Bantuan Matapelajaran Sains ialah:

Tingkatan hingga III	Peralihan	Daripada \$5.00 kepada \$10.00 kepada seorang murid setahun
Tingkatan IV hingga V		Daripada \$15.00 kepada \$20.00 kepada seorang murid setahun
Tingkatan VI		Tiada perubahan iaitu \$30.00 seorang murid setahun

Bantuan Matapelajaran Pilihan

Bantuan Matapelajaran-matapelajaran Pilihan bagi semua sekolah menengah telah dinaikkan seperti berikut:

- | | |
|--|---|
| (i) <i>Sains Rumah Tangga</i>
Tingkatan I hingga V | Daripada \$5.00 kepada \$15.00 seorang murid setahun |
| (ii) <i>Sains Pertanian</i>
Tingkatan I hingga III
Tingkatan IV hingga V | Daripada \$5.00 kepada \$15.00 seorang murid setahun
\$35.00 seorang murid setahun. (Pemberian baru) |
| (iii) <i>Sains Perusahaan</i>
Tingkatan I hingga III | Daripada \$8.00 kepada \$15.00 seorang murid setahun |
| (iv) <i>Teknik</i>
Tingkatan IV hingga V | \$35.00 seorang murid setahun (Pemberian baru) |
| (v) <i>Perdagangan</i>
Tingkatan I hingga V | Daripada \$4.00 kepada \$5.00 seorang |

Bantuan OCAR dan OCSE untuk asrama

Kementerian Pelajaran telah juga menaikkan bantuan OCAR dan OCSE untuk asrama sekolah menengah biasa daripada \$22 kepada \$30 seorang murid setahun. Di samping itu, Kementerian Pelajaran juga telah meluluskan bantuan OCAR dan OCSE bagi asrama-asrama di bawah Pentadbiran Yayasan-yayasan Negeri dengan kadar \$12 seorang murid setahun bagi murid-murid yang layak menerima bantuan.

Bantuan Makanan

Bantuan Makanan bagi murid-murid yang tinggal di asrama dahulu ialah 77½ sen seorang murid sehari bagi asrama-asrama di Kuala Lumpur dan 72½ sen sehari bagi asrama-asrama di kawasan-kawasan lain. Mulai dari 1-1-74, kadar Bantuan Makanan di asrama telah dinaikkan kepada \$1 seorang murid sehari bagi semua murid di Sekolah-sekolah Menengah biasa dan Sekolah-sekolah Menengah Vokesyenal dan Teknik. Bagi murid-murid di asrama Sekolah Menengah Berasrama Penuh dan Sekolah-sekolah Menengah Sains, Kementerian Pelajaran memberi Bantuan Makanan sebanyak \$1.50 seorang murid sehari.

Tuan Pengerusi, ringkasnya bantuan-bantuan kepada sekolah-sekolah rendah dan menengah telahpun dinaikkan mulai daripada tahun ini dan ini akan juga di kaji dari satu masa ke satu masa, dan sekiranya perlu Kementerian saya akan menimbangkan lagi bantuan-bantuan kepada sekolah-sekolah kerana untuk menimbangkan keadaan yang kurang memuaskan ini.

Tuan Pengerusi, sekianlah sebagai jawapan kepada setengah-setengah daripada teguran dan syor-syor yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan dengan penerangan-penerangan ini saya pohon mencadangkan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$726,819,815 untuk Kepala B. 20 dan \$118,696,352 untuk Kepala B. 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$108,350,000 untuk Kepala P. 20 dan \$31,264,400 untuk Kepala P. 21 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1974.

3.28 ptg.

Kepala B. 22 dan P. 22—

Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Pengerusi, saya minta izin untuk mengemukakan perbelanjaan bagi tahun 1974 di bawah Kepala Bekalan 22, Kementerian Luar Negeri berjumlah \$31,914,400 untuk diluluskan.

Saya akan kemukakan Perbelanjaan Mengurus dahulu dan selepas itu Perbelanjaan Pembangunan.

Dari jumlah Anggaran Perbelanjaan Kementerian ini jumlah \$29,794,400 diperlukan di bawah Perbelanjaan Mengurus. Rancangan-rancangan Kementerian Luar Negeri di bawah Perbelanjaan Mengurus dipecahkan kepada lapan aktiviti. Jumlah peruntukan yang diperlukan untuk tahun 1974 di bawah perbelanjaan Mengurus dibahagi-bahagikan kepada aktiviti-aktiviti berikut:

(i) *Pentadbiran Am*

Sejumlah \$10,611,430 diperlukan untuk menemui tanggungan yang makin bertambah di bawah aktiviti ini. Jumlah ini adalah tambahan sebanyak \$1,622,530 kepada peruntukan yang telah diluluskan untuk tahun 1973.

Pentadbiran Am ialah aktiviti utama yang penting bagi Ajensi ini. Fungsinya ialah memberi perkhidmatan-perkhidmatan sokongan kepada aktiviti Politik, iaitu aktiviti utama Kementerian ini dan aktiviti-aktiviti lain. Pertambahan peruntukan Pentadbiran Am ini bagi tahun 1974 berbanding dengan tahun 1973 ialah kerana perkembangan yang dirancangan bagi kakitangan dan memenuhi kekosongan yang ada sekarang di Kementerian ini dan di Perwakilan-perwakilan di Luar Negeri di bawah aktiviti ini. Sebahagian besar dari pertambahan peruntukan ini adalah disebabkan oleh penubuhan Perwakilan Diplomatik di Dacca (Bangladesh), Vienna (Austria) dan penyemakan semula tingkatan gaji bagi kakitangan tempatan yang ditugaskan di Perwakilan-perwakilan di Luar Negeri, penyemak semula had sewa rumah bagi kakitangan kita di seberang laut dan kenaikan gaji biasa di bawah "personal emolument".

Suatu perkembangan yang penting di bawah aktiviti ini ialah penubuhan seksu Pengawasan yang dipanggil bahagian Inspektorat. Bahagian Inspektorat bertanggungjawab kepada penggunaan yang lebih baik bahan-bahan yang ada di perwakilan-perwakilan Malaysia di seberang laut terutamanya bagi menentukan kebijaksanaan kakitangan dan juga mendapatkan kecekapan sepenohnya dari perwakilan-perwakilan kita. Dalam tahun 1973 pasukan Bahagian ini telah membuat beberapa lawatan pengawasan ke Perwakilan-perwakilan kita di

Eropah, Amerika dan Asia. Lawatan-lawatan pengawasan ke perwakilan di seberang laut akan diteruskan tahun depan.

(ii) *Politik*

Jumlah sebanyak \$11,525,814 adalah dikehendaki di bawah Aktiviti ini bagi tahun 1974. Jumlah itu termasuk tambahan sebanyak \$1,438,107 daripada peruntukan yang diluluskan untuk tahun 1973.

Aktiviti Politik ialah Aktiviti yang utama bagi Agensi ini. Aktiviti ini bertanggungjawab terhadap perhubungan baik yang ujud antara negara kita dengan negara-negara asing. Perhubungan yang baik di antara negara kita dan negara-negara asing adalah satu faktor besar dalam memperbaiki hubungan perdagangan antara negara kita dengan dunia luar. Tambahan peruntukan untuk tahun 1974 disebabkan oleh penubuhan dua buah perwakilan di Dacca dan Vienna, memenuhi beberapa jawatan yang kosong di Perwakilan-perwakilan di luar negeri dan dengan bertambahnya aktiviti-aktiviti ini dalam tahun 1974. Aktiviti-aktiviti itu adalah seperti berikut:

Konsep pengecualian Asia Tenggara yang pertama kalinya diutarakan oleh Perdana Menteri dalam tahun 1971 sebagai satu cara yang penting bagi memelihara keamanan dan keselamatan di rantau ini, akan diikuti dan diperluaskan lagi oleh Kementerian ini dalam tahun 1974.

Dalam tahun 1974, Kementerian ini bercadang untuk terus menjadi ahli Negara-negara Berkecuali yang aktif. Ini adalah kerana baru-baru ini Malaysia telah dilantik semula sebagai ahli Jawatankuasa Penyelarasan bagi Negara-negara yang berkecuali untuk menyediakan Mesyuarat Kemuncak yang akan datang.

Dalam tahun 1974 hubungan antara Malaysia dengan Republik Rakyat Cina dipergiatkan lagi.

Kementerian ini bekerjasama rapat dengan Indonesia dan Singapura untuk menjalankan "Hydrographic Survey" kita tentang Selat Melaka, memperbaiki keselamatan Lalulintas Laut dan menjauhkan pengotoran (pollution) Selat tersebut. Aktiviti ini akan dipergiatkan lagi pada tahun 1974 supaya ini akan membawa kepada pengalaksanaan sekim pembahagian trafik (traffic separation) bagi Selat Melaka dan Singapura.

Dalam tahun 1974 Malaysia dijangka akan mengambil bahagian yang aktif di dalam Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam dan dalam aktiviti Sekretariat Islam.

Aktiviti-aktiviti politik di dalam hubungan dengan negara-negara Eropah Timur dijangka akan dipergiatkan pada tahun 1974. Pengikhtirafan yang baharu dilakukan terhadap Republik Demokratik Jerman akan menambahkan lagi aktiviti ini.

Tanggapan yang tinggi dan penghormatan yang diterima dari kacamata komuniti negara-negara terhadap Malaysia adalah ukuran hasil aktiviti-aktiviti politik agensi ini.

(iii) *Penyelidikan*

Bagi tahun 1974, jumlah peruntukan yang diperluaskan bagi aktiviti ini ialah \$1,597,370. Ini adalah tambahan sebanyak \$289,628 kepada jumlah yang diluluskan bagi tahun 1973. Oleh sebab aktiviti ini mempunyai kaitan dengan keselamatan negara maka adalah tidak mungkin dibentangkan di sini.

(iv) *Penerangan Luar Negeri*

Sejumlah \$2,632,915 diperlukan untuk aktiviti ini bagi tahun 1974. Ini adalah tambahan sebanyak \$765,330 kepada peruntukan yang diluluskan untuk tahun 1973. Sebab-sebab tambahan peruntukan di bawah aktiviti ini ialah kerana pertukaran kaki-tangan yang mengeluarkan "Malaysia Digest" dari Kementerian Penerangan ke Kementerian ini.

Aktiviti ini menyebarkan maklumat-maklumat tentang Malaysia kepada negara-negara asing melalui perwakilan kita di seberang laut dengan tujuan menonjol dan membina imej yang baik bagi Malaysia dalam semua aspek, kestabilan politik perkembangan, kemajuan ekonomi, kebudayaan dan lain-lain. Aktiviti ini juga bertanggungjawab mempropogandakan hubungan kebudayaan, ekonomi dan perdagangan di antara Malaysia dan negara-negara sahabat yang lain dan membetulkan imej yang salah dibuat oleh negara lain terhadap Malaysia.

Dalam tahun 1974 diharapkan bahawa perjalanan aktiviti ini boleh dipergiatkan lagi dengan mengujudkan jawatan-jawatan baru, menghantar Atase-atase Penerangan yang lebih ramai ke luar negeri dan mempopularkan penerbitan seperti "Malaysian

Panorama", "Malaysia in Brief", Gambar-gambar poster, "Foreign Affairs Malaysia", Kalendar-kalendar bergambar, Buku-buku harian dan lain-lain penerbitan yang menggambarkan kemajuan negara kita; sementara meneruskan terbitan-terbitan yang popular ini. Setengah daripada penerbitan ini dijangka akan diterbit dalam Bahasa yang berlainan untuk menghasilkan kesan yang dikehendaki di negara-negara yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa utama. Dalam tahun 1974, penerbitan sampingan berwarna kepada "Malaysia Digest" dicadang untuk diperkenalkan bagi rencana-rencana istimewa dan gambar-gambar yang menggambarkan kemajuan social dan ekonomi Malaysia dan liputan acara-acara penting yang berlaku di dalam negara.

(v) *Konsular*

Jumlah peruntukan yang diperlukan bagi tahun 1974 di bawah aktiviti ini ialah \$686,401. Ini adalah tambahan sebanyak \$272,959 kepada jumlah yang diluluskan di bawah aktiviti ini untuk tahun 1973.

Lingkungan aktiviti ini adalah meliputi bidang yang luas di dalam negeri dan juga perwakilan-perwakilan kita di luar negeri. Setengah daripada fungsi-fungsi yang dilakukan adalah mengeluarkan paspot-pasport Diplomatik resmi kepada "designated Malaysia" dalam lawatan rasmi, membuat peraturan mengenai "repatriation" dan membuang negeri orang asing yang tidak diingini dari Malaysia, kebajikan warga-negara Malaysia di seberang laut, pengesahan dokumen-dokumen, perkara-perkara berhubung dengan Sempadan Perairan Wilayah Malaysia, ruangan angkasa dan sempadan-sempadan tanah, membuat dan membatalkan Perjanjian-perjanjian Pemansuhan visa, mengumpulkan peraturan-peraturan visa negara-negara lain dan memudahkan pengeluaran visa-visa pada pelawat-pelawat luar negeri.

Oleh kerana terdapat kerumitan untuk meramalkan aktiviti ini, maka amatlah sukar untuk menjangka dengan tepat perkara-perkara penting untuk tahun 1974. Satu perjanjian pemansuhan "partial" visa dijangka akan ditandatangani dengan beberapa negeri-negeri Eropah Timur. Penandatanganan perjanjian-perjanjian ini diharapkan membawa zaman baru kepada kerjasama Malaysia dengan negara-negara Sosialis. Bahagian

ini telah juga mengambil bahagian di dalam rundingan untuk Perjanjian Pas Sempadan dengan Negeri Thai.

Adalah dijangkakan bahawa beban-kerja untuk tahun 1974 akan bertambah.

(vi) *Ekonomi dan Kerjasama Daerah*

Sejumlah \$203,983 diperlukan untuk aktiviti ini bagi tahun 1974. Ini adalah \$3,980 lebih dari jumlah yang diluluskan bagi tahun 1973.

Pada dasarnya aktiviti ini ditujukan kepada Sekretariat ASEAN dan Bahagian Ekonomi. Tugas utamanya ialah untuk mencapai dan melindungi kepentingan ekonomi Malaysia di luar negeri dengan memberi tekanan kepada kerjasama serantau di kalangan negara-negara ASEAN. Ia juga berhubung rapat di dalam berbagai-bagai hal ekonomi dengan badan-badan Bangsa-bangsa Bersatu seperti UNCTAD, GATT, ECAFE, FAO, ECOSOC, UNDP dan juga organisasi-organisasi serantau seperti SEAMEC dan Persidangan Menteri-menteri Ekonomi, Bahagian ini bertanggungjawab ke atas penyertaan Malaysia yang lebih besar di dalam pertumbuhan-pertumbuhan Ekonomi Serantau Antarabangsa dan Kewangan seperti A.D.B., I.M.F., I.B.R.D., I.T.C., Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli, dan lain-lain dengan tujuan untuk mendapatkan bantuan yang lebih dari segi ekonomi dan kewangan. Melalui penyertaan di dalam aktiviti-aktiviti pertumbuhan-pertumbuhan antarabangsa, bantuan kewangan dan teknikal yang lebih banyak telah diterima dari Rancangan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan lain-lain Ajensi-ajensi khas Bangsa-bangsa Bersatu.

Bahagian ini juga membantu dalam usaha mendapatkan negara-negara asing untuk mengambil bahagian di dalam Rancangan Malaysia Kedua, untuk mendapatkan tawaran yang paling berpatutan bagi ekspot-ekspot Malaysia ke negara-negara E.E.C. dan di dalam menambahkan perdagangan, kerjasama ekonomi dan teknik dengan U.S.S.R., Korea Utara, Hungary, Bulgaria dan Republik Rakyat Cina.

Rancangan Bantuan teknikal tetap Bangsa-bangsa Bersatu dan Ajensi-ajensi Khas, Perjanjian Kerjasama Teknik dan bantuan yang diterima oleh Malaysia, Perjanjian

Cukai Dua Kali, Perhubungan Perdagangan dan Perjanjian Perdagangan, adalah semuanya di dalam lingkungan perhatian Bahagian ini secara luas.

Di dalam tahun 1974, Kementerian ini akan terus mengambil bahagian yang aktif di dalam persidangan-persidangan Menteri-menteri ASEAN, persidangan-persidangan Jawatankuasa Tetap ASEAN mengenai pelancungan, perkapalan, sebaran am, pengangkutan dan perhubungan, makanan dan pertanian, sains dan teknologi, pengangkutan awam udara, aktiviti-aktiviti sosial dan kebudayaan dan lain-lain Persidangan Peringkat Menteri bagi Pembangunan Ekonomi Asia Tenggara.

Untuk tahun 1974, beban-kerja yang dijangkakan adalah penerusan projek-projek yang telah dimulakan melalui beberapa persidangan dalam tahun 1973 dan projek-projek baru yang lain yang mungkin diluluskan oleh beberapa mesyuarat-mesyuarat Menteri, atau cadangan Jawatankuasa Tetap ASEAN. Adalah dijangkakan Malaysia akan mengambil bahagian yang cergas di dalam ASEAN dan pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa.

(vii) *Perhubungan dan Keselamatan*

Untuk tahun 1974 sejumlah \$1,987,722 diperlukan di bawah aktiviti ini. Jumlah yang diperlukan ini adalah merupakan potongan sebanyak \$120,529 dari yang diluluskan bagi tahun 1973 di bawah aktiviti ini.

Aktiviti ini berkisar di sekitar perhubungan melalui "telegraphic circuit telegrams" yang disewa, perkhidmatan telex dan beg-beg diplomatik di antara Wisma Putra dan Perwakilan-perwakilan di luar negeri dan juga perkhidmatan talipon yang digunakan oleh seluruh Kementerian. Seksi yang berlainan di bawah aktiviti ini juga memudahkan Kementerian-kementerian dan Jabatan lain membuat hubungan dengan Perwakilan-perwakilan kita di luar negeri dan juga memberi perkhidmatan beg diplomatik kepada Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri bagi perhubungan-perhubungan penting dan resmi dan dari negara-negara asing ke Kuala Lumpur.

Bagi tahun 1974 beberapa Perwakilan di Seberang Laut akan disediakan dengan kemudahan-kemudahan ini supaya per-

hubungan perkara-perkara sulit antara perwakilan-perwakilan kita di luar negeri dengan Kuala Lumpur dapat dibaiki dan dipercepatkan lagi.

Bahagian Keselamatan di bawah aktiviti ini adalah bertanggungjawab menjaga keselamatan Wisma Putra dan Perwakilan-perwakilan di Seberang Laut. Bahagian ini juga bertanggungjawab kepada keselamatan semua fail-fail rahsia, dokumen-dokumen, surat-surat, taligeram-taligeram, laporan-laporan dan lain-lain perhubungan, rahsia di dalam Kementerian ini dan Perwakilan-perwakilan kita di seberang laut.

(viii) *Protokol*

Sejumlah \$548,765 diperlukan di bawah aktiviti ini. Ini merupakan tambahan sebanyak \$207,365 kepada peruntukan yang diluluskan bagi tahun 1973.

Aktiviti ini adalah berkaitan dengan hal-hal protokol dan "precedence" diplomatik, keistimewaan-keistimewaan dan immuniti diplomatik/konsular, surat-surat tauliah, perjanjian-perjanjian, lawatan-lawatan difidif Kehormat (VIP's) luar negeri ke Malaysia, pengaturan lawatan-lawatan negara oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong keluar negeri dan lawatan-lawatan oleh pegawai-pegawai Malaysia di luar negeri. Tambahan di bawah aktiviti ini adalah kerana pengujudan jawatan-jawatan pegawai protokol tambahan di Bahagian Protokol dan aktiviti-aktiviti yang dijangkakan bertambah dalam tahun 1974.

Satu daripada objektif di bawah aktiviti ini ialah penyusunan dan penyimpanan yang teratur mengenai kesemua Perjanjian-perjanjian Antarabangsa yang dipersetujui atau ditandatangani oleh Malaysia. Adalah dijangka pada tahun 1974 Siri Pertama Perjanjian Malaysia yang mengandungi semua Perjanjian-perjanjian yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia selepas Merdeka akan diterbitkan.

Dalam tahun 1974, adalah dijangka bahawa keadaan aktiviti ini akan mengikut corak yang agak sama seperti tahun-tahun yang sudah dengan pertambahan yang meningkat bilangan perwakilan-perwakilan diplomatik di Kuala Lumpur.

Perbelanjaan pembangunan

Sekarang saya sampai kepada Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1973. Ahli-ahli Yang Berhormat akan melihat bahawa peruntukan sebanyak \$2,120,000 diperlukan bagi tahun 1974 untuk perkara-perkara berikut:

- (a) Pemberesan projek-projek yang belum disiapkan di dalam Rancangan Malaysia Pertama; dan
- (b) Projek-projek baru yang dicadangkan di dalam Rancangan Malaysia Kedua. Tambahan kecil kepada peruntukan sebanyak \$1,900,000 bagi tahun 1973 adalah kerana:
 - (i) Kelambatan menyiapkan kompleks Bangunan di New Delhi oleh sebab kekurangan bahan-bahan pembinaan. Kompleks ini dijangkakan akan siap pada penghujung tahun 1974.
 - (ii) Bangunan Canseri yang baru di Singapura sekarang telah siap dan telah diduduki.
 - (iii) Dalam perundingan dengan Akitek-akitek, Kementerian ini adalah di dalam proses melantik seorang Juru Ukur Bahan (Quantity Surveyor) dan pembinaan Kediaman Pesuruhjaya Tinggi di Wellington akan bermula pada awal tahun 1974. Menurut pandangan akitek-akitek itu, projek itu akan siap di dalam masa 18 bulan.
 - (iv) Sejumlah sebanyak \$1,151,650 telah diutukkan kepada projek-projek lain seperti di (a) Songkhla. (b) Jeddah dan (c) Bonn.

Projek untuk membeli sebidang tanah di Songkhla bagi membina sebuah bangunan konsulat dan kediaman Konsul telah mencapai sedikit kemajuan.

Di dalam perjumpaan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, dan Perdana Menteri Negeri Thai di Songkhla pada bulan Mei, 1973, perkara mendapatkan tanah di Songkhla untuk pembinaan rumah bagi Konsul Malaysia dan bangunan Konsulat telah ditimbulkan. Sebagai hasilnya, Kerajaan Negeri Thai telah bermurah hati bersetuju untuk menjual sebidang

tanah "Crown" yang luasnya lebih kurang 2 1/8 ekar. Harga yang dipersetujui ialah M\$403,000. Pemberesan pembelian ini akan disiapkan pada tahun 1974 selepas mana sebuah firma Akitek akan dilantik untuk pembinaan bangunan-bangunan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

3.45 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya menyokong Anggaran yang diminta oleh Menteri yang berkenaan. Saya cuma hendak bercakap dalam dua tiga perkara sahaja.

Pertama, dalam aktiviti Kementerian ini berhubung dengan luar negeri. Kita sedia maklum bagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa kedudukan Malaysia sekarang di luar negeri sangat baik, satu tugas yang patut dilakukan dalam bidang politik sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu memajukan usul atau memberikan sokongan mana-mana cadangan meminta Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu, meninjau semula hak rakyat sesebuah negara yang mana sebilangan besar rakyatnya menentang Kerajaan yang melindunginya supaya diberikan peluang rakyat di situ menentukan nasib dengan mendapatkan hak mereka berkaitan dengan sendiri. Ini menurut hemat saya, sesuai dengan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu dengan melindungi dan memberikan keadilan kepada tiap-tiap manusia. Rakyat yang saya minta Kerajaan Malaysia ini mengambil perhatian: Pertama, umat manusia di Selatan Filipina, umat manusia di Selatan Siam, umat manusia di Tibet (Cina), umat manusia di Kashmir (India) umat manusia di Ireland Utara, umat manusia di Pelarian Palestine, umat manusia di kawasan Mozambique jajahan Portugis dan juga umat manusia di Afrika Selatan. Dengan kajian ini, menurut hemat saya beberapa negara baru akan merdeka dan dunia ini akan aman. Saya percaya rakyat di kawasan ini akan memberikan kerjasama.

Pandangan saya ini tidak bercanggah kerana telah menjadi amalan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bahawa boleh mencampuri tangan dalam urusan sesebuah negara dan bertanggungjawab memaksa negara itu mematuhi kehendak Perhimpunan

Agong Bangsa-bangsa Bersatu ini seperti yang telah dibuat kepada Kerajaan Khmer sekarang.

Yang kedua, dalam ucapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berhubung dengan politik juga saya hendak tahu setakat manakah betulnya akhbar di Singapura yang telah melapurkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengunjungi negara Cina Kominis setelah kita mengadakan hubungan diplomatik. Adakah surat khabar itu sebuah surat khabar yang cuba menjolok atau mengganggu urusan dalam pentadbiran negeri kita? Saya harap Kementerian ini akan memberikan satu jawapan yang tegas dalam masaalah ini.

Yang ketiga, berhubung dengan ekonomi dan kerjasama iaitu Pertubuhan Makanan Sedunia. Dalam dunia sekarang ini, Malaysia sedang membangunkan banyak bahan-bahan mentah yang sedang diadakan oleh rakyat, oleh Kerajaan negeri ini, satu masaalah yang saya fikir patut Kerajaan mengikhtiarkan iaitu kapal-kapal yang akan memunggah barang-barang dan bahan kita dalam negeri ini. Kalau tidak ada kapal ataupun kapal ini dikenakan dengan harga yang mahal, maka bahan-bahan dalam negeri kita ini akan menjadi musnah dan akan memusnahkan hasil-hasil negeri kita.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya dalam Bahagian Protokol—Lawatan-lawatan. Lawatan ini termasuklah lawatan-lawatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong begitu juga dalam menandatangani perjanjian antarabangsa. Saya masih ragu-ragu dalam kita menandatangani perjanjian antarabangsa di antara sebuah negara dengan sebuah negara, apa bahasa yang kita gunakan? Adakah kita menggunakan bahasa Inggeris ataupun yang saya minta bahawa kita sayugia menggunakan Bahasa Kebangsaan kita, kemudian setelah itu kita akan gunakan bahasa yang kedua dengan bahasa Inggeris. Begitu juga dalam Titah di-Raja di Majlis-majlis luar negeri, saya mengharapkan Kementerian ini supaya menyediakan ucapan dalam Bahasa Kebangsaan. Kita hormati bahasa kita yang telah berdaulat kita tengok Maharaja Jepun datang ke Malaysia ini, baginda tidak peduli samada orang faham atau tidak faham dalam bahasa digunakan bahasa Jepun. Ini satu langkah yang patut kita gunakan. Kita

gunakan Bahasa Kebangsaan kita bila mana Duli Yang Maha Mulia bertitah di sesebuah negara. Inilah pandangan saya, Tuan Pengerusi, terima kasih.

3.49 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, suka saya menyetujui sedikit dalam peruntukan Kepala B. 22 ini yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, secara ringkas, saya ingin menyatakan bahawa dalam perhubungan luar negeri ini, saya minta kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian dan mengkaji benar-benar kedudukan negeri kita yang sekarang ini mengalami sedikit sebanyak kedudukan yang tidak memuaskan dengan sebab anasir-anasir jahat yang makin sehari makin rancak di dalam negara kita.

Saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menggunakan bijaksana yang sungguh-sungguh dalam usaha meluaskan hubungan-hubungan diplomatik dengan luar negeri, tetapi hendaklah awasi keselamatan dalam negeri kita ini tidak ada dicampuri oleh orang-orang lain ataupun sayap-sayapnya dalam negara kita kerana kedudukan negara kita ini adalah negeri yang kecil di mana mudah orang-orang asing ataupun negara-negara asing cuba menanam sedikit sebanyak semangat dan pengaruh masing-masing di negeri ini apatah lagi rakyat di negeri kita ada bermacam-macam bangsa di mana ini menjadi satu asas untuk pihak-pihak yang berkenaan menanam tapak dan bibit fahaman masing-masing. Saya rasa dengan penggunaan bijaksana yang akan dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri-menteri yang berkenaan dan juga pegawai-pegawai kita hendaklah kita awasi, hendaklah kita jalankan supaya demi untuk keselamatan negara.

Selain daripada itu, ingin saya sebutkan berkenaan dengan penerangan luar negeri dan kedudukan Konsul kita di luar negeri. Saya percaya penuh pihak Kerajaan melantik Pegawai-pegawai Konsulan dan Duta-duta di luar negeri adalah orang-orang bijaksana belaka, cuma yang saya berasa kurang puas hati tentang aktiviti-aktiviti pihak pegawai-pegawai kita ataupun orang-orang kita di luar negeri bagi menerangkan kedudukan

negara kita kepada rakyat di sana dan juga rakyat Malaysia yang menetap di sana agak tidak begitu baik, tidak begitu cergas, tidak begitu memuaskannya. Misalnya, keadaan yang berlaku di New Zealand di mana penuntut-penuntut Malaysia sendiri menyatakan kurang puashati dengan keadaan-keadaan di Malaysia dan mereka tidak begitu mengetahui kedudukan-kedudukan Malaysia sehingga menimbulkan pergelisan antara pihak penuntut dengan pihak duta kita di sana.

Tuan Pengerusi, ini satu kejadian di mana saya nampak kurangnya penerangan yang dijalankan, kurangnya usaha untuk menjelaskan kedudukan-kedudukan di negara Malaysia. Misalnya, dalam perkara yang ingin saya sebutkan di New Zealand mengikut apa yang saya tahu bahawa yang diungkit-ungkitkan di sana ialah tentang kejadian-kejadian di masa beberapa tahun yang lalu, iaitu Peristiwa 13 Mei, sedangkan perkara itu di Malaysia sudah tidak ada lagi, sudah aman-damai dan tidak ada sesiapa yang mahu mengungkitkan perkara tersebut bahkan mahu hidup dalam keadaan tenteram, tetapi kepada pelajar-pelajar yang kurang puashati dengan hal ini menjadikan perkara yang tersebut adalah satu perkara yang dibincangkan setiap masa di antara pelajar-pelajar itu. Ini sebenarnya, saya rasa disebabkan oleh kurangnya penjelasan, kurangnya penerangan yang dijalankan oleh pihak pegawai-pegawai kita ataupun orang-orang kita di sana. Saya kira perkara seperti ini bukan berlaku di situ sahaja, juga berlaku di tempat-tempat lain. Kalau kita baca suratkhobar di mana ramai pelajar-pelajar kita yang pergi ke luar negeri, tetapi menceritakan orang tidak tahu di Malaysia, tidak tahu Malaysia dan tidak kenal Malaysia, sedangkan di situ ataupun di negeri itu ada Duta, ada wakil atau ada Konsul kita di sana. Saya harap perkara ini harus diambil perhatian benar-benar.

Saya harap pihak pegawai-pegawai kita di luar negeri harus mengambil perhatian di atas kedatangan orang-orang kita ke sana, apatah lagi misalnya anggota-anggota Parlimen, anggota-anggota Dewan Negeri, pegawai-pegawai Kerajaan dan orang-orang yang dianggap penting juga yang pergi melawat ke sana. Saya dapat tahu ramai pegawai-pegawai kita di sana macam pandang tak pandang sahaja kepada orang-orang kita yang melawat di tempat-tempat

yang tertentu, sedangkan sepatutnya ialah ini harus diambil perhatian yang benar-benar kerana tanggungjawab orang-orang kita yang dari sini melawat ke tempat-tempat yang berkenaan adalah dipikul oleh wakil-wakil Kerajaan kita di sana.

Selain daripada itu, saya mengambil kesempatan ini mengalu-alukan kedatangan Perdana Menteri Jepun, Tuan Tanaka ke Malaysia dan saya lihat walaupun sambutan-nya amat sederhana, tetapi saya rasa ini bukan disebabkan Malaysia tidak mahu menyambut Tuan Tanaka, tetapi dengan permintaannya sendiri maka kita tidak menyambutnya dengan keadaan yang ber-sungguh-sungguh.

Tuan Pengerusi, di samping kita mengalu-alukan kedatangan Perdana Menteri Jepun ke Malaysia, maka saya ingin menyatakan, merakamkan perasaan rakyat Malaysia yang mahu kerjasama yang sungguh-sungguh di antara Jepun dengan Malaysia, di mana kita mengharapkan bantuan Jepun dari segi teknik, dari segi wang dan sebagainya adalah dihulurkan dengan keadaan yang jujur dan ikhlas demi untuk menjalankan persahabatan antara Malaysia dengan Jepun. Sebagaimana yang kita tahu bahawa bantuan-bantuan Jepun lebih banyak menentukan bahawa kita mestilah membeli barang-barang daripada negeri sana. Perkara seperti ini sebagaimana yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah kurang menyenangkan kita dan saya sebagai seorang daripada rakyat Malaysia juga menyatakan kurang puashati dan saya minta supaya dengan bijaksana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri yang berkenaan pada masa akan datang pihak Jepun akan menghulurkan bantuan yang lebih banyak selain daripada bantuan yang diberikan untuk membuat empangan air dan sebagainya yang kita terima pada masa yang lalu.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya minta supaya Kerajaan Jepun dapat melatih lebih ramai lagi belia-belie Malaysia dalam.

Tuan Pengerusi: Itu tidak ada kena-mengena, dengan pebahasan ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Pengerusi, saya minta dengan bijaksana daripada Menteri yang berkenaan

supaya hubungan itu akan diadakan setiap masa di masa yang akan datang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

3.56 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil sedikit di atas perkara Kementerian Luar Negeri dan menyokong sepenuhnya di atas perbelanjaan yang diminta di dalam Kepala B. 22 dan P. 22.

Saya berpendapat di dalam Pecahan-kepala 1100 adalah penting berkenaan dengan politik. Politik adalah penting bukan sahaja di antara kita di tanahair kita, di antara satu parti dengan parti yang lain, tetapi di antara satu negeri dengan negeri yang lain, terutama sekali di Malaysia ini. Malaysia adalah kaya dengan getahnya, kaya dengan bijik oil palm dan sebagainya, dan negeri di selatan Asia ini, di Tenggara Asia adalah sebuah negara yang menjadi rebutan, iaitu sebuah tasik yang penuh dengan ikan, dipandang oleh luar negeri baikpun dipandang oleh negeri Jepun, Amerika, Inggeris dan kuasa-kuasa besar, iaitu negara-negara di Tenggara Asia ini penuh dengan kekayaan-kekayaan yang mana kilang-kilang mereka terpaksa berjalan dengan adanya bahan-bahan ini. Dengan sebab itu politik yang kita mainkan di Tenggara Asia ini seperti mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan iaitu kita mestilah berjaga-jaga dan kita tidak mahu campur di antara blok-blok yang lain seperti yang dicampuri oleh jiran-jiran kita. Kalau kita hendak keselamatan, maka terpaksa kita menggunakan satu polisi yang neutral. Itulah yang dirancang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk neutral South East Asia, iaitu negara-negara yang lima.

Iktisad Negara-negara Asia Tenggara

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan iktisad yang sama katakan negara-negara di Tenggara Asia adalah kaya-raya dengan segala segalanya termasuklah minyak, maka dengan sebab itu bukan sahaja mereka mempermainkan kita dengan politik, tetapi mereka juga mempermainkan kita dengan iktisad ekonomi. Kita rasa tidak lama dahulu iaitu getah kita, sungguhpun kita banyak mengeluarkan getah; lebih kurang 60% daripada getah-getah dunia adalah dikeluarkan oleh

Malaysia dan Indonesia dan juga negeri Siam dan jiran-jiran kita, terutama sekali lebih kurang barangkali di Tenggara Asia ini 90% getah-getah, tetapi oleh kerana kawan yang mengatakan dia itu adalah kawan, iaitu Amerika Syarikat. Amerika Syarikat telah stockpiling, kumpulkan getah-getah ini, maka getah kita telah menjadi merosot. Dengan sebab itu negara-negara di South-East Asia ini ataupun negeri-negeri di Tenggara Asia ini hendaklah betul-betul pada hari yang akan datang termasuk Malaysia oleh sebab Malaysia adalah salah satu daripada negara-negara ASEAN iaitu Economic Regional Co-operation iaitu ekonomi dan kerjasama, negara-negara ini mestilah dikuatkan dan dikukuhkan lagi supaya bahan-bahan kita, yang kilang-kilang mereka terpaksa berjalan, berjalannya kilang-kilang mereka dengan bahan-bahan kita oleh kerana kalau mereka telah membuat bahan untuk kita pada hari ini kita rasa iaitu seperti bahan-bahan plastik, bahan-bahan plastik kita langsung tidak dapat. Dengan sebab itu, kalau dia boleh buat, maka kita juga boleh buat jikalau negeri-negeri di Tenggara Asia ini bekerjasama mengenai iktisad mereka maka getah-getah kita juga kalau tak dibelinya dengan harga yang tetap, dengan harga yang baik, kita juga boleh berbuat demikian. Sepertimana pada hari ini Negeri-negeri Arab telah buat terhadap dunia luar oleh kerana suku daripada minyak dunia ini keluaranya di Negeri Arab, begitu juga getah kita hampir-hampir 85% keluaranya daripada Tenggara Asia. Kita juga boleh berbuat demikian oleh kerana harga minyak telah melambung tinggi maka competition untuk synthetic rubber tidak ada lagi.

Politik

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan politik kita juga. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan dengan tegas dan terang bahawa kita adalah menyebelahi peperangan Arab dari Yahudi kerana Arab adalah mempertahankan negerinya daripada diserang oleh Yahudi dan kita tahu dengan terang dan nyata kalau Yahudi hendak berperang dengan Arab memang Yahudi tak boleh menang oleh kerana ada Amerika di belakangnya dan Amerikalah yang membuat peperangan ini berlanjutan, maka Amerikalah yang terpaksa kita tekankan kerana Amerikalah yang bersalah di atas perkara ini. Kata hendaklah perdamaian dan

sebagainya, tetapi hendakkan peperangan supaya segala perkakas, jentera peperangannya boleh dijual kepada pihak-pihak Yahudi yang mempunyai banyak duit dalam dunia ini.

Tenggara Asia

Berkenaan dengan Tenggara Asia ini juga, belum ada diantara negeri dengan negeri ada Treaty of Extradition lagi. Barangkali dengan Singapura ada tetapi bagaimana dengan Indonesia, Filipina, Siam, India, oleh kerana banyak orang-orang yang bersalah itu dia lari dari satu negeri ke satu negeri yang lain, maka kita tak dapat menangkap dia balik. Dengan sebab itu, saya berharap Kementerian Luar Negeri mengadakan Treaty of Extradition dengan negeri-negeri itu supaya dapat kita menangkap orang kita selain daripada political asylum. Memanglah kalau seseorang politik itu kalau dia lari ke satu-satu negeri, dia ada hak untuk melindungi dirinya.

Akhirnya, saya adalah menyokong dengan sepenuh-penuhnya di atas perbelanjaan yang dikehendaki dalam Kepala B.22 dan P.22.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap sedikit tentang perbelanjaan yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan disamping ini, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya hendak sentuh tentang perhubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat Cina. Di dalam Dewan ini mahupun di luar negeri ini Anggota Dewan Rakyat mahupun orang ramai telah bertanya kepada Kerajaan bilakah kita akan mengadakan perhubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat Cina dan beberapa kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga beberapa Menteri Kerajaan telah mengatakan sabarlah, tidak berapa lama lagi. Saya hendak bertanya kepada Kerajaan bilakah kita hendak bersabar lagi dan dua tiga minggu yang lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan:

(Dengan izin) We shall establish diplomatic relations with the People's Republic of China soon. I wish to ask the Honourable Minister. how soon is soon? I remember in this House, Mr Chairman, Sir, about ten years ago in 1964 at the height of the

Indonesian confrontation I raised the question not only of diplomatic relations with the People's Republic of China, but also the admission of that country to the United Nations. At that time, of course, it was not fashionable to say such things. I was howled down and called all sorts of names, the "Voice of Peking", traitor and the like. Today, of course, Mr Chairman, Sir, we know better because we have supported the admission of the People's Republic of China into the United Nations and we are told time and again that talks are proceeding for the establishment of diplomatic relations with China and soon these diplomatic relations will be established.

Now, Mr Chairman, Sir, I feel that the Government is delaying this establishment of diplomatic relations with China merely because the time is not appropriate for its announcement and the Government is waiting until such time that the general elections are around the corner to announce the establishment of diplomatic relations with China in order that the Malaysians of Chinese origin can be stimulated to vote the Alliance into power. I feel that matters of State such as these should not be conducted in such a way. If the Government deems that it is in the interest of the country and the people that diplomatic relations should be established with China, then it should go ahead with the establishment of such relations irrespective of whether general elections are around the corner or not. I do hope that the Government will establish diplomatic relations with China without any more delay.

Mr Chairman, Sir, in the last few days the Prime Minister of Japan has taken a swing through the ASEAN countries and I believe by about this time he would be in Subang speeding his way to Jakarta. The Japanese Prime Minister, of course, wishes to try and repair the image of Japan. At one time it was the "Ugly American," now it is the "Ugly Japanese," particularly in South East Asia, and he has taken this opportunity no doubt to explain the stand of his Government on this matter. I do hope that this Government would have told the Japanese Prime Minister in no uncertain terms that while we want trade, while we want friendly relations not only with Japan, but with any other country, we would not be subjected to what is now known as economic imperialism or neo-colonialism. This economic imperialism

does arise not only from Japan but from other developed countries as well, namely, the United States of America, Great Britain, France, Germany and the like and we should tell all and sundry that while we are a developing country and we want aid, trade and technical knowhow from the developed countries, nevertheless, having thrown off the colonial yoke more than ten years ago, we will not be subjected to a more suitable form of imperialism. The Japanese Prime Minister has been subjected to a very noisy, if not boisterous, welcome in Bangkok and in this country I see that the papers have blotted out whatever demonstrations that may have been held. I notice that one paper at least carried out the fact that some students of the University of Malaya had been to the airport when the Prime Minister of Japan arrived and carried placards and slogans telling the Japanese Prime Minister that we objected to economic imperialism and neo-colonialism. For the students to do such a thing when the place is ringed with F.R.U.—the Federal Reserve Unit—speaks volumes of their courage and I wish to pay a salute to them and I do hope that they will take up such public issue without fear or favour. I do hope that the Government has in the last 24 hours been able to convey this message to the Japanese Prime Minister.

Mr Chairman, Sir, I wish to speak a little on the allowances for our overseas staff in the Ministry of Foreign Affairs. I do know that the Ministry of Foreign Affairs review allowances from time to time, but very often these allowances cannot catch up with the soaring inflation in some countries. In particular, I wish to refer to the soaring inflation in Hong Kong. In Hong Kong, it is not generally known that a one-room cubicle—one room is considered a cubicle—costs about M\$500 and a two-room flat costs about \$1,500 and to expect any of our staff who go there to pay such high rents is of course absurd. Equally absurd is the fact that the cost of living there is very high. To illustrate this, Mr Chairman, I just need to say that if you go to any of the restaurants in this country and if you want chilli they supply you *ad lib* but there they charge you for the very small whiff of chilli that you ask for. This is the extent of the high cost of living, and I do hope that the Ministry of Foreign Affairs will from time to time conduct examination

of the cost of living in these countries to see that our overseas staff are not out-of-pocket. If they are out-of-pocket, I dare say that very soon the Ministry of Foreign Affairs would not find any volunteers who want to volunteer to serve overseas. They may all want to clamour to be posted back to Malaysia because they cannot afford the high cost of living in such countries, for example, Hong Kong.

4.12 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timur): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I would like to say a few words on a few points.

Mr Chairman, Sir, this country has been honoured by the visit of the Prime Minister of Japan, Mr Kakuei Tanaka, during the last few days and I think it was a good opportunity for the Ministry of Foreign Affairs officials to exchange views with Premier Tanaka and tell him what this country wants.

Mr Chairman, Sir, the present oil shortage, is going to affect Japan quite badly and it is estimated, at least from reports from that country, that they may cut down exports to other countries by about 15% to 20%. This, I think, is going to affect Malaysia as well because we also obtain quite a good amount of imports from Japan in the way of machinery, fertilisers, plastics, synthetic fibres and even electrical components. If the Foreign Ministry officials are to take on a new tack, this is one way where they can show initiative to ask the Japanese Government that where Malaysia is concerned, Japan should not cut down exports of petrochemicals, P.V.C. materials, plastics, synthetic fibres and electrical components, so that our industries can keep on functioning at the normal level without having to cut down production and therefore creating unemployment among our people.

ASEAN as a whole also has tried to induce Japan to produce less synthetic rubber. I think this is an opportune time to impress upon Japan that since oil is quite scarce and since she is suffering from oil shortage, she should therefore divert more of her oil to produce other materials such as petrochemicals and not build any more synthetic rubber factories, but rather to make

more use of natural rubber. This, I think, is the time to push home the point, "Well, what is the point of building more synthetic rubber factories when you can use our natural rubber?"

Then also, in order to keep our factories going and also to ensure that we do not suffer from the consequences of the cut-down of exports from Japan, the Foreign Ministry should also ask its representatives to go to other countries throughout the world, to look for materials to supply our industries, to ensure that the supply of fertilisers, petrochemicals and electrical components are constantly available from countries like America, France, Germany, etc.

On the matter of Japanese investment in this country, it has been a constant complaint from among industrialists that Japan has been very reluctant to impart their knowledge of technology to us and, therefore, one of the future conditions, should they want to set up factories in Malaysia, should be that wherever possible they should train and impart technical knowledge to our own people so that they will, in time to come, in a matter of a few years, be responsible not only for the management of the factories, but also to run the technical side of these factories.

Lastly, Mr Chairman, Sir, on the matter of the establishment of diplomatic relationship with China, I would urge upon the Government to stop dragging its steps and to hurry up with the process of recognition of China. Most countries have already done so and it is quite inexplicable as to why the Government has not finalised diplomatic relations with China, although it has been saying all the time that diplomatic relationship with China is going to be established as soon as possible. No one really knows the obstacles, but it has been reported in the papers that one of the problems which was causing the delay in the establishment of relationship was the question of about 300,000 stateless Chinese in this country who are neither citizens of this country nor are they, it is claimed, citizens of China. I hope this problem has been resolved and the Government will also, on its own, be more generous and liberal, because these 300,000 people who stay in this country of Chinese origin have for quite a number of decades sacrificed themselves in the service of this

country and have produced whatever they could for this country; they have sweated, suffered and toiled for the progress of this country. Therefore, the Government should be more liberal and generous in the granting of citizenship to these people. Mr Chairman, Sir, there are other quite important advantages in having an early establishment of relationship with China. One is that the moment there is official diplomatic relationship with China, trade between the two countries would be easier and will be so much faster. We know that goods from China are comparatively cheaper—even now they are cheaper compared with other countries, despite the fact that prices have gone up because there has been a rush by other countries to China to buy her goods; even then her goods are cheaper comparatively, especially textiles and garments. Therefore, the early establishment of relationship with China would be, of course, beneficial to our country, especially in view of the present grip of inflation which we are in. The other advantage which we can get is that China, besides having made tremendous progress in medicine, in one particular area has made impressive progress and that is in the field of preventive medicine, especially in the countryside, and here we have a similar situation in Malaysia where the countryside is full of poor people who are infested with worms, who are under-nourished and there are insufficient clinics to service these people, insufficient nurses and insufficient doctors. Perhaps if more of our doctors, instead of a selected few doctors, could go to China and study their method of preventive medicine, which is recognised as one of the best, if not the leading type of preventive medicine in the world, probably our doctors could bring back the knowledge of mass preventive medicine to this country and therefore benefit the people who stay in the rural areas.

4.19 ptg.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Pengerusi, mengenai dengan Kementerian Luar Negeri ini saya suka mengambil bahagian. Pertama sekali bercakap mengenai dengan Pentadbiran Am.

Saya mendapat faham pada masa ini di Kementerian Luar Negeri sedang berusaha untuk melaksanakan sepenuhnya penyusunan semula Perkhidmatan Cawangan A di Kementerian Luar Negeri. Apa yang diberi

faham kepada saya, Tuan Pengerusi, di dalam penyusunan ini amat kurang sekali melibatkan pegawai-pegawai bumiputra. Sesungguhnya, Tuan Pengerusi, saya masih ingat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyeru kepada semua pihak bahawa samada Jabatan Kerajaan, swasta ataupun lain-lain pihak di dalam negara kita ini, setiap langkah yang dijalankan mengenai dengan kedudukan pegawai dan kakitangannya hendaklah mencerminkan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa, tetapi kalau kita membuat kajian dan pandangan secara yang halus kepada Kementerian Luar ini, kita amat sedih sekali apabila mendapati bahawa di peringkat atasan bilangan bumiputra amatlah kurang sekali. Dan ini akan mencerminkan kepada dunia luar bahawa Malaysia kita ini tidak berapa beza dengan sebelum kita mendapat kemerdekaan apakala diperhati kedudukan pegawai-pegawai di Kementerian Luar Negeri.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai dengan Penerangan Luar Negeri. Mengikut perangkaan di dalam buku ini jumlah pegawai yang diperuntukkan di Bahagian Penerangan Luar Negeri bagi tahun 1974 hanyalah berjumlah seramai 66 orang berbanding dengan tahun 1973, 63 ertinya menambah kakitangan seramai 3 orang sahaja dari tahun 1973 kepada tahun 1974. Sejak beberapa tahun yang lalu di dalam Dewan ini pernah ditekankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa dunia luar masih kabur, masih kurang jelas tentang maklumat Malaysia, tentang kedudukan yang sebenarnya apakah yang ada di Malaysia kita ini. Kalau dengan jumlah pegawai yang sebanyak ini dan ditugaskan kepada mereka untuk menerangkan, menyebarkan dan untuk memberi maklumat kepada mereka yang agak kurang jelas tentang Malaysia tentulah tidak mencapai apa yang dimaksudkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini supaya maklumat mengenai dengan Malaysia di luar negeri ini diperhebatkan lebih daripada masa yang sudah-sudah.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya dapat kesempatan berbual dengan sahabat-sahabat kita dari negara-negara Arab dan umat Islam yang berhimpun di Makahtul-mukarammah saya dapati mereka mengenali nama Malaysia, tetapi mereka tidak dapat gambaran yang jelas apakah yang ada di

Malaysia dan siapakah pemimpin Malaysia pada masa ini. Mereka masih mengenali Yang Teramat Mulia Tunku bekas Perdana Menteri kita, dan amat kurang sekali mengenali Perdana Menteri kita yang ada sekarang, Yang Amat Berhormat Tun. Mereka tertanya-tanya siapa Perdana Menteri Malaysia sekarang ini. Mereka mengenali Yang Teramat Mulia Tunku bekas Perdana Menteri, kerana Yang Teramat Mulia Tunku di saat-saat yang akhir ini pernah membuat kenyataan-kenyataan berkaitan dengan Peperangan Israel dengan Arab. Walaupun Malaysia kita pernah mengeluarkan kenyataan memberi sokongan, tetapi mereka tidak mengenali lebih dekat bagaimana keadaan Malaysia. Saya dapati, dari apa yang saya pernah berbual dan bercakap dengan beberapa orang pegawai-pegawai di Kementerian Luar Negeri kita yang ada di Wisma Putra, masaalah yang paling rumit yang dihadapi oleh pegawai-pegawai kita yang bertugas di Kementerian Luar Negeri yang berada di seberang laut ialah kita kurang memberi latihan tentang bahasa kepada pegawai-pegawai kita yang hendak bertugas di luar negeri. Kalau pegawai-pegawai kita yang hendak bertugas di luar negeri kurang memahami bahasa yang ada di sesuatu negara itu sudah tentu amat sukar bagi pegawai-pegawai kita hendak memberi maklumat kepada rakyat di mana mereka bertugas, sebab soal memberi penerangan ada kaitan besar dengan masaalah bahasa yang difahami oleh rakyat di satu-satu negara.

Saya mengambil contoh daripada sebuah negara yang besar iaitu saya katakanlah seperti Russia; sebelum mereka menghantarkan pegawai dan kakitangannya bertugas di Malaysia ini, mereka telah memberi latihan kepada pegawai-pegawainya tentang bahasa Malaysia dengan agak fasih dan sehingga mereka dapat bercakap lebih fasih daripada setengah-setengah orang yang bukan Melayu yang ada di Malaysia ini. Jadi, sebab itulah apakala mereka berada di Malaysia, mereka dapat memberi fahaman kepada rakyat Malaysia tentang negaranya dengan keadaan yang lebih mesra dan dengan keadaan yang lebih jelas dengan siapa sahaja yang mereka temui. Berlainan sekali dengan pegawai-pegawai kita yang bertugas di luar negeri, sebahagian besar daripada pegawai-pegawai Malaysia hanyalah dapat menggunakan Bahasa Inggeris sahaja untuk memberi pandangan kepada orang-orang yang berada

di luar negeri. Kalaulah sesebuah negara itu rakyatnya amat kurang sekali memahami Bahasa Inggeris, maka amat kurang mereka dapat memahami tentang kedudukan dan sejarah Malaysia yang sebenarnya. Dan tidaklah hairan, Tuan Pengerusi, kalau kita dapati banyak kecaman daripada penuntut-penuntut kita di luar negeri tentang tidak puashatinya di atas kerja-kerja setengah-setengah daripada pegawai-pegawai kita di Kedutaan Luar Negeri tentang maklumat mengenai dengan negara kita ini.

Perkara yang akhir sekali yang saya ingin sentuh di sini iaitu saya sama berpendapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Batu tentang wang habuan ataupun wang keraian yang diberi kepada Kedutaan kita di luar negeri amat terbatas, jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Sesungguhnya, sudah sampai masanya bagi Kerajaan kita membuat kajian semula dengan adanya perubahan-perubahan dan kenaikan-kenaikan harga di seluruh dunia pada masa ini, samada mencukupi atau tidak wang keraian yang kita beri kepada Kedutaan kita di luar negeri. Saya pernah mendapat bisikan daripada pegawai-pegawai kita yang bertugas di luar negeri bahawa mereka amat malu jika bersahabat lebih rapat sedikit dengan beberapa pegawai-pegawai di mana mereka bertugas, kerana mereka tidak dapat membalas bagaimana keraian yang dibuat oleh setengah negara-negara yang lain. Maka sudah sampailah masanya sekali lagi saya katakan bahawa Kerajaan kita perlu membuat kajian, kerana kalau dalam negara kita, kita dapat membuat penilaian semula tentang gaji dan lain-lain habuan kepada pegawai-pegawai dalam negeri, maka tidak ada sebab mengapa kita kita tidak dapat membuat kajian semula tentang kedudukan imbuhan atau lain-lain wang suguhati dan sebagainya kepada pegawai-pegawai kita yang bertugas di luar negeri.

Dan yang paling akhir sekali, Tuan Pengerusi, walaupun di dalam Dewan ini sudah ada suara-suara yang menggesa Kerajaan supaya dipercepatkan hubungan diplomatik dengan negara Republik Rakyat Cina, saya meminta kepada Kerajaan walaupun Kerajaan pada masa ini sedang merintis jalan ke arah mengadakan hubungan diplomatik ini, tetapi berpeganglah kepada pepatah Melayu, "biar lambat asalkan selamat", kerana banyak masalah-masa-

alah yang kita akan tempuhi sesudah kita mengadakan hubungan diplomatik kelak. Sesungguhnya bukan seluruh rakyat Malaysia ini yang menghendaki supaya hubungan diplomatik itu disegerakan dengan tidak dikaji dan diteliti dengan sehalus-halusnya.

4.30 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): Tuan Pengerusi, saya akan bercakap dengan ringkas di atas dua tiga perkara sahaja dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris:

(Dengan izin) Mr Chairman, the Malaysian Government must, in the coming year, make greater and more dynamic contribution to bring about a more meaningful economic regional co-operation. Despite the many Asean meetings at all levels that have been held these past few years, precious little economic gains in concrete terms have been achieved. Despite this, the Asean countries should form a Committee to study the implications and possibilities of an Asean Common Market as combined policy planning and rational distribution of resources can bring about more rapid industrial and agricultural development in the region. At present, the smallness of the individual national markets has placed sharp limitations on the viability of industrial and agricultural projects. If the countries would agree to some form of integration and a harmonisation of production patterns, a ready-made market many times larger than that of any one country is almost immediately available.

The Malaysian Government is in the practice of using the foreign missions to be the refuge for political failures, has-beens and those who have been the subject of scandals and names that come easily to mind are Lim Yew Hock and Abdul Rahman Talib. It is unfortunate that under the new administration, this highly undesirable practice has not been discontinued. Thus we have the present situation where the Deputy Chief Minister of Sarawak, Simon Debab, involved in scandal in Sarawak, was quietly allowed to resign as Deputy Chief Minister of Sarawak and his State Assembly seat to take up an appointment as a Student Counsellor in the Malaysian High Commission in Australia only a few months ago. The Sarawak State Assembly seat

vacated by Simon's resignation is to have a by-election nomination at the end of this week. I call on the Minister concerned to give a full explanation as to what qualifications Mr Simon has to be the Student Counsellor for Malaysian students in Australia and whether the Ministry would revoke his appointment and put an end to the practice of awarding foreign embassy appointments to politicians who are discredited at home by scandals.

It is more than three years since the first announcement by the Prime Minister on his taking over the Government, that Malaysia proposes to establish diplomatic relations with China. It was recently reported in the local Press that the Prime Minister would be making a trip to China in the next few months to formalise relations between China and Malaysia, which was denied subsequently by Wisma Putra. Talks have been going on between Malaysian and Chinese Government officials for a considerable time, although the Malaysian public was kept in the dark about the discussions. What we know is from the international Press. It is indeed ridiculous that foreigners should know more about the "ins" and "outs" of the Malaysia and China discussions from their Press than Malaysians. This is surely not democracy at work. I would like to ask the Minister concerned to inform this House and the country what is the Government's stand with regard to the future of the 200,000 or 300,000 Chinese in Malaysia who are not Malaysian citizens, as it is widely reported in the international Press that this constitutes an *impasse* in the China-Malaysia talks. The Malaysian Government should not put any more obstacles in the way of establishing diplomatic relations between the two countries and should go ahead and announce full normalisation of relations. I know there are sections of people in the Government who are raising the question of the loyalty of Malaysian Chinese to Malaysia as an obstacle to the early normalisation of relations. In fact, only a few months back, in this very House, the Member of Parliament for Tumpat, had questioned the loyalty of Malaysian Chinese, although they were exercising their constitutional right to send their children to Chinese primary schools. The Prime Minister should be firm with these elements and tell them that their statements,

speeches and actions can only undermine the process of nation-building in the country and help the enemies of the country.

The D.A.P. is of the view that the Prime Minister should make a trip to China to meet the Chinese leaders, exchange views and pave the way for good relations between the two countries. The present travel restrictions for Malaysians to visit China should also be lifted and there should be closer trade relations between the two countries accompanied by exchanges of sports, cultural and goodwill missions.

Yang akhir, Tuan Pengerusi, the Japanese Prime Minister, Mr Tanaka, is concluding a three-day visit to Malaysia. Apart from the goodwill engendered by the visit of the Japanese Prime Minister, I would like to ask the Minister concerned to inform this House what economic advantages Malaysia has gained from Mr Tanaka's visit. I hope the Malaysian Government has, as I had proposed in a statement during the weekend, impressed on the Japanese Prime Minister the urgency and desirability of having a more equitable economic relationship between Malaysia and Japan. Up to now, our role in the Malaysia-Japanese relationship is merely that of an exporter of raw materials and a market for the machinery and the finished products which the Japanese made from the raw materials. There is a worsening trade balance between Malaysia and Japan. Between 1967 and 1972, Japan's exports to Malaysia grew by 110% while our exports to Japan increased by only 11%. The Malaysian Government should get the Japanese Government to open up its markets for more processed and semi-processed raw materials from Malaysia rather than now, where our raw materials are shipped to Japan in an unprocessed form, and the preparedness of the Japanese Government to scale down its tariff barriers would be a test of the Japanese Government's sincerity to have a more equitable relationship with the South-East Asian nations and not, as of now, merely to exploit them to build up Japanese prosperity from the South-East Asian raw materials and consumers of South-East Asia.

4.37 ptg.

Tuan V. David (Dato Kramat): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I wish to add one or two points and it is not my intention to take up the time of this House.

Sir, as far as ASEAN is concerned, much has been said in the Press, about regional unity and so on. But the fact remains, Sir, that the Asean nations cannot ignore the existence of other countries in Asia and if there is any desire on the part of these countries who are members of Asean, it is only proper that efforts are made to bring in those countries who are not members at the moment as members. In the event of a Common Market, with the limited number of countries at present, most of them depending on foreign manufactured goods, any Common Market would be a complete failure.

Recently, Sir, we read in the Press that the Australian Prime Minister was speaking in terms of Pacific Regional Unity and the details, of course, have not been announced or spoken about. But definitely the Australian Prime Minister is of the view of a broader unity in the countries among the Asian region. Sir, if it talked about regional unity, one cannot also ignore the existence of the 700 million people in China, which also is the main buyer of our rubber. Sir, it would be more proper and practical for our Prime Minister to review the entire Asean concept in the light of the statements made by the Australian Prime Minister, to enlarge this body by bringing into this organisation members who are not members at the moment. Some of the countries are still in doubt as to whether Asean is intended as an organisation for the purpose of mutual interest in terms of economic interest and social interest or whether this would be or become a military block ultimately.

Sir, these doubts can only be cleared by a wider participation of countries and also bringing in countries which are neutral or non-aligned and if it is made into a Pacific Regional Organisation, an organisation which could to a certain degree, stand on its own in terms of a Common Market.

Sir, I am sure the Prime Minister will view this with concern in the light of other developments in this country.

Sir, again, the Five-Power Defence Pact has not been reviewed and we have advocated in this House that the Five-Power Defence Pact should not remain in its present form which creates an element of suspicion in the minds of some Asian

countries. Though the Australian and New Zealand Governments, after being elected into power, have called for review, the Malaysian Government has attempted to side-track this issue by not firmly committing in one way or another. Sir, I would call upon the Government to scrap this Five-Power Defence Pact which is not necessary at the moment and this would create a better image for this country among the non-aligned and neutral countries. Sir, whatever interpretations or arguments may be placed in this House, we cannot escape from the fact that this Five-Power Defence Pact is a military pact and it should be scrapped at the earliest convenience possible.

Mr Chairman, Sir, much has been said about diplomatic relations with China. When the present Prime Minister took over the reigns of the Government he made drastic changes in the foreign policy and one of these changes has been moves to establish diplomatic relations with China and it is almost three years since then. This has remained as an illusion except that the Government has been offering excuses that certain technicalities will have to be ironed-out.

Sir, we are depending much on China now for the sale of our rubber. The largest purchaser of rubber seems to be China at the moment. Again, Sir, the Government must make up its mind to have diplomatic ties or it must make a statement giving the reasons why it is not prepared to have diplomatic ties with China. It gives an impression to this side of the House that the Government is playing for time and actually it is not sincere or earnest in wanting to establish diplomatic ties with China. I hope, Sir, when the Minister responsible replies, he will clear this.

Mr Chairman, Sir, there has been a tremendous increase in the price of petrol but this is one of those countries which has been in support of the Arab cause and all the activities in the past and even at the present moment. But I do not know what is wrong with our foreign policy, because we are facing the same problems in the price of petrol. As far as this country is concerned, I don't think there should be any need for further price increases in petrol. The secret of this has not been explained. Though the production of petrol has been limited by the

Arab countries Press reports say that the countries which have been in support of the Arab cause will not suffer.

Sir, the increase in petrol prices can affect the prices of consumer goods. This adds inflation further which has reached the peak. I would like to know from the Minister responsible what is the fundamental reason for the increase in the price of petrol as this country is said to be not to have been affected by this control in petrol as this is one of those countries which has been in support of the Arab cause. It is only proper that the Minister clarifies this when he replies.

4.48 ptg.

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj:

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran yang mungkin juga ada constructive criticism yang telah dikeluarkan untuk perhatian Kementerian Luar Negeri.

Tuan Pengerusi, ada tiga perkara yang telahpun disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya berkenaan dengan relationship dengan negara Republik Rakyat China. Yang kedua, bersabit dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Jepun, Tuan Tanaka, dan yang ketiga, bersabit dengan elau.

Tuan Pengerusi, saya suka menjawab berhubung dengan perkara yang pertama iaitu relationship dengan China. Ahli Yang Berhormat dari Batu telah menyatakan apakah sebabnya lewat sangat untuk menyelesaikan dan membereskan perkara perhubungan ini, dan adakah ini satu daripada strategi ataupun taktik Kerajaan untuk melewatkannya sehingga pada masa pilihanraya umum (general elections) kelak. Saya suka menjawab dan menafikan tuduhan yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu itu. Saya tidak tahu sebab-sebabnya mengatakan ini adalah speculation sahaja yang telah membuatkan Ahli Yang Berhormat itu memikirkan dengan tidak ada sebab-sebab, dengan keterangan-keterangan yang membuktikan iaitu tidak ada perkara yang lain patut dilewatkan lagi. Tetapi sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri, perkara-perkara ini masih di dalam

proses perbincangan (negotiation) untuk mewujudkan tali perhubungan di antara negara Republik Rakyat China dengan Malaysia, dan hanya menunggu ketika atau masa sahaja yang patut diisytiharkan oleh pihak kedua-dua negara di atas perhubungan ini.

Banyak soalan-soalan di dalam mesyuarat ini telah dibangkitkan bersabit dengan perhubungan di antara negara China dan soalan-soalan ini telahpun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri di atas rundingan perhubungan yang ada yang masih pada saat ini boleh dikatakan masih dalam perbincangan (negotiation). Perhubungan ini adalah memuaskan. Oleh sebab butir-butirnya pada masa ini adalah sulit maka tidaklah dapat mengikut keterangan-keterangan apa-apa yang telah dirundingkan itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah mengatakan satu petikan daripada akhbar-akhbar iaitu lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara China. Saya suka menjawab bahawa perkara ini adalah speculation sahaja. Buat sementara ini perlulah kita menunggu dengan sebenar atau rasminya, mungkin jikalau adanya perhubungan dengan rasmi di atas perkara ini, maka saya rasa ini haruslah dibuat perisytiharan di atas lawatan itu. Buat sementara ini, saya suka mengatakan bahawa ini adalah speculation sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka juga telah menyatakan iaitu Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri patut membuat lawatan sungguhpun perkara ini masih tidak ada lawatan rasmi. Saya rasa mungkin tidak begitu wajar buat masa sekarang ini disebabkan ada perundingan yang mungkin akan menjadikan perhubungan yang rasmi akan diadakan. Buat sementara ini lawatan-lawatan itu patutlah ditunggu dan dinantikan sementara perhubungan rasmi diadakan.

Tuan Pengerusi, perkara lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Jepun, banyak disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sini seperti yang telah dikatakan, jikalau dahulu disebut orang-orang Amerika sebagai "Ugly American," maka sekarang disebabkan economic imperialismnya, maka sekarang Jepun menjadi "Ugly Japanese." Saya rasa sekarang ini tentulah telah dibuat sebelum perkara-perkara yang

bersabit dengan pelaburan modal daripada negara Jepun telahpun dibawa sebelum lawatan rasmi oleh Perdana Menteri Jepun baharu-baharu ini. Kita sentiasa berwaspada apakah perkara-perkara yang berbangkit yang memberikan kebaikan kepada negara kita. Kita tidak payah tunggu mesyuarat di dalam Dewan ini dan daripada teguran-teguran ini akan melewati lagi perkara-perkara yang boleh memberikan akibat buruk kepada negara kita, Menteri-menteri yang berkenaan dan juga pegawai-pegawai di dalam Kementerian yang bertanggungjawab, khususnya pegawai-pegawai dari Kementerian Luar Negeri sentiasa mengambil tindakan untuk mengemukakan bukan sahaja kepada negara Jepun, tetapi juga negara-negara lain yang mungkin membawa kebaikan kepada negara kita dari segi perhubungan, baik diplomatik ataupun segi ekonomi dalam negara kita ini. Kerajaan sentiasa mengambil tindakan supaya perkara ini tidak dapat dilewatkan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Dengan ini saya suka memberi jaminan (assurance) kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu iaitu di dalam rundingan-rundingan, sungguhpun mungkin jikalau ada perkara ini yang sepatutnya menunggu kepada saat ini barangkali sekarang ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Jepun telahpun meninggalkan negara kita. Jika perlu Ahli Yang Berhormat dari Batu itu patut membuat surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya perkara-perkara ini dirundingkan, mungkin ini terlewat sedikit. Tetapi saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu iaitu perkara-perkara yang telahpun disebutkan oleh beliau, saya rasa ada di dalam rundingan, sungguhpun ada perkara-perkara lain yang tidak disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu yang akan memberi kebaikan kepada negara kita akan dibawa oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri untuk berunding bagi kebaikan negara kita khususnya dan juga perhubungan di antara negara kita dengan negara Jepun.

Tuan Pengerusi, kita sentiasa berwaspada sungguhpun negara-negara ini cuba hendak mengadakan, jika dahulu dikatakan colonialism, sekarang ini pula dikatakan economic imperialism. Kita sentiasa berwaspada untuk menjaga kebaikan negara kita bagi kepentingan negara kita supaya pada masa-masa yang akan datang negara kita dapat keuntungan dan dapat menjaya-

kan bersama-sama dengan negara-negara yang telah maju dan membangun.

Perkara-perkara common topic yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah mengenai elau kepada pegawai Kementerian Luar Negeri yang berkhidmat di luar negeri. Ahli Yang Berhormat dari Batu dan Ahli Yang Berhormat dari Besut telah menyentuh perkara ini dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Saya suka menyatakan di dalam perkara ini, pihak Kerajaan sentiasa mengambil tindakan untuk review dari semasa ke semasa dengan adanya satu-satu sistem ataupun scale iaitu kepada satu-satu negara yang sepatutnya inflasi telah bertambah naik dengan tiga kali ganda, maka Kerajaan tidaklah tidur ataupun berpeluk tubuh di atas perkara ini, menimbangkan kedudukan dari segi perkhidmatan pegawai-pegawai ini akan memberikan kerjasama bahkan kepada Kerajaan supaya perasaan dan kesulitan mereka itu yang bertugas di luar negeri diperbaiki dari segi elau, perumahan dan juga dari segi-segi yang lain yang patut memberi kebaikan kepada mereka dari segi perkhidmatan. Saya suka menyatakan dari satu masa ke satu masa Kerajaan sentiasa review kedudukan inflasi yang berlaku di negara-negara itu. Buat masa sekarang ini satu Jawatankuasa ataupun lapuran akan siap untuk diberikan kepada Kerajaan untuk perlaksanaan. Maka dengan itu saya suka memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh di atas perkara ini iaitu Kerajaan tidak berapa lama lagi akan menerima lapuran ini untuk dikaji dengan seberapa yang boleh untuk dilaksanakan lapuran itu di atas elau-elau. Jikalau soal inflasi telah timbul, maka patutlah kita menimbangkan di atas segi elau-elau khidmat luar negeri itu ditambah selaras dengan inflasi yang berlaku. Kita tidaklah lupa di atas hal ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah membangkitkan di atas lapuran akhbar mengenai perkara lawatan Perdana Menteri. Perkara ini telah saya jawab. Ahli Yang Berhormat dari Besut dan juga Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara membangkitkan soal Bahasa Kebangsaan. Bahasa Kebangsaan adalah sentiasa kita jalankan dan gunakan untuk memberi imej negara kita setakat mana yang boleh untuk memberi communicative effect dalam saat dan masa yang begitu, ada juga

kadang-kala menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa communicating untuk menggunakan perhubungan supaya orang tahu apa yang hendak diterangkan dan dapat diketahui dengan jelas kepada orang yang mendengar atau menerima communication itu.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Dungun menyatakan kedudukan setengah-setengah daripada penduduk-penduduk yang ada di luar negeri mungkin tidak begitu ketahui di atas keadaan dan kedudukan negara kita, oleh sebab mereka telah meninggalkan negara kita begitu lama dan tidak diketahui dengan jelasnya. Saya suka menyatakan iaitu kita ada Kedutaan serta Pesuruhjaya di luar negeri yang ada hubungan untuk kita berhubung dengan mereka dan banyaklah periodical, magazines dan Malaysian Digest yang telah saya sebutkan dalam ucapan saya iaitu supaya mereka ini mengambil peluang membaca dan mengetahui dengan gambar-gambar dan kedudukannya. Mungkin ada kalanya boleh dikatakan yang mana perlu, penuntut-penuntut yang tinggal jauh dari Kedutaan ini mungkin tidak dapat hal-hal ini. Tetapi lawatan ada dibuat oleh pegawai-pegawai dari Malaysian Students Department dan Kedutaan ataupun Pesuruhjaya-pesuruhjaya di sesuatu negeri itu membuat lawatan kepada penuntut-penuntut tersebut supaya mereka itu sentiasa mendapat perhubungan untuk mengetahui di atas apa yang berlaku di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menyatakan supaya kita menggunakan strateji yang sama dengan negara-negara Arab yang menggunakan oil sebagai strateji menaikkan harga, maka begitu juga kita dengan getahnya. Saya suka menyatakan di sini bahawa saya rasa buat masa sekarang Kerajaan telah berusaha bersama-sama dengan rakan-rakan dari negara-negara sahabat (friendly countries) yang telah berhubung untuk mengukuhkan kedudukan getah asli kita supaya harga yang baik yang didapati pada masa sekarang ini sentiasa dikekalkan supaya penduduk-penduduk khususnya pekebun-pekebun kecil mendapat harga yang terjamin sehingga ke hari yang akan datang dan berpanjangan selanjutnya. Dan jikalau perlu mungkin pihak Kerajaan, saya rasa dengan cara strateji itu jikalau tidak perlu, tidaklah kita buat, dan jikalau

perlu mungkin kita buat juga, tetapi buat masa sekarang ini tindakan-tindakan yang lain bagi perhubungan yang rapat mengenai synthetic rubber patut didesakkan supaya tidak akan dibuat dengan begitu banyak agar harga getah asli dapat dijamin di masa yang akan datang, dan juga perkara extradition telah juga ditimbulkan bahawa Kerajaan pada masa sekarang ini masih mengadakan perhubungan dengan negara-negara mengenai perjanjian extradition yang patut diadakan, jikalau perlu diadakan perjanjian ini. Mungkin ini akan mengambil perhatian pihak Kerajaan supaya kedudukan haven or refuge bagi criminals sama juga dengan negara-negara asing tidak menjadikan haven or refuge for these criminals.

Tuan Pengerusi, banyak juga dibangkitkan dari segi harga untuk kepentingan negara common market untuk ASEAN. Inipun di dalam perundingan ASEAN dan Kerajaan kita sentiasa atau juga Kerajaan-kerajaan yang menjadi ahli mengambil tindakan supaya mendapat harga yang baik dari segi commodity, export dan sebagainya supaya dapat diadakan dan kita sentiasa mengambil kewaspadaan di atas cutting of export to Malaysia. Izinkan saya berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) With regard to the cutting of export to Malaysia by the Japanese due to the oil crisis, on this, Sir, I would like to submit that the country, if appropriate, may well consider such action as necessary. However, it is the intention on the part of the Japanese Government to co-operate with Malaysia, so that such an action will not be made by the Japanese Government so that the smooth running of the industries in Malaysia will not be affected by whatever cut or decrease of export by Japan.

Tuan Pengerusi, dari segi soal stateless Chinese within Malaysia this is a matter which at the moment I feel is not appropriate for us to consider as the matter is under discussion. As to the point raised, it is a matter left to be decided later on.

Tuan Pengerusi, on the question of an Asean Common Market as referred to by the Yang Berhormat from Bandar Melaka, I would like to add that this is a desirable long-term objective of Asean member countries. However, comprehensive and thorough examination and studies must be undertaken by the Asean countries before

achieving an Asean Common Market. As an initial step, Asean is at present studying the possibility of establishing a programme of selective trade liberalisation in which Asean countries will gradually remove tariffs and trade barriers among the Asean countries.

Dalam soal perhubungan diantara negara Malaysia dengan negara Cina ini kita dapati Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap satu untuk mempercepatkan dan juga satu golongan lagi untuk kita berwaspada dengan alasan iaitu kata pepatah Melayu: "Biar lambat asalkan selamat." Jadi dengan adanya kedudukan kedua-dua perkara ini kita bagi pihak Kerajaan sentiasa mengambil perhatian atas perkara ini supaya negara kita dengan adanya perhubungan yang akan datang ini negara kita sentiasa aman damai dalam kedudukan negara kita.

Tuan Pengerusi, akhirnya Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat, malangnya beliau tidak ada di sini, telah menyebutkan perkara-perkara seperti expansion of ASEAN dan sebagainya dan juga the Five-Power Defence Arrangement dan juga perkara-perkara yang lain.

Saya suka menyatakan iaitu Yang Berhormat telah menyatakan Asean should enlarge its membership. At present, the member countries consider expansion of Asean to cover all States of South-East Asia desirable. This has been stated often and at the opportune time, the Association will be expanded to cover all States in the region. Sometimes, the definition of South-East Asia may well be so difficult to define that there may be a claim by certain countries later on as to whether or not a country should be included or should come within South-East Asia. Well, we have also noted, Sir, the statement made by the Australian Prime Minister that South-East Asia may well include Australia as well. But I think that is a matter for the member countries of Asean to look into. As the name itself suggests, it is the Association of South-East Asian Nations. However, this matter may well be discussed at length, as I said earlier, for expansion of the membership of Asean when the time is opportune for the inclusion of other member countries apart from what we have now—five countries only.

Yang Berhormat dari Dato Kramat said that the Five-Power Defence Arrangement is a pact which is more or less looked on by

certain countries as a military pact. Well, Yang Berhormat did use the word "pact". I think it is not appropriate; I think it is a mistake to use the word "pact". I think the word actually used is "arrangement"—Five-Power Defence Arrangement. Pact connotes a kind of obligation and duty on the part of the parties concerned, and I would contend here it is not right for the Honourable Member to say that it is a pact. As has been said earlier, this arrangement is purely a political commitment of consultative nature. There is no obligation whatsoever; there is no legal obligation that in the event of some kind of an attack being made on a member country out of these five countries, for the other countries to come to its rescue. But what is provided in this arrangement is purely that the other countries come in to discuss. We cannot force the other countries who are signatories to this arrangement to come, or compel them to come or bound to such arrangements. That is not the case here, Sir. Yang Berhormat is well aware of that position and therefore I would say it is not a military pact as alleged by him in his speech.

Sir, I don't think the rise in the price of oil has anything to do with this Ministry. I think he has gone out of his normal track. What he said on the oil crisis, inflation and the increase in the price of oil in the country is not relevant and I don't think it is pertaining to the very ambit of what we are discussing under this particular Ministry now. I refrain from replying because it has nothing to do with what we are concerned.

Tuan Pengerusi: Maybe Yang Berhormat was referring to the Foreign Ministry using diplomatic resources to see that the price does not increase. That was his intention.

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj:

If that is the case, the Government ever allows such an undertaking. I would say that the price rise of oil should not have a general reaction within the country to give justification for other industries within Malaysia to escalate their prices or affect the unemployment within Malaysia. For that matter, I can assure the Yang Berhormat dari Dato Kramat that we are not blind; we are aware of that and we contend that we are doing our best to mitigate any high inflation that may be caused by using the good offices of Malaysia as the country that has the respect, I would say, of the Arab countries. We are

using our good relationship to do all we can to mitigate any problem that may arise from increased price of oil.

I would also add that the Five-Power Defence Arrangement is only a temporary measure.

Tuan Pengerusi, inilah sahaja jawapan saya terhadap teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat di atas perkara yang bersabit dengan Anggaran yang saya pohonkan tadi. Dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran-teguran yang begitu membina dan teguran-teguran tersebut akan diambil perhatian oleh pihak Kementerian Luar Negeri untuk dilaksanakan pada masa akan datang.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$29,794,400 untuk Kepala B. 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$2,120,000 untuk Kepala P. 22 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1974.

5.13 ptg.

Kepala B. 23 hingga B. 27, P. 23, P. 26 dan P. 65—

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Pengerusi, saya mohon keizinan tuan untuk membentangkan anggaran bagi tahun 1974 di bawah Kepala B. 23 hingga Kepala B. 27, Kepala P. 23, Kepala 26 dan Kepala P. 65 kerana Kepala-kepala ini meliputi pelbagai Anggaran Jabatan-jabatan yang termasuk di bawah portfolio Kementerian Kewangan, dan saya mencadangkan supaya peruntukan yang berikut diluluskan:

Kepala B. 23	...	\$ 11,002,485	(Perbendaharaan)
Kepala B. 24	...	30,287,970	(Perkhidmatan Am Perbendaharaan)
Kepala B. 25	...	27,020,010	(Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun)
Kepala B. 26	...	28,848,174	(Kastam dan Eksais Di Raja)
Kepala P. 27	...	17,121,000	(Jabatan Hasil Dalam Negeri)
Kepala P. 23	...	128,492,000	(Perbendaharaan)
Kepala P. 26	...	7,312,020	(Kastam dan Eksais Di Raja)
Kepala P. 65	...	60,000,000	(Luar Jangka)
Jumlah	...	<u>\$310,083,659</u>	

Kepala B. 23—Perbendaharaan

Kepala B. 23 ialah Belanja Mengurus bagi Perbendaharaan. Seperti yang dapat diperhatikan bagi tahun 1974, jumlah Anggaran Belanja Mengurus bagi Perbendaharaan bertambah sebanyak \$2,794,708 dibandingkan dengan peruntukan tahun 1973 yang berjumlah \$8,207,777.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Gaji

Dari jumlah tambahan sebanyak \$2,794,708, sebanyak \$1,410,298 adalah dikehendaki untuk menampung kenaikan gaji tahunan dan juga untuk membayar gaji kakitangan tambahan yang akan diambil di dalam tahun 1974. Kebanyakan dari kakitangan baru bagi tahun 1974 adalah dikehendaki bagi Bahagian Penilaian. Banyak jawatan baru dalam perkhidmatan Penilaian adalah perlu diwujudkan untuk menguruskan tugas-tugas Bahagian itu yang bertambah berat dari setahun ke setahun. Pegawai-pegawai baru tersebut adalah perlu untuk menguruskan tugas-tugas yang bersangkutan-paut dengan pengambilan balik tanah yang dikehendaki bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua. Kekurangan pegawai dalam perkhidmatan Penilai boleh menjelaskan kecekapan kerja di Bahagian itu dan seterusnya pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua.

Selain daripada itu, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mulai dari 1hb Februari, 1974 Bandaraya Kuala Lumpur dan kawasan di sekitarnya seluas lebih kurang 94 batu persegi akan menjadi kawasan Persekutuan. Ini juga akan menambah beban kerja Bahagian Penilaian bagi menilaikan harta di dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur.

Perkhidmatan dan Bekalan

Sebanyak \$2,070,240 adalah dikehendaki di bawah "Perkhidmatan dan Bekalan" bagi tahun 1974. Jumlah ini adalah bertambah sebanyak \$650,252 jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1973 iaitu sebanyak \$1,429,988. Sebahagian besar daripada tambahan sebanyak \$650,252 ini ialah untuk Belanja Mengurus bagi Yunit Pelaksanaan Sistem Belanjawan. Yunit ini yang dahulunya dikenali sebagai Yunit Pembaharuan Belanjawan telah disusun semula dengan

diberikan tanggungjawab melaksanakan secara mendalam Sistem Belanjawan Program dan Prestasi (Programme and Performance Budgeting System) di semua Agensi Kerajaan. Dalam tahun yang lalu, pelaksanaan Sistem Belanjawan Program dan Prestasi secara mendalam telahpun dilaksanakan di Kementerian Kesihatan. Bagi tahun 1974 pula, Sistem ini akan dilaksanakan di Perbendaharaan sendiri.

Sehingga tahun 1972, Sistem Belanjawan Program dan Prestasi ini telah diperkenalkan kepada semua Kementerian dan Jabatan, tetapi pelaksanaan secara mendalam hanya bermula daripada tahun 1973 dan pelaksanaan secara mendalam ini akan diteruskan seberapa boleh kepada Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan.

Pembelian Harta Modal

Peruntukan berjumlah \$157,020 adalah dikehendaki di bawah Pecahan-kepala 3100 "Pembelian Harta Modal". Jumlah ini bertambah sebanyak \$45,158 daripada peruntukan tahun 1973. Saya telahpun menyatakan bahawa seramai 35 orang kakitangan baru telah diluluskan bagi Bahagian Penilaian. Kemudahan seperti perabut dan lain-lainnya adalah perlu bagi kakitangan-kakitangan yang baru itu. Perabut dan alat-alatan juga perlu dibeli bagi Yunit Pelaksanaan dan Yunit Perakunan Persekutuan di Sarawak yang telah ditubuhkan pada 1hb Julai, 1973.

Lain-lain Perbelanjaan

Dalam bulan April, 1974, Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi Persidangan Tahunan Bank Pembangunan Asia (Asian Development Bank). Sebagai tuan rumah, Malaysia terpaksa menanggung perbelanjaan untuk menguruskan Persidangan ini. Untuk menguruskan Persidangan di Kuala Lumpur dalam bulan April, 1974, peruntukan sebanyak \$700,000 adalah diperlukan. Jumlah ini adalah ditunjukkan di bawah Pecahan-kepala 5500 "Pelbagai".

Kepala B. 24—Perkhidmatan Am Perbendaharaan

Sejumlah \$30,287,970 adalah dikehendaki di bawah Kepala ini. Jumlah ini bertambah sebanyak \$350,340 bagi tahun ini. Bagi tahun 1973, perbelanjaan di bawah Kepala ini berjumlah \$29,937,630. Dari tambahan berjumlah sebanyak \$350,340 ini \$254,350

adalah dikehendaki untuk menampung bantuan sewa rumah Kerajaan bagi pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan yang berkhidmatan di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, rumah Kerajaan di Sabah dan Sarawak adalah tidak mencukupi dan rumah-rumah persendirian terpaksa disewa bagi kakitangan Kerajaan Persekutuan yang ditukarkan untuk berkhidmat di sana. Kakitangan tersebut membayar sewa sebanyak 10% daripada gaji bersih mereka dan selebihnya adalah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan.

Kepala B. 25—Peruntukan Kepala Kumpulan Wang Terkanun

Sebanyak \$27,020,010 dikehendaki di bawah Kepala B. 25 bagi kumpulan-kumpulan wang yang berikut:

- (i) Kumpulan wang cadang untuk Negeri (State Reserve Fund).
- (ii) Kumpulan wang pampasan kerana Nateriam Arsenite.
Di bawah Kepala ini sebanyak \$20,000 adalah dikehendaki bagi peruntukan kepada kumpulan wang pampasan kerana Nateriam Arsenite. Kumpulan wang ini ialah untuk membayar ganti-rugi kepada tuan-tuan punya binatang-binatang ternakan yang mati kerana termakan racun nateriam arsenite di ladang-ladang. Sebenarnya wang ini adalah diperolehi dengan mengenakan "cess" kepada pengimpot-pengimpot.
- (iii) *Kumpulan wang Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan*

Sebanyak \$6 juta diperolehi daripada Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat dan dimasukkan dalam kumpulan wang yang disatukan. Wang sebanyak yang diterima itu adalah diperuntukkan bagi dibelanjakan.

- (iv) *Kumpulan Wang Amanah Kebangsaan ASEAN*

Negara-negara ASEAN telah membuat keputusan, masing-masing mencahkan sebanyak US\$1 juta. Sebanyak M\$2 juta telahpun dibayar dalam tahun 1972 dan 1973. M\$1 juta yang diperuntukkan dalam tahun 1974 adalah ansuran yang akhir kepada kumpulan wang itu. Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kumpulan wang ini

adalah dikawal dan ditadbir oleh Malaysia sendiri dan tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan kewangan Malaysia sendiri. Wang ini adalah digunakan untuk membiayai perbelanjaan berkenaan dengan rancangan-rancangan ASEAN yang diluluskan oleh Menteri-Menteri Luar ASEAN.

(v) *Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan*

Wang ini adalah untuk memberi pinjaman kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan yang membeli rumah di bawah rancangan pinjaman yang dilaksanakan semenjak tahun 1971.

Kepala B. 26—Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja

Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja memerlukan sejumlah \$28,848,174 untuk Belanja Mengurus bagi tahun 1974. Ini adalah bertambah sebanyak \$2,743,558 daripada jumlah \$26,104,616 bagi tahun 1973.

Gaji

Di bawah tajuk ini peruntukan sebanyak \$23,311,890 adalah diperlukan. Jumlah ini bertambah sebanyak 6.44% daripada jumlah peruntukan tahun 1973. Tambahan peruntukan ini adalah dikehendaki untuk menampung kenaikan gaji tahunan dan tambahan kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja. Tambahan kakitangan adalah mustahak supaya tugas-tugas berkenaan dengan pungutan hasil dan mencegah penyeludupan dapat dijalankan dengan lebih sempurna lagi. Tugas-tugas Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja semakin bertambah daripada semasa ke semasa. Tanpa tambahan kakitangan, maka tugas-tugas itu tidak dapat diuruskan dengan sempurna dan licin dan akibatnya pungutan hasil akan tergendala. Dengan bertambahnya kakitangan bagi tahun 1974, adalah diharapkan tugas-tugas Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja dapat dilaksanakan dengan lebih memuaskan dan kutipan hasil juga akan bertambah.

Perkhidmatan dan Bekalan

Bagi tahun 1974 sejumlah \$3,792,970 adalah diperlukan. Bagi tahun 1973, peruntukan bagi Perkhidmatan dan Bekalan ialah \$3,064,325. Ini menunjukkan Anggaran Tahun 1974 melebihi peruntukan tahun 1973 sebanyak \$728,645. Tambahan ini adalah berikutan dengan tambahan belanja

menyewa ruangan pejabat. Juga daripada tambahan ini sejumlah \$347,435 adalah untuk membaiki serta menyelenggarakan lanci-lanci, enjin-enjin motor sangkut, kenderaan-kenderaan, mesin-mesin resit dan juga pengubahan mesin-mesin timbang daripada paun kepada metric.

Pembelian Harta Modal

Peruntukan sejumlah \$1,484,964 adalah diperlukan di bawah Pecahan-kepala 3100 untuk tahun 1974 berbanding dengan peruntukan tahun 1973 yang hanya berjumlah \$857,199. Ini menunjukkan tambahan sebanyak \$627,765. Tambahan ini adalah disebabkan pembelian alat-alat untuk mencegah penyeludupan yang mana pada tahun 1973 dibuat dari Anggaran Pembangunan tetapi mulai daripada tahun ini akan dibuat dari peruntukan Belanja Mengurus. Di bawah Pecahan-kepala 3300 sejumlah \$258,350 adalah diperlukan untuk tahun 1974 berbanding dengan tahun 1973 yang peruntukannya adalah \$281,400. Ini bermakna peruntukan bagi tahun 1974 adalah berkurangan sebanyak \$23,050.

Kepala B. 27—Jabatan Hasil Dalam Negeri Am

Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1974 bagi Jabatan Hasil Dalam Negeri, berjumlah \$17,121,000 iaitu bertambah sebanyak \$536,580 dari peruntukan tahun 1973. Dari jumlah peruntukan \$17,121,000 itu, \$13,829,010 adalah bagi Semenanjung Malaysia, \$1,535,300 bagi Sarawak dan \$1,756,690 bagi Sabah.

Gaji

Daripada jumlah Anggaran Belanja Mengurus tahun 1974 sebanyak \$17,121,000, \$14,555,485 adalah bagi gaji. Ini bermakna peruntukan bagi gaji bertambah sebanyak \$605,555 dari peruntukan 1973. Peruntukan ini adalah bagi kenaikan gaji biasa dan juga bagi 621 jawatan tambahan yang diluluskan dalam tahun 1973 untuk diisi pada tahun 1974 dan 46 jawatan tambahan yang diluluskan bagi tahun 1974 yang mana adalah perlu untuk menguruskan beban kerja yang bertambah dalam usaha mendapatkan hasil negeri dengan menaksir dan memungut cukai-cukai pendapatan, duti harta pesaka dan sewa filem mengikut undang-undang yang berkenaan yang mana Jabatan ini diberi tanggungjawab.

Perkhidmatan dan Bekalan

Peruntukan tahun 1974 di bawah Pecahan-kepala ini ialah sebanyak \$2,284,100 berbanding dengan \$2,318,790 bagi tahun 1973 iaitu berkurangan sebanyak \$34,690.

Pembelian Harta Modal

Peruntukan bagi tahun 1974 di bawah Pecahan-kepala ini adalah \$281,415 iaitu \$34,385 kurang dari peruntukan tahun 1973 sebanyak \$315,800. Jumlah besar dari peruntukan tahun 1973 adalah bagi menambah dan membeli alat-alat kelengkapan baru dan mengganti yang lama untuk kakitangan yang bertambah.

Kepala P. 23—Perbendaharaan

Sebanyak \$128,492,000 dikehendaki di bawah Kepala P. 23. Jumlah ini bertambah sebanyak \$48,340,000 daripada peruntukan tahun 1973.

Anggaran sebanyak \$128,492,000 ini ialah untuk:

- (a) \$ 5,000,000 ... Pelaburan kepada Bank Bumiputra Malaysia Berhad
- (b) \$30,000,000 ... Pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri
- (c) \$ 2,500,000 ... Pelaburan kepada Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sendirian Berhad
- (d) \$25,000,000 ... Pinjaman kepada Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)
- (e) \$50,000,000 ... Pendahuluan kepada Kerajaan Negeri Selangor
- (f) \$ 4,300,000 ... Pinjaman kepada Kerajaan Pulau Pinang bagi Pembangunan Kawasan Perdagangan Bayan Lepas dan Weld Quay dan Kawasan Perusahaan Prai
- (g) \$ 6,192,000 ... Pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri (Sarawak)
- (h) \$ 6,500,000 ... Pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri (Sabah)

Kepala P. 26—Kastam dan Eksais Di Raja Semenanjung Malaysia

Peruntukan sejumlah \$6,886,010 adalah diperlukan bagi 1974. Daripada jumlah ini \$2,500,000 adalah diperlukan bagi projek-projek seperti berikut:

- (i) Pembelian 5 ekar tanah di Pelabuhan Kelang untuk pembinaan 12 buah yunit rumah kediaman kelas "E", 80 yunit rumah kediaman kelas "G" dan 16 yunit rumah kediaman kelas "H".

- (ii) Pembelian tanah untuk pembinaan 12 yunit rumah kediaman kelas "E" dan 80 yunit rumah kediaman kelas "G" di Ipoh.
- (iii) Binaan tambahan Pejabat Kastam Ipoh.
- (iv) Pembinaan Pejabat Kastam di Mersing.
- (v) Pembinaan Pejabat Kastam di Muar.
- (vi) Pembinaan 4 yunit rumah-rumah kediaman kelas "E" dan 24 yunit kelas "G" di Kuala Trengganu.
- (vii) Pembelian 15,883 kaki persegi tanah untuk membina "Retaining Wall" di Pejabat Kastam Pencegah di Pulau Pinang.
- (viii) Pembinaan 8 yunit rumah kediaman kelas "G" di Kuantan.
- (ix) Pembinaan 16 yunit rumah kediaman kelas "G" di Dungun.
- (x) Pembinaan Pejabat Kastam baru di Dungun, Batu Pahat, Penggerang, Tanjung Surat dan Pasir Gogok.
- (xi) Pembinaan 6 yunit tempat kediaman kelas "G" di Penggerang, 4 yunit kelas "G" di Tanjung Barat dan 2 yunit kelas "G" di Pasir Gogok.
- (xii) Pembinaan Pejabat Kastam di Kota Bharu.
- (xiii) Pembinaan rumah kediaman 2 yunit kelas "E" dan 8 yunit kelas "G" di Rantau Panjang.
- (xiv) Pembinaan 5 blok (40 buah yunit) rumah kediaman kelas "G" di Butterworth.
- (xv) Pembinaan 6 yunit rumah kediaman kelas "E", 8 yunit kelas "G" dan setor di Kuala Perlis.

Peruntukan sebanyak \$33,000 adalah dikehendaki untuk pembayaran wang simpanan (deposit) bagi pembinaan satu moto lanci 60 kaki dan 2 moto lanci 45 kaki panjangnya.

Sejumlah \$310,000 adalah diperlukan untuk pembinaan kolam mandi dan sebuah Asrama untuk pegawai-pegawai kanan di Maktab Latihan Kastam dan Eksais Di Raja di Melaka.

Sejumlah \$43,000 adalah diperlukan untuk pembinaan tempat menyimpan kenderaan rampasan, di Alor Star.

\$4,000,000 adalah diperlukan untuk kerja-kerja binaan Komplek Kastam dan Jejambat di Johor Bahru. Kerja-kerja bagi projek ini sedang berjalan.

Sarawak

Wang Tanda (Token Vote) sebanyak \$10 adalah dimasukkan bagi pembinaan sebuah Ibu Pejabat Kastam yang baru di Kuching.

Sabah

Sejumlah \$96,000 adalah diperlukan untuk pembinaan rumah pangsa.

Sejumlah \$330,000 pula adalah diperlukan untuk bayaran kemajuan bagi kerja pembinaan moto lanci 60 kaki panjangnya.

Kepala P. 65—Simpanan Luar Jangka

Sebanyak \$60 juta diuntukkan bagi memberi pendahuluan bagi apa-apa projek yang akan dilaksanakan tetapi peruntukan baginya tidak ada dalam Anggaran, atau menambah peruntukan-peruntukan yang didapati tidak mencukupi.

Tuan Pengerusi, saya mohon men-cadangkan.

5.35 ptg.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap tentang perbelanjaan yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan di samping ini, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya hendak sentuh sedikit tentang gaji termasuk gaji-gaji pegawai-pegawai di Perbendaharaan dan juga Menteri Kewangan dan Timbalan Menteri Kewangan.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I submit that our Treasury Officials and our Minister of Finance and Deputy Minister of Finance should see to it that there is no extravagance on the part of Government, that every cent spent by the Government—\$3.5 billion in respect of the Ordinary Expenditure and \$1.8 billion in respect of Development Expenditure, should be spent and the dollar should be stretched to its utmost limit in the expenditure.

I submit, Mr Chairman, Sir, that it is not so in one item of expenditure at least and that is in respect of the Mercedes Benz 280

that one sees our Ministers being equipped with now. Mr Chairman, Sir, if it is deemed necessary to have a new car, why must the Government and in particular the Treasury, settle on the Mercedes Benz 280S which costs about, I think, \$35,000 in this country; in Singapore, it costs much more, it is about \$45,000. Why should our Ministers go about in such flashy and expensive cars at the expense of the poor taxpayers of this country? If they must travel in comfort and in a Mercedes Benz, does not the Treasury settle for a Mercedes 200 or 220 or even 230 or 250? Why must it be such an expensive car as the 280S model?

Mr Chairman, Sir, I can understand that if a new Minister is appointed, he needs an official car and he should be given a car. But I notice, Mr Chairman, Sir, that many of our older Ministers, older in the sense that they have been serving for many years, they, too, have had their cars changed. A look around the Parliament Car Park will show that many of our Ministers have brand new Mercedes 280. Now, I am sure that their old cars—and many of them had Mercedes before—are still roadworthy. Most of these Mercedes Benz can keep for more than 10 years. I have a Mercedes Benz and I have kept it for more than 10 years. Why should our “older” Ministers be allowed to change into Mercedes 280S which cost the poor taxpayers of this country a grand \$35,000 each?

Now, Mr Chairman, Sir, in this era of inflation, our Ministers go round the country exhorting the people of this country not to spend on luxuries and to tighten their belts. I submit, Sir, that the Government should set an example. The Government should set an example of austerity in order that we can persuade the rakyat of this country to save while they can and not to spend on luxuries. I ask the Deputy Minister of Finance to look into this question and perhaps take it up in the Cabinet so as to see that such ostentation and (extravagance) on the part of the Government is stopped for this does not equate with the call for austerity by our Ministers up and down the country.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya hendak sentuh sedikit tentang cukai buah-buahan yang dijual ke Singapura, dan di sini Tuan Pengerusi, saya ada menerima

rayuan daripada beberapa penanam buah-buahan. Perkara cukai buah-buahan tempatan yang dijual ke Singapura seperti durian, pulasan, duku, rambutan, langsung, manggis patut ditarik balik atau dihapuskan. Saya tahu sekarang musim buah durian, malangnya buah-buahan ini apabila hendak dibawa masuk ke Singapura Kerajaan telah mengenakan cukai 5 peratus mulai bulan Disember, 1973. Cukai 5 peratus itu tidak juga susah kepada orang yang hendak menjual durian ke Singapura, tetapi yang menjadi rumit ialah lori-lori yang membawa durian itu berjam-jam menunggu untuk membayar cukai, kerana sama-sama di barisan dengan lori-lori kayu-kayu balak, papan-papan, getah-getah yang hendak membayar cukai juga. Oleh kerana buah durian tidak tahan lama terpaksa tuan-tuan punya durian menanggung kerugian kerana buah durian itu pecah dan busuk. Ini menyebabkan harga buah-buah durian di kampung jatuh harga, kadang-kadang tidak mahu diberi oleh peraih dan yang hendak menjual ke Singapura, lebih-lebih lagi kalau hari Minggu kadang-kadang buah-buah durian terpaksa dilelong sahaja kerana tidak boleh dijual lagi. Dengan sebab itu, orang-orang yang ada durian mengalami rugi yang besar kerana buah-buah duriannya tidak laku, padahal ini hasil setahun sekali yang didapatinya untuk membayar cukai tanah dan lain-lain.

Setahu saya dahulu buah-buahan ini Kerajaan tidak kenakan cukai apabila dibawa masuk ke Singapura, termasuklah jenis-jenis buah seperti nanas, pisang dan sayur-sayur yang tidak kena cukai. Dengan kata-kata saya yang ringkas ini, saya mencadangkan Kerajaan hendaklah menarik balik cukai yang dikenakan kepada buah-buah durian dan buah-buah tempatan yang lain itu dibatalkan, kerana kalau tidak dibatalkan rakyat yang akan rugi padahal Kerajaan menggalakkan menanam pokok buah-buahan.

Tuan Pengerusi, saya ada di sini 2 borang perakuan barang-barang bercukai yang akan diekspot dan ini membuktikan penanam-penanam buah-buahan yang hendak mengekspot durian ke Singapura kena cukai di Singapura. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan apa maksud Kerajaan mengadakan cukai ekspot ini tentang buah-buahan yang disebutkan oleh saya. Kalau sekiranya

maksudnya ialah supaya buah-buahan di tanahair kita tidak dikurangkan, saya hendak memberitahu kepada Menteri yang berkenaan negeri ini ada terlampau banyak buah-buahan yang disebutkan oleh saya. Oleh hal yang demikian, perlu Kerajaan menggalakkan penanam-penanam buah-buahan mengekspotkan buah-buahan ke mana-mana negeri yang hendak membeli buah-buahan kita.

Baru-baru ini saya balik daripada Indonesia dan saya dapati di Sumatra penanam-penanam sayur-sayuran, buah-buahan mengekspotkan 2,000 tan sayur-sayuran dan buah-buahan mengekspotkan buah-buahnya ke Singapura, mengapakah Kerajaan baru-baru ini mengenakan cukai ekspot 5% terhadap buah-buahan yang disebutkan oleh saya.

Tuan Pengerusi, ini menunjukkan kalau sekiranya Kerajaan mengadakan cukai ini untuk menghadkan buah-buahan yang disebutkan oleh saya diekspot ke Singapura, saya hendak memberitahu kepada Timbalan Menteri yang berkenaan di tanahair kita. Kalau beliau berjalan melalui jalan Tuanku Abdul Rahman banyak durian dan rambutan dan sebagainya, dan perlu kita mengekspotkan buah-buahan yang berlebihan ke Singapura yang mana mereka boleh dapat harga yang tinggi. Malangnya, oleh sebab dikenakan cukai maka di dalam rayuan ini durian di kampung masing-masing, khasnya di Johor terpaksa dilelong dengan harga yang paling rendah. Tuan pengerusi, saya berharap Kerajaan boleh membatalkan cukai 5% ini supaya pengeksport-pengeksport buah-buahan ini boleh bawa buah-buahan ke Singapura dan tak payahlah singgah di Perhentian Kastam di Johor Bharu.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu seperti yang disebutkan di dalam rayuan ini lori yang membawa buah-buah durian ke Singapura terpaksa beratur dengan lori kayu-balak, lori bawa besi dan sebagainya dan kalau durian kena matahari 5 jam umpamanya, semua pecah dan busuk dan kena dibuangkan di dalam laut.

Oleh sebab itu, saya berharap Kerajaan atau Menteri yang berkenaan boleh siasat perkara ini supaya penanam-penanam buah-buahan boleh hidup, bukan sahaja di Negeri Johor tetapi di negeri lain yang ada penanam-penanam buah-buahan yang

hendak mengeksportkan buah-buahnya ke Singapura.

5.48 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan hanya ada satu perkara sahaja dan saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, on the 31st of December 1973, the Governor of Bank Negara, Tan Sri Ismail bin Mohamed Ali sent out a directive to all banks in Malaysia ordering a credit squeeze to the private sector limiting the banks during the first quarter of this year not to give out loans to the private sector exceeding 5 percent over the December 1973 figure and for the year 1974, the annual rate of credit to the private sector is limited to 15 percent over the 1973 figure. One result of this Bank Negara credit squeeze order is that banks are turning down all new applications for housing loans from individuals and private developers. Bank Negara, in ordering this credit squeeze should ensure that it is not inequitable in its outcome and its effects. One group of people who will be inequitably affected are those who have already committed themselves to buying houses, paid booking fees, signed purchase agreement and made first house payments, on the understanding of house loans from banks; people who are buying their first house. If these people are now denied housing loans from banks as a result of Bank Negara's new directive on credit squeeze, then they will be left high and dry without the financial resources to pay for the houses. In such a situation, the rich will not suffer but it is the lower middle class and the lower income group who will be the worst hit.

I therefore, call on the Bank Negara and the Honourable Minister concerned to use his good offices with the Bank Negara to modify its credit squeeze order to ensure that Malaysians who have made firm commitments to purchase houses on the understanding of bank housing loans will not be penalised.

In ordering a freeze on housing developments, the Government should launch a crash low-cost programme throughout the country to meet the grave housing needs of the poor, and I hope that the Government

will not continue to neglect the housing needs of the people.

Although the inflation rose by over 10% last year, the continued increase in the prices of all products, especially with the approach of the Chinese New Year festivities, looks even steeper than the inflation of last year. Thus a 22 lb crate of oranges from Taiwan now costs \$23 when it only cost about \$18 last year. In the case of 40 lb. crate of Swatow oranges, it now costs about \$38 to \$42 when it cost about \$35 last year. The same thing with all other items—melon seeds, mushrooms, sausages and waxed ducks. To lighten the burden of these in the lower income brackets who are already suffering greatly from inflation and to give cheer to them during the Chinese New Year festivities, I call on the Ministry to remove the import duties and the surtax on all items needed for the Chinese New Year festivities. On December, 29 the Honourable Minister of Finance announced a 50 per cent cut in the import duty for Mandarin oranges. I hope that the Ministry can go further and remove totally the import duty on oranges.

5.52 *ptg.*

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya bercakap dengan ringkas sahaja sambil menyokong anggaran yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan. Sebelum daripada saya memberikan ulasan gemar saya memberikan satu bingkisan atas pendapat yang diberikan oleh rakan sejawat saya Ahli Yang Berhormat dari Batu berhubung dengan pembelian kereta kepada Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri. Menurut hemat saya dan rakyat dalam negara ini bahawa kereta-kereta yang dipakai oleh Menteri dan Timbalan Menteri yang ada sekarang sangat sesuai dengan keupayaan Kementerian dan menjaga imej sebuah Kerajaan yang makmur dan mewah, kerana rakyat tak mahu tengok bahawa kereta yang dipakai oleh Menteri itu lebih tinggi pula mutu kereta yang dipakai oleh Ahli-ahli swasta dan ahli perniagaan khususnya Ahli Yang Berhormat dari Batu. Perkara ini tidak merunsingkan rakyat. Saya fikir Kerajaan harus teruskan atas masalah itu.

Sistem Belanjawan

Dalam masaalah yang kedua, Yang Berhormat Menteri telah menyatakan satu perkara baru iaitu sistem belanjawan. Dalam masaalah ini, saya nampak hendaklah diingat bahawa wang sebanyak yang diminta oleh tiap-tiap Kementerian itu dihaki oleh tiap-tiap rakyat. Projek-projek yang akan dijalankan oleh Kerajaan hendaklah mendatangkan faedah kepada rakyat. Oleh itu dalam Jabatan ini dan juga Kementerian yang berkenaan pada mentadbirkan wang janganlah hendaknya membazir atau boros dan rakyat dapat memerhatikan.

Satu perkara yang rakyat tengok, berhubung dengan pemerhatian daripada Juru Odit Negara yang telah memberikan teguran yang bebas samada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat. Masaalah ini hendaklah diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan.

Kedua janganlah wang itu dialirkan berbentuk rasuah samada besar atau sekecil-kecilnya. Kalau kita lalai, kita kurang awasi wang negara yang bermelion-melion ringgit tiap-tiap tahun maka ramai manusia yang dapat kemewahan hidup dengan sebab projek Kerajaan. Umpamanya, satu peruntukan kerana membuat masjid \$30 ribu tetapi malangnya peruntukan yang sampai kepada rakyat, yang memberi faedah kepada rakyat itu hanya \$20 ribu sahaja. Dengan demikian, projek yang berjuta-juta atau beribu-ribu ringgit itu pemborong yang menyelenggarakan pembinaannya, yang memberi komisyen kepada siapa yang dia hendak beri, rakyat menyedari masaalah ini. Kalau dihetong entah berapa juta wang negara itu diterima oleh golongan-golongan yang tertentu, ada rakyat yang berkata bahawa Dasar Ekonomi Baru ini membanyakkan orang kaya baru. Selain daripada komisyen jentera berat, komisyen kapal-terbang, komisyen lori, komisyen alat-alat berat, saya harap pada masa yang akan datang menurut sistem yang baru ini komisyen itu hendaklah diserahkan balik kepada Perbendaharaan negara.

Bank Bumiputra

Dalam masaalah Bank Bumiputra. Walaupun ramai rakyat bumiputra menerima projek ini, tetapi rakyat bumiputra yang meminjam itu hanya \$10 ribu atau \$20 ribu, katalah ada 50 orang, tetapi Kerajaan beri

peluang kepada rakyat yang bukan bumiputra meminjam, walaupun peminjamnya tak banyak, tetapi jumlah wang yang dipinjam itu banyak. Saya harap Kerajaan akan memikirkan dasar ini bahawa hendaklah diberikan wang daripada bank bumiputra ini satu nota diberikan kepada bumiputra 70% dan bukan bumiputra hanya diberi pinjaman sebanyak 30% sahaja. Sekarang ini tidak, ia disebaliknya. Diberikan kepada bumiputra 30% tetapi diberikan kepada bukan bumiputra 70%. Dengan keadaan yang semacam itu, tujuan Kerajaan ini mengadakan bank itu tidak dapat sempurna, walhal swasta yang lain dia banyak bank dan boleh dipinjam, tetapi bank bumiputra jangan diusek khasnya kita beri keutamaan kepada ahli perniagaan bumiputra sahaja.

PERNAS

Selain daripada itu berhubung dengan PERNAS. Saya hendak bercakap sedikit sahaja. PERNAS ini satu perbadanan yang baru, tetapi kalau Kerajaan hendak menengok perbadanan ini berjalan dengan baik sebagai agensi yang betul-betul menjalankan perniagaan dan perusahaan maka hendaklah Kerajaan tambah lagi kewangannya itu, kewangan yang ada sekarang tidak mencukupi. Keadaan yang macam ini kalau kita sentiasa sekat-sekat dalam pemberian wang pada PERNAS, saya fikir rancangan PERNAS hendak mewujudkan satu perniagaan dan perusahaan yang begitu sempurna, yang begitu gagah dalam negeri tidak akan berhasil. Saya berharap Perbendaharaan janganlah lokek-lokek ketika hendak memberikan peruntukan kepada PERNAS itu dan juga PERNAS hendaklah diberikan kerjasama oleh tiap-tiap Jabatan dan Kementerian dalam negeri ini dan juga Kerajaan Negeri ini serta Perbendaharaan hendaklah memberi kemudahan yang tertentu kepada PERNAS kalau kita ingin melihat PERNAS itu berjalan dengan licin.

Kastam dan Eksais Di Raja

Akhirnya, dalam masaalah Kastam dan Eksais Di Raja. Tadi Yang Berhormat Menteri berkenaan telah mengatakan mengenai Kastam dan Eksais Di Raja, saya nampak bahawa hendaklah kita alatkan kepada Jabatan ini dengan alatan motor yang moden yang lebih laju sebab dia akan mencegah penyeludupan. Kita pernah tengok

di Johor Bahru atau di mana-mana, alat-alat motor atau yang digunakan oleh penyeludup itu lebih laju dan lebih kuat daripada alat yang digunakan oleh Kastam. Begitu juga alat senjata yang kita bekalkan kepada Kastam itu hendaklah senjata yang moden, janganlah diatasi oleh ahli-ahli penyeludup. Dengan keadaan yang macam ini mereka akan ragu-ragu ketika menjalankan tugas, kalau kita berikan alat kelengkapan yang sempurna, saya fikir pegawai-pegawai kita akan menjalankan tugas dengan begitu baik dan sempurna.

5.58 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan terhadap belanjawan bagi Kementerian Kewangan dan terlebih dahulu saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara yang telah membantu saya bagi menjawab soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu tadi mengenai motokar yang dipakai oleh Menteri-menteri dan saya rasa beliau sebagai wakil rakyat dapat menyuarakan penerimaan rakyat terhadap motokar-motokar yang dipakai oleh Menteri-menteri dan saya fikir memang itulah pandangan rakyat Malaysia sendiri atas taraf Menteri-menteri yang telah mereka pilih itu, dan saya tidaklah ada hendak menambah lagi di atas pandangan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara mengenai motokar yang dipakai oleh Menteri-menteri.

Mengenai masalah buah-buahan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu, saya tak tahulah samada beliau pernah membeli buah, yang dia nampak banyak buah-buahan di Jalan Tuanku Abdul Rahman (Batu Road) dan di Chow Kit Road, tetapi adakah dia pernah membeli buah-buahan itu dan pernah bertanya berapa harga buah-buahan itu? Apa yang saya tahu hari ini kita tahu betik satu buah yang mudah ditanam dan banyak didapati di negeri ini, tetapi kadangkala kalau kita pergi ke pasar hendak membeli betik, betik yang ada di pasar pun bukanlah betik yang molek bentuknya, yang nampak nyaman. Daripada hari ini apa yang adapun betik yang bentuknya sudah tidak molek, boleh

jadi rasanya pun sudah kurang sedap dan harganya pun mahal. Apakah sebab terjadinya perkara yang serupa ini? Walaupun kita banyak menanam buah-buahan, tetapi buah-buahan yang hendak kita beli di Malaysia sendiri kadangkala tidak merupakan buah-buahan yang sesuai dengan kehendak kita sendiri dan harganya mahal. Saya pun teringat juga apakah Ahli-ahli daripada pihak Pembangkang ini pada satu ketika mereka mengatakan Kerajaan mesti mengambil tindakan yang tertentu untuk mengurangkan inflasi yang berlaku di negara kita ini supaya rakyat kita tidak mendapat kesusahan yang sebegitu berat daripada keadaan inflasi yang ada di negara kita ini.

Pada satu ketika yang lain pula mereka menyatakan bahawa kita mesti mengambil tindakan-tindakan yang lain pula bagi membolehkan barang-barang yang dikeluarkan di negeri ini yang sepatutnya dimakan atau digunakan oleh rakyat kita dan apabila barang itu banyak, maka murahlah harganya. Mereka pula mengatakan bahawa barang-barang ini jangan disekat daripada diekspot dan mestilah diekspot dengan sebanyak-banyaknya. Jadi apakah yang dimaksudkan? Suatu ketika bercakap lain, satu ketika yang lain bercakap lain pula. Nampaknya ikut sedap lidahnya sahaja. Saya suka memaklumkan di sini dari segi cukai ekspot buah-buahan sebanyak 5% ke Singapura ini tujuannya tidak lain ialah bagi menentukan bahawa perbekalan buah-buahan di dalam Malaysia ini terdapat dengan banyaknya dan harganya itu adalah murah dari segi kemampuan orang ramai untuk membelinya. Dan saya rasa dengan keadaan yang kita hadapi pada hari ini masalah untuk membatalkan cukai yang ada ini sudah tentu tidak timbul.

Perkara yang berlaku di Johor Bahru terhadap pengeksport-pengeksport buah-buahan ini atau terpaksa menunggu begitu lama bersama-sama dengan lori-lori yang lain membawa barang-barang ekspot ke Singapura. Perkara ini kita sedia maklum bahawa ekspot station di Johor Bahru itu merupakan satu kawasan yang begitu sesak dan jumlah lori-lori yang membawa barang-barang dagangan yang hendak pergi ke Singapura pada tiap-tiap hari adalah cukup banyak hinggalah berlaku keadaan yang begitu sesak di jalan-jalanraya di Johor Bahru. Tetapi yang paling mudah sekali, saya rasa kalau hendak lekas, beraturlah; kalau

sudah lambat sampai jauh ke belakang, macam mana pula hendak mendapat keistimewaan yang tertentu. Tetapi suka saya memaklumkan di sini bagi mereka yang hendak mengekspot buah-buahan atau barang-barang yang mudah busuk, pihak Jabatan Kastam ada menyediakan kemudahan-kemudahan bahawa Pengarah Kastam diberi discretion untuk membolehkan mereka itu menggunakan budibicaranya bagi membenarkan pengimpot-pengimpot barang-barang parishable atau barang-barang yang mudah busuk yang bercukai seperti buah-buahan tadi supaya barang-barang ini dapat disegerakan pengimpotannya. Walau bagaimanapun suka saya mengingatkan di sini bahawa pengeksport-pengeksport itu hendaklah berhubung dengan Pejabat-pejabat Kastam di stesyen-stesyen yang berkenaan sebelum pengimpot barang-barang mereka itu dan mendapatkan kemudahan-kemudahan untuk mengekspotnya dengan seberapa yang segera. Dan masaalah eksport stesyen di Johor Bahru pada hari ini walaupun terdapat banyak kesulitan kita harap nanti apabila rancangan membina Kompleks Kastam yang baharu ini selesai, maka masaalah ini akan menjadi berkurangan dan kita harap mungkin keadaan ini akan bertambah baik lagi pada masa akan datang dan tidak menimbulkan kesulitan-kesulitan yang besar kepada pengeksport-pengeksport daripada Malaysia ke Singapura.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka telah menimbulkan perkara credit squeeze terhadap pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh bank-bank. Suka saya menyatakan di sini bahawa sebenarnya ini bukan merupakan satu squeeze tetapi slow down di dalam pemberian credit oleh bank-bank kepada peminjam-peminjam dan tujuan kita ialah dalam kita menghadapi keadaan inflasi pada hari ini bahawa pengedaran wang di dalam negara kita tidak terlalu banyak hingga menyebabkan keadaan inflasi ini bertambah buruk lagi.

Dan beliau juga menyentuh bahawa dengan adanya credit squeeze, ini menyebabkan peluang-peluang bagi orangramai memperoleh atau membina rumah-rumah kediaman mereka adalah terjejas. Tetapi dari segi pegawai-pegawai Kerajaan, saya rasa masaalah ini tidak menjadi satu perkara yang begitu berat kerana syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan ada menjalankan

rancangannya dan pegawai-pegawai Kerajaan juga mendapat peluang untuk pinjaman perumahan yang layak bagi mereka itu. Suka saya menyatakan di sini bahawa Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan pada dewasa ini sedang menyiapkan 4 buah projek di Bungsar Park, Medan Damansara, Medan Damansara (I), Medan Damansara (II) dan Medan Damansara Height bagi membina sebanyak 350 buah unit rumah-rumah.

Selain daripada itu syarikat ini juga sedang membina lagi sebanyak 1,377 buah unit rumah iaitu di Medan Damansara (II), Bukit Damansara Selatan (I), Damansara Height, Ladang Seaport, Ladang Wardieburn dan juga di Alor Star.

Syarikat ini juga ada merancang bagi membina sebanyak 7,204 buah unit rumah di Bukit Damansara Selatan dan Utara, di Ladang Seaport dan juga di Ladang Wardieburn pada masa-masa ke hadapan ini. Dan bagi rancangan di Bukit Damansara Selatan dan Ladang Seaport dan Ladang Wardieburn ini kerja-kerja untuk memajukan tanah sedang dijalankan. Dan syarikat ini juga ada merancang untuk membina rumah-rumah di Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang dan juga di Johor Bahru. Walaupun pada hari ini terdapat squeeze mengenai credit atau pinjaman ini dari segi perumahan yang dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan bahawa akan sedia ada lebih banyak lagi unit rumah yang akan dapat dibeli oleh pegawai-pegawai Kerajaan sendiri.

Dari segi Kerajaan juga masaalah menyediakan perumahan-perumahan bagi orangramai akan terus berjalan dan ini sudah tentu akan mengurangkan masaalah atau kesulitan perumahan yang akan ada pada masa-masa hadapan ini.

Mengenai rayuan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka supaya Kerajaan menghapuskan semua impot duti terhadap barang-barang atau keperluan-keperluan untuk perayaan hari raya Cina ini, saya rasa ini adalah satu permintaan yang tidak dapat ditimbang. Walau bagaimanapun sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan disebabkan buah limau ini merupakan satu perkara yang boleh jadi wajib di dalam perayaan tahun baharu Cina ini, maka impot duti terhadap buah-buah limau ini telahpun kita kurangkan

dan itu sahaja yang dapat diberi dan untuk perkara-perkara yang lain, saya rasa kita tidak dapatlah hendak menimbangkan atas perkara ini.

Mengenai perkara pinjaman daripada Bank Bumiputra yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara, pinjaman yang dikeluarkan oleh Bank ini kepada bumiputra memang selalu diberi keutamaan, dan suka saya menyebutkan di sini bahawa dari segi pinjaman yang diberikan oleh bank-bank kepada bumiputra selama ini kita dapati bahawa perkara ini telah dapat dijalankan dengan memuaskan. Saya suka menyatakan di sini bahawa dari segi bank-bank telah mengadakan Credit Guarantee Corporation yang mana telah tersedia wang sebanyak \$10 juta dan sebahagian besar daripada pinjaman yang diberi melalui Credit Guarantee Corporation ini adalah diberi kepada bumiputra. Selain daripada itu, bank-bank telah mengadakan yunit khasnya untuk melayan permohonan daripada bumiputra, dan apa yang kita dapati pada hari ini walaupun perkara ini belum dapat berjalan dengan lancarnya tetapi kita harapkan bahawa dengan adanya yunit khas di bank-bank bagi melayan pinjaman-pinjaman daripada bumiputra ini masalah pinjaman yang dapat diberi oleh bank-bank kepada bumiputra di dalam perniagaan ini akan dapat berjalan dengan lebih lancar dan memuaskan lagi pada masa-masa ke hadapan.

Mengenai pihak Kastam, suka saya maklumkan di sini bahawa memang ada tujuan daripada Bahagian Pencegah Jabatan Kastam supaya kerja-kerja daripada Bahagian ini dapat dijalankan dengan lebih rapi dan lebih berkesan lagi untuk menentukan bahawa hasil negara dapat diselamatkan dengan sebanyak-banyaknya. Memanglah menjadi tujuan daripada Bahagian ini untuk menggunakan senjata-senjata api yang lebih moden dan lebih baik lagi dan menggunakan kenderaan-kenderaan dan motor-motor yang lebih laju untuk mengesan penyeludupan ini, dan sebagaimana yang telah disebutkan bahawa Bahagian ini pada masa ke hadapan ini akan menggunakan pula helikopter untuk mengesan penyeludupan.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja ulasan yang dapat saya berikan, dan sekali lagi saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan mereka terhadap masaalah yang dikemukakan ini dan suka saya menyatakan di sini bahawa Kementerian Kewangan akan mengambil perhatian terhadap masaalah-masaalah yang telah ditimbulkan itu, dan kita akan mengambil tindakan yang sesuai supaya perkara-perkara ini dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya.

Masaalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$11,002,485 untuk Kepala B. 23; \$30,287,970 untuk Kepala B. 24; \$27,020,010 untuk Kepala B. 25; \$28,848,174 untuk Kepala B. 26 dan \$17,121,000 untuk Kepala B. 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$128,492,000 untuk Kepala P. 23; \$7,312,020 untuk Kepala P. 26 dan \$60,000,000 untuk Kepala P. 65 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1974.

6.16 ptg.

Kepala B. 28 dan P. 28—

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membentangkan Kepala Bekalan 28 Anggaran Belanjawan bagi Kementerian saya yang berjumlah \$352,540,272 bagi tahun 1974. Daripada jumlah itu \$290,540,272 ialah untuk Belanja Mengurus dan \$62,000,000 untuk Belanja Pembangunan. Daripada jumlah Anggaran Belanja Mengurus ini \$239,299,672 ialah untuk negerinegeri di Semenanjung Malaysia, \$23,666,500 untuk Negeri Sarawak dan \$27,574,100 untuk Negeri Sabah. Daripada Anggaran Pembangunan pula \$50,000,000 ialah untuk Semenanjung Malaysia, \$5,500,000 untuk Negeri Sarawak dan \$6,500,000 untuk Negeri Sabah.

Datuk Pengerusi, saya suka menerangkan serba sedikit perkara-perkara yang bersangkutan dengan Anggaran Belanja Mengurus itu. Daripada angka peruntukan Belanja Mengurus yang saya sebutkan tadi, Ahli-ahli Yang Berhormat dapatlah membandingkan dengan anggaran yang telah diluluskan sebanyak \$244,402,360 bagi tahun 1973. Dengan itu anggaran perbelanjaan bagi tahun 1974 akan melebihi peruntukan tahun 1973 sebanyak \$46,137,912. Ini bermakna tambahan sebanyak 18.9 peratus. Angka-angka yang berlebihan ini ialah bagi

Semenanjung Malaysia sebanyak \$38,873,592, iaitu tambahan sebanyak 19.4 peratus; Negeri Sarawak \$3,662,700 iaitu tambahan sebanyak 18.3 peratus dan bagi Negeri Sabah sebanyak \$3,601,620 tambahan sebanyak 15 peratus.

Tuan Pengerusi, Tambahan-tambahan kepada Perbelanjaan Mengurus itu adalah terdiri daripada \$28,982,640 iaitu 16.6 peratus bagi Pecahan-kepala 10 Gaji; \$13,572,740 atau 22.2 peratus bagi Pecahan-kepala 20 iaitu Perkhidmatan dan Bekalan, \$3,492,970 atau 48.1 peratus bagi Pecahan-kepala 30 iaitu Pembelian Harta Modal dan \$89,562 atau 7.2 peratus bagi Pecahan-kepala 40 iaitu Pemberian dan Pembayaran Tetap.

Tambahan kepada Pecahan-kepala 10 adalah terdiri daripada \$24,208,920 bagi Semenanjung Malaysia, \$3,137,520 bagi Negeri Sabah dan \$1,636,200 bagi Negeri Sarawak. Sebab-sebab bertambahnya peruntukan di bawah Pecahan-kepala ini ialah kerana tambahan kepada kakitangan dan juga jawatan-jawatan bagi tahun 1974. Tambahan kepada Pecahan-kepala 20 adalah terdiri daripada \$11,206,640 bagi Semenanjung Malaysia, \$530,100 bagi Negeri Sabah dan \$1,836,000 bagi Negeri Sarawak. Tambahan ini ialah dengan kerana banyak projek-projek pembangunan yang telah siap dalam tahun 1973 dan akan siap dalam tahun 1974. Tambahan kepada Pecahan-kepala 30 Pembelian Harta Modal adalah terdiri daripada \$3,343,470 bagi Semenanjung Malaysia, kekurangan sebanyak \$66,000 bagi Negeri Sabah dan tambahan sebanyak \$215,500 bagi Negeri Sarawak. Tambahan-tambahan ini adalah untuk menampung kekurangan-kekurangan kelengkapan yang moden di hospital-hospital, pusat-pusat kesihatan dan sebagainya di seluruh negara ini. Tambahan kepada Pecahan-kepala 40 Pemberian dan Pembayaran Tetap adalah terdiri daripada \$114,562 bagi Semenanjung Malaysia, dan kekurangan sebanyak \$25,000 bagi Negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya sukalah menyatakan di sini iaitu penerangan-penerangan secara perincian tentang tujuan dasar dan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai di dalam tahun 1972, 1973 dan 1974 ada dicatat di dalam buku Ringkasan Belanjawan yang dibentang di dalam Dewan ini mengikut Kertas Perintah Bilangan 32/1973 dari muka 460 hingga muka 498.

Sungguhpun begitu, saya sukalah menegaskan di sini bahawa tujuan Kementerian saya ialah untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang cekap, terutamanya kepada kaum-kaum yang kurang bernasib baik supaya kesihatan negara ini selaras dengan keperluan pembangunan ekonomi dan kemajuan masyarakat. Di dalam melaksanakan tujuan itu Kementerian saya akan mengambil perhatian dan menumpukan sepenuh tenaga bagi menggalakkan perpaduan negara.

Untuk mencapai tujuan-tujuan yang telah saya sebutkan tadi, Kementerian saya telah menjalankan 4 jenis aktiviti mengikut sebagaimana kehendak-kehendak sistem Belanjawan Rancangan dan Prestasi yang dipraktikkan oleh Kerajaan sekarang ini. Aktiviti-aktiviti itu ialah:

- (1) Pentadbiran Am;
- (2) Perkhidmatan Kesihatan Awam;
- (3) Perkhidmatan Rawatan Pesakit;
- (4) Perkhidmatan Bantuan, yakni Perkhidmatan Setor; dan Bekalan, Perkhidmatan Penyelidikan dan Perkhidmatan Latihan.

Peruntukan-peruntukan bagi tahun 1974 mengikut aktiviti-aktiviti itu adalah seperti berikut:

Pentadbiran Am	\$ 11,392,162
Perkhidmatan Kesihatan Awam ...	81,357,610
Perkhidmatan Rawatan Pesakit ...	181,474,500
Perkhidmatan Bantuan	16,316,000
Jumlah	<u>\$290,540,272</u>

Pentadbiran Am

Kementerian saya adalah sebuah Kementerian yang bercantum di mana terdapat gulungan-gulungan pegawai-pegawai pentadbir dan pegawai-pegawai iktisas berkhidmat bersama-sama untuk memberi nasihat kepada saya supaya dasar-dasar berkenaan dengan kesihatan dapat dibuat bagi mencapai tujuan Kementerian ini. Tanggungjawab yang besar dalam hal ini ialah untuk melaksanakan tujuan-tujuan Kementerian saya termasuklah membuat keputusan, dasar, kewangan, perjawatan, perkhidmatan, rancangan dan penyelidikan, latihan dan pelajaran, kejuruteraan dan lain-lain yang ada kaitan dengan kesihatan.

Selain daripada ibupejabat di Kementerian saya, ada 13 pejabat-pejabat Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di negeri-negeri dan 12 buah yayasan-yayasan kesihatan.

Peruntukan bagi aktiviti ini bagi tahun 1974 ialah \$11,392,162.

Perkhidmatan Kesihatan Awam

Kesihatan rakyat dalam tahun 1972 terus meningkat ke arah kemajuan yang baik disebabkan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan telah diperluaskan kepada segulungan besar rakyat di Malaysia ini. Perhatian harus juga dibuat dalam mengawal dan membasmi beberapa jenis, penyakit-penyakit yang berjangkit seperti malaria, tibi dan kusta.

Angka kematian juga telah jatuh dan angka kematiian bayi juga berkurangan daripada 68.9 bagi tiap-tiap 1,000 bayi yang lahir dalam tahun 1960 kepada 40.8 bagi tiap-tiap 1,000 dalam tahun 1970. Angka-angka kematian juga telah jatuh daripada 9.5 bagi tiap-tiap 1,000 dalam tahun 1960 kepada 6.9 bagi tiap-tiap 1,000 dalam tahun 1970. Angka kematian kanak-kanak berumur dari satu hingga empat tahun juga telah jatuh daripada 8 bagi tiap-tiap 1,000 dalam tahun 1960 kepada 4.2 bagi tiap-tiap 1,000 dalam tahun 1970.

Daripada angka yang telah saya sebutkan tadi Kementerian saya berasa puashati di atas langkah-langkah yang dijalankan, akan tetapi Kementerian saya akan berusaha lagi dalam tahun 1974 ini dan tahun-tahun yang akan datang untuk memperbaiki lagi angka-angka itu kepada satu angka yang serendah-rendahnya yang dapat dijalankan. Langkah-langkah yang sedang dirancangan ialah untuk memberi bantuan kepada kakitangan-kakitangan untuk menerangkan kepada seluruh rakyat dengan cara memberi nasihat-nasihat di atas langkah-langkah kesihatan dengan menanamkan semangat kerjasama supaya mereka itu menggunakan dengan sepenuhnya perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang telah disediakan oleh Kerajaan untuk mereka. Sokongan-sokongan dan kerjasama daripada semua gulungan rakyat adalah mustahak bagi Kementerian saya mencapai kejayaan seperti yang dimaksudkan. Oleh yang demikian, saya suka mengambil peluang pada hari ini untuk menyeru kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan

yang mulia ini dan kepada rakyat jelata seluruhnya supaya bersama-sama dengan Kementerian saya menjalankan tujuan-tujuan dan menyokong semua rancangan-rancangan untuk kebaikan rakyat dan negara kita.

Tuan Pengerusi, disebabkan segulungan rakyat yang besar adalah terdiri daripada kanak-kanak yang berumur kurang 15 tahun dan sebahagian besar daripada mereka-mereka itu berada di dalam kawasan-kawasan di mana tidak terdapat kemudahan-kemudahan kesihatan luarbandar, maka di dalam tahun 1974 12 pasukan bergerak akan dilancarkan untuk memberi perkhidmatan di dalam bidang perubatan, dan rawatan kesihatan ibu dan kanak-kanak, di kawasan-kawasan yang tersebut terutama sekali di kawasan-kawasan pendalaman. Adakah dijangkakan bahawa sehingga penghujung tahun 1975 sejumlah 6.5 juta penduduk-penduduk di kawasan-kawasan tersebut akan mendapat perkhidmatan kesihatan luarbandar ini.

Untuk memperbaiki lagi mutu perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan, terutama sekali perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak, Kementerian saya akan menempatkan 11 orang pegawai-pegawai kesihatan ibu dan kanak-kanak di peringkat-peringkat negeri di dalam tahun 1974 dengan bertujuan untuk memperbaiki penyediaan rancangan, berkenaan dengan kesihatan ibu dan kanak-kanak di peringkat negeri.

Untuk memperhebatkan perkhidmatan dan menggunakan kakitangan-kakitangan dengan sepenuhnya, adalah didapati mustahak bidan-bidan Kerajaan yang ditempatkan di Klinik-klinik bidan dilatih semula dalam ilmu kejururawatan supaya dapat mereka itu memberi perkhidmatan rawatan bukan sahaja kepada ibu-ibu dan kanak-kanak akan tetapi kepada seluruh desa di mana mereka itu bertugas. Mereka ini akan digelar semula sebagai Jururawat Desa dan klinik-klinik bidan akan dinamakan Klinik Desa. Rancangan permulaan telah dijalankan di dalam tahun 1973 di mana sejumlah 120 bidan-bidan Kerajaan telah dilatih sebagai Jururawat Desa, dan mereka telah dipilih daripada kawasan-kawasan yang penting, terutama kawasan rancangan FELDA. Menjelang tahun 1974, 120 bidan Kerajaan akan dilatih semula untuk menjalankan Klinik-klinik Desa di kawasan-kawasan yang tertentu. Latihan-latihan ini akan terus dijalankan sehingga semua

bidan-bidan Kerajaan dapat dilatih semula untuk menjalankan kerja-kerja di semua Klinik-klinik Desa di negara ini.

Penyatuan Perkhidmatan Perancang Keluarga dengan Perkhidmatan Kesihatan Bandar

Penyatuan kedua-dua perkhidmatan ini telah dimulakan dalam tahun 1971, di lapang buah daerah kesihatan untuk melayani lebih kurang 789,000 orang penduduk. Sambutan rakyat terhadap perkhidmatan ini sangatlah menggalakkan dan dalam tahun 1973 dan 1974 projek Penyatuan Perancang Keluarga ini akan diperkembangkan sehingga meliputi 7 buah daerah kesihatan lagi untuk memberi perkhidmatan kepada kira-kira 3.4 juta penduduk di luarbandar.

Amalan Nilai Pemakanan

Projek ini telah dilancarkan dalam tahun 1969 di Selangor dengan bertujuan untuk memperbaiki mutu bahan-bahan makanan rakyat melalui aktiviti Pembangunan Masyarakat. Di dalam tahun 1973 projek ini telah diperluaskan kepada seluruh kawasan daerah Kuala Selangor, Kuala Trengganu, meliputi lebih kurang 336,600 penduduk. Di dalam tahun 1974, projek ini akan terus diperkembangkan kepada 13 buah daerah di Semenanjung Malaysia dan Sarawak meliputi penduduk-penduduk sejumlah 1.2 juta.

Unit Kawalan Vektor

Di dalam tahun 1974 satu unit baru yang bernama Unit Kawalan Vektor akan ditubuhkan di Kementerian saya. Tujuan penubuhan unit ini ialah mengujudkan satu rancangan bagi mengesan, mengawal dan menghapuskan jenis-jenis vektor. Tujuan yang kedua ialah mengadakan satu kajian di peringkat kebangsaan bagi mengesan nyamuk jenis *Aedes* untuk menentukan kawasan-kawasan yang mempunyai kemungkinan merebaknya penyakit demam denggi.

Selain daripada penerangan-penerangan ringkas yang telah saya sebutkan tadi aktiviti-aktiviti Kementerian yang telah dijalankan pada tahun-tahun yang lalu akan terus dijalankan dan akan diperkuatkan lagi.

Peruntukan bagi aktiviti ini bagi tahun 1974 ialah \$44,627,500.

Perkhidmatan Pergigian

Tuan Pengerusi, tujuan perkhidmatan ini ialah untuk menjalankan aktiviti-aktiviti bagi mencegah, mengawal dan merawat semua penyakit-penyakit yang ada hubungan dengan penyakit gigi terutama sekali kepada kanak-kanak sekolah, kanak-kanak yang belum bersekolah, ibu-ibu yang mengandung dan orang ramai. Sebahagian besar daripada perkhidmatan ini ialah ditumpukan dengan memberi perkhidmatan pergigian di sekolah-sekolah dan di klinik-klinik ibu mengandung.

Sehingga penghujung tahun 1973 sejumlah 45 buah klinik akan ditambah bagi menjadi jumlah besar 583 buah dan di dalam tahun 1974, 24 buah klinik pergigian lagi akan dibina.

Di dalam tahun 1973 Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan untuk memfloraidkan air seluruh negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ini. Perlaksanaan akan dijalankan di dalam tahun 1974. Wang sejumlah \$1,130,503 telahpun diperuntukkan untuk membeli perkakas-perkakas alatan yang akan digunakan untuk pelaksanaan ini.

Perkhidmatan-perkhidmatan rawatan yang diberi di hospital-hospital pada masa ini hanya terdapat di 20 buah klinik-klinik di hospital-hospital di seluruh negara. Sehingga penghujung tahun 1973, 14 buah lagi klinik akan disediakan dan 12 buah klinik akan disiapkan di dalam tahun 1974. Rawatan-rawatan yang diberikan di klinik-klinik ini, ialah kepada pesakit-pesakit yang dirujuk oleh pegawai-pegawai pergigian yang bertugas di klinik-klinik yang lain, untuk mendapat rawatan kepakaran.

Peruntukan bagi aktiviti ini bagi tahun 1974 ialah \$15,896,800.

Perkhidmatan Mengawal Penyakit

Tuan Pengerusi, tujuan perkhidmatan ini ialah untuk mengelakkan kemasukan penyakit-penyakit yang berjangkit daripada luar negeri dan mengawal dengan cara yang bersistem akan penyakit-penyakit yang berjangkit yang ada dalam negeri ini seperti penyakit malaria, penyakit tibi, penyakit kusta, penyakit puru dan penyakit untut.

Peruntukan-peruntukan yang dikehendaki bagi mengawal penyakit-penyakit yang disebutkan tadi berjumlah sebanyak

\$23,664,310. Peruntukan-peruntukan adalah dibahagikan seperti berikut:

Membasmi dan Mengawal

Malaria	\$20,497,200
Penyakit Tibi	2,579,000
Penyakit Kusta	340,000
Penyakit Puru	71,250
Penyakit Untut	176,860

Perkhidmatan Basmi Malaria

Semenjak perkhidmatan ini dimulakan di dalam tahun 1967 sehingga tahun 1973, kerja-kerja penyemburan ubat DDT telah dijalankan meliputi negeri-negeri daripada Perlis sehingga ke Selangor, di Pantai Barat, dan dari Kelantan sehingga ke Pahang, di Pantai Timur, di Semenanjung Malaysia telah dijalankan. Di dalam tahun 1973 ini kerja-kerja permulaan telah dijalankan di Negeri Sembilan dan di Melaka. Di dalam tahun 1974, seluruh Negeri Johor akan dimulakan dari Peringkat Persediaan. Ini bermakna bahawa mulai tahun 1975 semua negeri-negeri di Semenanjung Malaysia akan berada di dalam peringkat penyerangan di dalam usaha menghapuskan penyakit malaria ini.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam tahun 1973 akan memberi perlindungan kepada 4.4 juta penduduk-penduduk, yang pada masa lalu terdedah kepada penyakit malaria ini. Adalah diramalkan, di dalam tahun 1974, usaha-usaha ini akan melibatkan tambahan sebanyak 3.1 juta penduduk di dalam semua kawasan.

Perkhidmatan Mengawal Malaria

Perkhidmatan ini akan terus dijalankan di dalam kawasan-kawasan bandar dengan cara memusnahkan jentik-jentik, meminyakkan air bertangkang dan lain yang dijalankan pada tahun yang lalu. Pengawalan juga dijalankan di kawasan-kawasan peneroka FELDA.

Jumlah penduduk-penduduk dalam bandar yang mendapat perlindungan ialah 2.8 juta dan di dalam tahun 1974 sejumlah 407,443 di dalam kawasan-kawasan FELDA akan mendapat perlindungan penyakit ini.

Perkhidmatan Mencegah Tibi

Tujuan utama perkhidmatan ini ialah untuk mengawal penyakit tibi supaya ia

tidak lagi menjadi satu masalah kesihatan umum. Di dalam menjalankan aktiviti-aktiviti ini tiga cara yang berkesan dijalankan pada masa ini, iaitu:

- (1) Memberi perlindungan penyakit ini kepada sekurang-kurangnya 75% daripada rakyat jelata dengan suntikan BCG.
- (2) Mengenalkan 2/3 daripada kes-kes yang berjangkit yang terjadi dalam tiap-tiap tahun meliputi seluruh rakyat.
- (3) Memberi rawatan yang cukup dan berkesan kepada sekurang-kurangnya 95% daripada kes-kes yang berjangkit yang dikenalkan supaya penyakit itu tidak berjangkit lagi.

Dengan cara-cara yang tersebut Rancangan Tibi Kebangsaan telah menjalankan kerja-kerjanya untuk memberi perlindungan kepada seluruh rakyat dengan cara memberi latihan-latihan kepada semua kakitangan-kakitangan yang ada berkaitan dengan penyakit ini, menjalankan suntikan BCG dan mencari penyakit-penyakit dan merawatkannya. Usaha-usaha yang akan dijalankan di dalam tahun 1974 adalah sambungan kepada usaha-usaha yang telah dijalankan di tahun-tahun yang telah lalu.

Perkhidmatan Mengawal Kusta

Sehingga penghujung tahun ini sejumlah 22 buah klinik telah ditubuhkan untuk menjalankan kerja-kerja dengan sepenuhnya di seluruh Semenanjung Malaysia. Perkhidmatan ini juga akan dilanjutkan ke Negeri Sarawak mulai tahun 1974.

Perkhidmatan ini sangatlah penting dengan sebab, kes-kes baru yang dikesan akan mendapat rawatan dengan tidak payah dimasukkan ke Penempatan Kusta, Sungai Buloh. Ini adalah satu usaha yang dijalankan supaya pesakit-pesakit itu tidak dikecualikan oleh masyarakat umum seperti yang terdapat pada masa sekarang ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Perkhidmatan Penyakit Puru

Perkhidmatan ini hanya dijalankan di kawasan-kawasan yang terdapat penyakit yang tersebut iaitu di Pulau Pinang. Kejayaan yang besar telah dapat dicapai di

dalam perkhidmatan ini dan pasukan-pasukan yang menjalankan tugas ini dapat dipindahkan kepada kawasan-kawasan yang dilapurkan mendapat kes-kes yang baru. Bagi kawasan-kawasan yang lain perkhidmatan ini telah disatukan di bawah Perkhidmatan Kesihatan Umum mulai tahun 1973. Perkhidmatan ini akan beransur-ansur berkurangan dan disatukan apabila kawalan penyakit ini dapat dikawalkan.

Perkhidmatan Penyakit Untut

Perkhidmatan ini hanya didapati di dalam 6 buah negeri sahaja; iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Johor dan Pahang. Beberapa pasukan telah ditempatkan di negeri-negeri yang tersebut untuk menjalankan kerja-kerja mengesan dan merawat pesakit-pesakit yang dijumpai ada hubungan dengan penyakit untut. Dalam tahun 1974 kerja-kerja pasukan-pasukan di negeri-negeri yang tersebut akan diteruskan.

Perkhidmatan Rawatan Pesakit

Tuan Pengerusi, Perkhidmatan Rawatan Pesakit adalah satu perkhidmatan yang besar yang dijalankan oleh Kementerian saya. Di dalam tahun 1974 anggaran perbelanjaan telah dibuat sebanyak \$181,474,500 jika dibandingkan dengan peruntukan yang telah diberi kepada perkhidmatan ini yang berjumlah \$154,134,500 dalam tahun 1973.

Tujuan Kementerian saya ialah untuk memberi perkhidmatan rawatan pesakit yang cekap dan bertaraf tinggi serta mempunyai kemudahan-kemudahan yang cukup serta moden di semua hospital-hospital di seluruh Malaysia ini. Kemudahan-kemudahan yang tersebut termasuklah kemudahan-kemudahan mengenal penyakit dan merawatnya.

Dengan sebab perkhidmatan ini adalah perkhidmatan yang besar yang dijalankan maka masalah-masalah yang berbangkit di dalam hal melaksanakan perkhidmatan itu juga adalah besar terutama sekali masalah-masalah yang ada hubungan dengan kakitangan iaitu doktor-doktor, jururawat-jururawat dan kakitangan-kakitangan professional yang lain.

Sungguh pun begitu, Kementerian saya telah menjalankan usaha-usaha yang dapat dijalankan bagi mendapatkan kakitangan-kakitangan yang cukup dari seberang laut dan di sini saya mengambil peluang untuk

mengucapkan terima kasih kepada negara-negara jiran dan negara-negara Asia yang telah dapat menolong Kerajaan Malaysia untuk memberikan pakar-pakar dan doktor-doktor mereka berkhidmat di negara kita ini. Negara-negara yang tersebut adalah Indonesia, Pakistan, United Arab Egypt dan Burma. Dengan perkhidmatan-perkhidmatan pakar-pakar itu, maka saya percaya bahawa perkhidmatan rawatan pesakit di hospital-hospital akan dapat diperbaiki lagi.

Perkhidmatan Latihan

Disebabkan kekurangan kakitangan-kakitangan yang saya sebutkan tadi, maka Kementerian saya telah berusaha untuk lipat-gandakan Perkhidmatan Latihan yang dijalankan oleh Kementerian saya itu. Usaha-usaha yang penting dijelaskan di dalam Dewan ini ialah usaha-usaha yang dijalankan di Sekolah-sekolah Latihan Jururawat di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Melaka, yang mana angka-angka telah menunjukkan bahawa usaha-usaha yang dijalankan itu akan dapat mengatasi kekurangan kakitangan-kakitangan jenis ini di dalam tahun 1975-76. Semenjak tahun 1972 angka-angka pengambilan telah ditambah menjadi 600 pelatih dan di dalam tahun ini sejumlah 800 pelatih-pelatih telah diambil dan di dalam tahun 1974 adalah dijangka sejumlah 960 akan diambil sebagai pelatih-pelatih di Sekolah-sekolah Latihan Jururawat yang telah saya sebutkan tadi.

Dengan mengadakan Latihan secara kilat yang mana Kementerian saya telah menggunakan sebahagian daripada peruntukan pembangunan untuk menambahkan dan melengkapkan sekolah-sekolah tersebut untuk mengurangkan kerumitan dan menambahkan lagi angka jururawat-jururawat yang akan keluar berkhidmat di bawah aktiviti-aktiviti kesihatan dan juga rawatan pesakit.

Latihan-latihan dalam perkhidmatan juga sedang dijalankan dengan pesatnya di pusat-pusat latihan yang tertentu untuk menambahkan lagi kecekapan kakitangan-kakitangan di bawah Kementerian ini.

Perkhidmatan-perkhidmatan Penyelidikan, Setor dan Bekalan

Perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk membantu aktiviti-aktiviti perkhidmatan kesihatan dan rawatan pesakit supaya perkhidmatan-perkhidmatan itu dapat dijalankan dengan baik dan licin.

Tuan Pengerusi, sekarang sukalah saya menyentuh pula perkara-perkara yang ada hubungan dengan Anggaran Pembangunan Tahun 1974. Izinkan saya, Tuan Pengerusi, untuk meninjau secara ringkas kemajuan-kemajuan yang terpenting yang telah dijalankan oleh Kementerian saya sejak Rancangan Malaysia Kedua dilancarkan, dan untuk memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini secara am kemajuan-kemajuan yang telah dicapai sehingga masa ini.

Saya suka melapurkan kepada Dewan ini bahawa pada keseluruhannya kemajuan di dalam projek-projek pembangunan Kementerian saya sangatlah memuaskan. Dalam masa 5 tahun, 1971-1975, di bawah Rancangan Malaysia Kedua, sejumlah 1,354 projek-projek telah diatitkan. Daripada jumlah ini langkah-langkah dan tindakan-tindakan telahpun diambil ke atas 1,182 projek, iaitu 87.3% daripada jumlah projek-projek yang dirancangan.

Di akhir bulan Oktober 1973 sejumlah 631 projek telahpun siap dibina dan sedang memberikan perkhidmatan kepada rakyat. Sebagai tambahan, sebanyak 260 projek adalah di dalam beberapa peringkat pembinaan dan kebanyakannya akan hampir siap tidak berapa lama lagi. Sebanyak 96 projek lagi telahpun ditawarkan dan kerja-kerja pembinaan akan bermula tidak lama lagi. Sebanyak 195 projek lagi adalah dalam peringkat akhir perancangan. Kebanyakan daripada projek-projek ini adalah dalam peringkat penyediaan butir-butir tawaran.

Tuan Pengerusi, dalam masa tiga tahun yang lampau, Kementerian saya telah menitikberatkan terhadap pembangunan-pembangunan kemudahan-kemudahan fizikal di luarbandar di bawah Rancangan Kesihatan Luarbandar dan di bawah rancangan ini sebanyak 223 Rumah Bidan dan Klinik telahpun disiapkan. Sebagai tambahan sebanyak 32 Pusat-pusat Kesihatan Kecil yang baharu telah dibina di seluruh negara. Sebanyak 25 Pusat-pusat Kesihatan Besar telah juga disediakan dalam masa itu.

Di bawah rancangan memperbaiki hospital yang termasuk pembinaan Jabatan Pesakit Luar yang baharu, Jabatan X-ray yang baharu, Dewan Bedah, tambahan wad-wad, dapur baharu dan lain-lain lagi; sebanyak 119 projek-projek telahpun siap dan sebanyak 116 projek adalah di dalam beberapa

peringkat pembinaan. Dalam Rancangan Malaysia Kedua boleh dikatakan semua hospital di Semenanjung Malaysia telah menunjukkan pembangunan-pembangunan yang telah dilakukan dalam masa 3 tahun yang lepas.

Kementerian saya juga telah menitikberatkan di atas memperluaskan lagi Rancangan Latihan untuk menentukan jumlah yang cukup bagi kakitangan-kakitangan perubatan dan para-perubatan untuk mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan yang berkembang dengan pesatnya. Kerja-kerja telahpun bermula ke atas tambahan kepada Institut Kesihatan Umum dan pembinaan ke atas asrama untuk Ahli-ahli Teknologi Makmal Perubatan dan Pembantu Makmal. Fakulti Pergigian Universiti Malaya adalah dalam pembinaan dan satu blok wad 4 tingkat yang baharu sedang dibina di Universiti Malaya untuk menambahkan lagi jumlah katil bagi menampung penuntut-penuntut perubatan yang kian bertambah. Dalam pada itu Rancangan Latihan Cara Kilat (Crash Programme) untuk penuntut-penuntut jururawat dan penolong jururawat telah bermula dengan mengubah dan menambah kemudahan-kemudahan yang terdapat pada masa ini.

Di bawah rancangan pergigian beberapa Klinik Pergigian, Pusat Pergigian Sekolah, Klinik Pergigian Sekolah dan van yang bergerak akan disediakan untuk seluruh negara. Kemajuan yang dicapai dalam rancangan ini adalah memuaskan dan sebanyak 65% daripada matlamat yang dijangkakan telah tercapai.

Di bawah rancangan untuk membina Hospital-hospital Daerah Baru dan menggantikan beberapa Hospital Besar dengan yang baharu, kemajuan yang dicapai adalah sederhana. Ini adalah disebabkan keupayaan yang terhad oleh Jabatan Kerja Raya kerana projek-projek yang besar ini memerlukan kerja-kerja melukis, merancang, menyediakan lukisan-lukisan structural dan kejuruteraan dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, saya sukacita melapurkan bahawa sebuah hospital telah siap dibina di Changkat Melintang. Sebuah hospital di Banting hampir siap dan kerja-kerja telahpun bermula terhadap pembinaan Hospital Besar Ipoh. Tawaran telahpun dipanggil untuk Hospital Jerneh. Tawaran-tawaran sedang disediakan untuk membina hospital-hospital Tanah Merah, Machang dan Jerantut.

Penggantian bagi hospital-hospital di Kota Bharu dan Kuala Trengganu adalah di dalam perancangan. Kemajuan Pembinaan Hospital Besar Kuala Lumpur adalah memuaskan.

Peruntukan yang diminta bagi tahun 1974 adalah termasuk jumlah sebanyak hampir \$4 juta untuk rancangan latihan. Projek-projek besar dalam rancangan ini ialah 2 buah sekolah baharu untuk latihan Jururawat di Kota Bharu dan Ipoh dan sebuah sekolah untuk Ahli-ahli Teknologi makmal perubatan di Instituti Penyelidikan Perubatan. Di bawah Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar, jumlah sebanyak \$10.7 juta telah diminta untuk menyediakan beberapa Pusat Kesihatan Besar, Pusat Kesihatan Kecil dan Rumah Bidan dan Klinik di Luar Bandar. Sebagai tambahan, sejumlah 50 buah Rumah Bidan dan Klinik akan dijadikan Klinik Desa di dalam rancangan-rancangan tanah LKTP. Ini adalah mengikut dasar baharu yang memberikan Jururawat Desa (Community Nurses) kepada kawasan-kawasan luar bandar.

Di bawah rancangan memperbaiki hospital-hospital dan pembinaan hospital-hospital, jumlah sebanyak \$24.5 juta adalah dipinta untuk melaksanakan 100 projek dan untuk membina Hospital-hospital Daerah dan Hospital-hospital yang baru. Dalam tahun yang sama juga jumlah sebanyak \$1.5 juta adalah diminta untuk membeli ambulans-ambulans, landrovers, minibuses dan lain-lain untuk hospital-hospital dan kawasan-kawasan luar bandar.

Sarawak

Kemajuan projek-projek pembangunan di Sarawak adalah sangat memuaskan dan jauh melebihi jangka masa rancangan. Rancangan Perkhidmatan Kesihatan Luarbandar dan Perkhidmatan-perkhidmatan Pergajian adalah jauh lebih maju daripada yang dijangkakan. Beberapa kerja untuk memperbaiki hospital-hospital telahpun dijalankan untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih berkesan lagi kepada rakyat. Daripada jumlah \$5.5 juta, peruntukan yang besar adalah sebanyak \$1.5 juta untuk pembangunan perkhidmatan kesihatan luarbandar, \$1.5 juta untuk kerja-kerja akhir di Hospital Besar Baru di Sarawak dan untuk Hospital Daerah Baru di Limbang, Serian dan Saratok. Sebanyak \$600,000 adalah diminta untuk

memperbaiki hospital-hospital daerah yang ada sekarang, \$500,000 untuk kediaman kakitangan dan \$500,000 juga untuk pembelian kenderaan.

Sabah

Daripada jumlah sebanyak \$6.5 juta, hampir \$1 juta ialah untuk pembangunan perkhidmatan kesihatan luarbandar yang termasuk Pusat Kesihatan Kampung, Dispensaries Luarbandar dan lain-lain lagi. Sebanyak \$1.2 juta adalah untuk Hospital-hospital Daerah baru di Beaufort, Ranai, Beluran dan Tambunan. \$2 juta untuk tambahan kepada Hospital Besar Kota Kinabalu, \$1.7 juta untuk Hospital-hospital Sandakan dan Duchess of Kent.

Tuan Pengerusi, dalam masa 3 tahun yang lalu, Kementerian saya telah memperluaskan kemudahan-kemudahan dengan kadar yang tiada pernah dilakukan dahulu, dan kemajuan yang dicapai adalah memuaskan. walau bagaimanapun, ada beberapa kelewatan yang berlaku terutama sekali di mana kemudahan-kemudahan besar di kawasan-kawasan bandar, terdapat. Ini adalah disebabkan oleh kerja-kerja besar dalam rancangan dan menyediakan lukisan-lukisan tapak terlibat. Untuk mengatasi masaalah ini, beberapa projek besar Kementerian ini telah diserahkan kepada perunding-perunding bersendirian tempatan dan adalah diharapkan dengan langkah-langkah ini, projek-projek ini akan dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Beberapa rancangan latihan cara kilat yang telah dimulakan untuk menambahkan tenaga-tenaga perubatan dan para-perubatan sekolah-sekolah yang tetap untuk memenuhi kehendak-kehendak jangka panjang, akan menentukan bahawa perkhidmatan perubatan kita akan mencukupi kelak.

Tuan Pengerusi, dengan penerangan-penerangan yang telah diterangkan secara ringkas itu, saya memohon supaya peruntukan-peruntukan berikut diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada jadual:

- (1) Peruntukan sebanyak \$290,540,272 di bawah Kepala B. 28 Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1974.
- (2) Peruntukan sebanyak \$62,000,000 di bawah Kepala P. 28 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1974.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

7.06 mlm.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): Tuan Pengerusi, saya mencadangkan: Bahawa wang diutukkan bagi Kepala B. 28 Pecahan-kepala (Kod) 1100 dalam Belanjawan Persekutuan Tahun 1974 Kertas Perintah 32 Tahun 1973, dikurangkan sebanyak \$100 berkaitan dengan gaji Menteri Kesihatan.

Saya minta izin berucap dalam bahasa Ingeris.

(*Dengan izin*) On August 22 I called a Press conference in my Malacca office.

Tuan Pengerusi: What year?

Tuan Lim Kit Siang: last year—making public the unusually high number of deaths in the Malacca Hospital during July and August last year because of the breakdown of the hospital's autoclave, i.e. sterilisation plant, leading to blood and saline poisoning of the patients. I called for a public enquiry into the deaths and into the negligence and maladministration of the Malacca Hospital which made such mass deaths possible.

In response to my call and disclosures, the Honourable Minister of Health on August 24 ordered an investigation by his Ministry of Health and, with your permission, Mr Chairman, I quote from the *Straits Times* of August 25—a very short one:

“Health Minister, Tan Sri Lee Siok Yew, ordered today a full investigation into twelve deaths at the Malacca General Hospital earlier this month. In a statement Tan Sri Lee said that there had been allegations linking the deaths with an autoclave (sterilisation plant) breakdown at the hospital.

Tan Sri Lee said it was unfortunate that some people had associated the twelve deaths with the breakdown of the autoclave. He stressed that the deaths could be due to many factors and in fact the nature of the illness could lead to death. “I would like to clarify that one autoclave was condemned on July 21”—quoting Tan Sri Lee—“Immediate action was taken by the hospital authorities to

use the second autoclave available in the hospital. However, since August 13, the second autoclave also started to break down and was immediately stopped from being used. At the same time, action was taken to instal two new autoclaves which were already available in the Malacca General Hospital.

While waiting for the two autoclaves to be commissioned, steps were taken to obtain the necessary sterilised supplies from the Seremban General Hospital and the Central Medical Stores in Kuala Lumpur!”

The Minister's statement of August 24 was a tissue of falsehoods made to mislead me, the Press, the people, the country and to mislead his Cabinet colleagues.

Thus, firstly, there were not 12 deaths during the period in question, but 106 deaths. The Minister kept insisting that there were only 12 deaths until December 19 in this House, when he was confronted with incontrovertible figures which I produced. The average monthly mortality rate for the Malacca General Hospital for the first six months of last year was 70, but for the one-month period from July 21 to August 20 when the autoclave broke down, there were 106 deaths—or an excess of 36 deaths.

Secondly, at the relevant time in question, the Malacca General Hospital did not have two operational autoclaves. There was only one autoclave for sterilising bottles and drums of dressings and cotton, and one disinfecting unit for mattresses and beddings. It is true that the Malacca General Hospital at the relevant time had two new autoclaves and they could have installed them for operation in May. Unfortunately, owing to the maladministration of the hospital authorities in Malacca, no steps were taken to instal the two new autoclaves that were sent there until innocent people in large numbers had died.

Thirdly, the Minister said that the so-called first autoclave was condemned on July 21. In actual fact, this autoclave was to be condemned two months earlier in May. In other words, a condemned autoclave was used for two more months when it should have been taken out of operation.

Fourthly, when the autoclave that was to be condemned in May was finally condemned

on July 21, the hospital authorities substituted it with the disinfecting unit meant for cleaning mattresses and beddings to sterilise bottles and drums. This disinfecting unit had no means to ascertain whether the correct pressures, times and sterilisation had been made. No wonder that the Head of the Surgical Department in the Malacca Hospital refused to have his drums sterilised in this manner, and on his own initiative, to his great credit, made arrangements for his medical supplies and materials to be sterilised by the Muar General Hospital, which he was still doing well into September. The use of the disinfecting unit to sterilise bottles and drums and medical materials was the cause of the contamination of bottles, saline and blood.

Fifthly, the Minister said that since August 13 the second autoclave also started to break down and was immediately stopped from being used. As I have explained, there was no second autoclave, but only a disinfecting unit. (Anyway, I am sure autoclaves are not made to last for only 3 weeks).

There was no question of "starting to break down". On August 13, a gynaecologist accidentally discovered moulds and particles in a saline bottle, sent it to the laboratory for analysis and foreign bodies were discovered. This was why around August 15, the hospital authorities ordered the destruction of 42 pint-bottles of blood and 2,000 bottles of saline.

It can thus be seen from the above that the Minister's statement on August 24 was studded with falsehoods. What I want to know is whether he deliberately told these falsehoods, or he allowed himself to be completely misled by his underlings to tell these falsehoods. In either case, he does not show his competence or qualifications as a Minister of Health.

The month from July 21 to August 20 was indeed a nightmarish month in the Malacca General Hospital, not only for the patients and their relatives, but also for the doctors, nurses and the hospital staff—those who are dedicated, those whose conscience is still alive.

Maternity, surgical and medical cases which required blood transfusion or transfusion of saline, or salt solution in drops, reacted adversely. Especially beginning in

August, the majority of them reacted with rigeurs or convulsions. Others collapsed, lapsed into a coma and died. There had even been cases of deaths on the operating theatre, with the doctors and nurses at a loss as to what was happening—all running here and there, trying to contact each other, seeking mutual consolation and comfort which they could not find.

Routine cases of Caesarian operations, where deaths should not occur, ended up fatally. Surgical cases expired, and died. It was really a chamber of horrors and deaths.

On August 9 alone, there were 7 deaths. The mortuary was so crammed with corpses that they had to be put outside and if the Minister wants to have the list of names—everyday how many people died—I have the whole list here of all races. It is a most nightmarish episode.

I will give quickly some instances of the deaths, in order to illustrate to this House the enormity and the iniquity of what has transpired during the episode, and they have all one common feature, i.e. either they had blood transfusion or there had been drips administered.

(1) *Zaiton binte Mohamed*, 33, housewife, admitted on July 19 and was in hospital for 26 days for pre-natal care before labour pains came on August 12. It was to be her eleventh delivery, and that was why she was in for twenty-six days, so that she could be given full medical care, and that nothing amiss could take place. She had a Caesarian operation. She was given drips after the operation on August 12, sometime after midnight. When her husband, Rahim bin Mohamed Jan, saw her on the morning of August 13, she was tired but conscious and asked for food, which she was not given. She was given drips again; her hands became bloated. At about 6 p.m. she had rigeurs, her whole body was heated up as if it was on fire, and she died with her whole face and body turning blue at 9.00 p.m. She is survived by eleven children.

(2) *Vaithilingam s/o Kuppusamy*, 35, rubber tapper. He went on his own, walked to the hospital, on August 10 for a stone in the bladder operation. He was given drips and blood transfusion. After his operation on the morning of August 10, complications

developed. A second surgery took place the same afternoon. He died on August 11 at 7.00 p.m. I have been told that it is unusual for a fairly young man on a common complaint of stone in the bladder to die and he was assured, and his family was assured, that it was an ordinary routine operation before he went in. The death certificate gave as cause of death: Acute Renal Failure. Was there a previous check on the renal condition before the operation?

(3) *Choo Khing Bui*, 27, admitted on 16-8-73 at 2 a.m. for her sixth birth. In all five previous pregnancies she had normal deliveries. The husband went on the 17th August at 5.00 p.m. to the hospital to see her and was told that his wife was in a serious condition. He could not find out why or how. He had to wait until 10.00 p.m., when he was informed by a doctor that his wife was dangerously ill. When he was taken to see her, her hands and arms were bloated, and he saw she was receiving drips. She was in semi-consciousness until she died on the 18th of August at 12.50 a.m.

The death certificate gave as cause of death "Endotoxin shock", which I have been told means blood poisoning. The deceased was in a fit condition as late as 16th August, when she could wash her own clothes in the hospital. She leaves behind 6 children and her latest child survived her.

(4) *Salpiah binte Hassan*, 46, admitted on August the 7th for growth in stomach, for what hospital authorities said was an ordinary operation. Operated on 14th August, the patient coming out of operation in great pain, shouting and shivering. Given blood transfusion and drips. Died on 17th August. After her death, the family was told she underwent cancer operation. Before the operation, the family was not aware that the patient had cancer, nor was the family aware that she was going to undergo cancer operation.

(5) *How Joo Choon*, housewife. She was admitted on 29th June for a simple repair of a hernia. Operated on July 2nd, 1973 followed by complications. On August 2nd she developed rigours when she was given drips, which was repeated on 11th August, 1973. Lapsed into coma after 11th August and died on 19th August. Died because of

a simple hernia repair operation. The family was assured before her operation on July that hers was a very, very simple and routine operation.

(6) *Theresa Das*, 40, female. She was alive and well up to June, 1973 when she developed an ulcer on her left leg, and received outpatient treatment. Admitted to the General Hospital on 3rd August because of fever. She was later transferred to the gynaecology ward because of a lump in her lower abdomen.

Blood tests revealed that she was suffering from anaemia as well. Accordingly she was given a blood transfusion on 9th August 1973. Her mother visited her on the same evening after the blood transfusion, and found that her daughter was having fever and rigours. The ward nurse was informed but the mother was assured that there was nothing to worry, everything was all right. She went home at about 6 p.m.

The next morning at about 6.30 a.m. a policeman came and knocked at her house and informed her that her daughter was very seriously ill and advised her to go to the hospital immediately. The mother was too late, and found her daughter cold and very dead.

Theresa had no operation, but only a blood transfusion to boost her up for an operation. Cause of death given in the death certificate was "Myocardial Infarction". She had no history of chest pain to suggest that she had a heart complaint or disease.

(7) *Jamuldin Anan*, 1 year 2 months. Admitted on August 9th at 4.30 p.m. for breathing difficulties. Given injections. Operated on the 10th August and died the same morning.

(8) *Tan Kim Chat*, 20. She was admitted on July 19th on first case of pregnancy. She was given drips on 26th July. Gave premature birth on July 27th at 12.30 a.m. Baby was still born, but mother alive and well. The husband saw the wife at 8 a.m., and was told by the doctor that she was all right. Later in the morning she had rigours and died at 2.30 p.m., turning the whole body blue. The cause of death given in her death certificate was "pulmonary embolism". Tan Kim Chat was a strongly built person, who had no previous complaints about her health.

(9) *Lee Yong Wai, 2 years*: Admitted on 14th August for intestinal obstruction. Operated on 14th midnight. The boy was well on 15th August. Given drips and complications developed, was given a second operation, lapsed into unconsciousness and died on 17th August. The parents were told on 15th August that the child had fully recovered from the operation by the medical staff. This must be the last unfortunate case, for before the boy lapsed into unconsciousness, the hospital authorities rushed in, and must have discovered about the autoclave poisoning, to remove all the saline bottles, but for Lee Yong Wai it was too late.

(10) *Sukanthiranagy d/o Sithamparam. 23*: Sent from Segamat Hospital to Malacca Hospital on 10th August 1973 at 7.30 p.m., underwent Caesarian operation. Died on 11th August 1973. Cause of death given: "Septicaemic shock."

I should not go further, Tuan Pengerusi. It is not a very pleasant thing to read of these deaths, the circumstances of their deaths, but if the Honourable Minister wants, if he does not have them, there is a full list of all those who died from July 21st to August 20th here, exceeding the average monthly mortality in the Malacca Hospital by some 36 persons.

If on August 13th, a gynaecologist had not accidentally discovered about the contamination in the saline bottles, more would have died. It is criminal negligence on the part of the hospital administrators to allow the whole situation to go on for one month, although unprecedented mortality rates were piling up every day.

I am not saying that autoclaves cannot breakdown. I know there are in other parts of the world autoclaves as machines now and then do breakdown, but there should in any responsible hospital administration, be a monitoring mechanism and system whereby if there is unusual mortality rates for investigations to be made, enquiries to be held to find the cause. I am no doctor but I believe that is what would be done by hospitals where there is a minimum amount of patient responsibility.

I know that during this period, the doctors and staff were in panic, for they knew something was wrong but yet could not pin down the cause of the mass deaths.

In fact, there was a high level attempt to hush up this entire black chapter in the history of the Malacca Hospital, and if it were not for my public disclosures on August 22nd, probably they would have succeeded.

In this connection, it is worth noting that on 18th or 19th August, the Honourable the Minister of Health was in Malacca and met the Malacca Hospital authorities. Was the Minister privy to an attempt to hush up the entire episode?

I had right from the beginning sought to co-operate with the Minister of Health in order to get to the bottom of this ghastly episode. Unfortunately, the Minister of Health, apart from presenting an exterior of sweet reasonableness, of concern, of affability, seemed more interested in hushing up the matter.

On my initiative, I met the Minister of Health in his office in Kuala Lumpur on August 30th 1973 to tell him of the seriousness, the magnitude of the whole affair, and for which later some irresponsible cheap M.C.A. officials tried to capitalise and say the D.A.P. chaps are running after M.C.A. Ministers.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Panjang.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat boleh sambung lagi esok kerana masa sudah cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.